ISTILAH-ISTILAH TAṢAWWUF MENURUT SHAYKH `ABD AL-QĀDIR AL-FAṬĀNI : TRANSLITERASI DAN ANOTASI KITAB *LUJJAYN AL-DĀNĪ*

AMIRUL HISHAM BIN AFANDI

PUSAT PENGAJIAN USULUDDIN
FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
KAMPUS GONG BADAK
2019

ISTILAH-ISTILAH TAṢAWWUF MENURUT SHAYKH `ABD AL-QĀDIR AL-FAṬĀNI : TRANSLITERASI DAN ANOTASI KITAB *LUJJAYN AL-DĀNĪ*

AMIRUL HISHAM BIN AFANDI

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN IJAZAH
SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM
(USULUDDIN) DENGAN KEPUJIAN

PUSAT PENGAJIAN USULUDDIN
FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
KAMPUS GONG BADAK
2019

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

28 April 2019

Amirul Hisham bin Afandi
BIAL16043952

ABSTRAK

Kitab jawi merupakan bukti ketamadunan Masyarakat Melayu. Ia telah merekodkan perkembangan sosiobudaya, intelektual dan pemikiran mereka sejak dahulu lagi. Namun generasi baru kini mulai melupakan kitab jawi kerana lemahnya penguasaan jawi. Malah ada pihak bersikap prejudis terhadap kandungannya dengan mendakwa ia tidak mempunyai sumber yang dapat dipertanggungjawabkan. Hal ini kerana mereka meninggalkan tradisi keilmuan yang diwariskan. Kajian kualitatif ini adalah tentang *Lujjayn al-Dānī*, sebuah karya terjemahan Shaykh al-Faṭānī berkenaan biografi Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylāni yang semakin dilupakan oleh masyarakat. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menperkenalkan dan mengangkat kembali nama Shaykh al-Faṭānī serta kitab ini melalui pentransliterasian dan penganotasian. Selain bertujuan untuk menganalisis penggunaan istilah-istilah taṣawwuf tentang pangkat-pangkat kewalian yang dinukilkan sebagai catatan pinggir oleh beliau. Bagi tujuan ini pengkaji menggunakan metod dokumentasi, pensejarahan dan analisis kandungan dalam pengumpulan maklumat. Setelah itu bagi menganalisis data, metod induktif, deduktif serta komparatif telah digunakan. Metod transliterasi daripada Tulisan Arab dan Jawi kepada Tulisan Rumi dilakukan pada teks selain metod anotasi dilakukan pada perkataan tertentu, nama tempat serta tokoh. Didapati beliau merupakan seorang tokoh yang berkaliber pada zamannya. Beliau sangat berjasa kepada perkembangan tamadun Masyarakat Melayu. Penterjemahan kitab ini dan catatan pinggir yang dilakukan oleh beliau menunjukkan tahap ketinggian penguasaan ilmu masyarakat pada zaman tersebut. Mereka mempunyai daya pemikiran yang tersendiri yang terhasil daripada penelitian terhadap sumber-sumber yang muktabar. Kajian ini sangat berguna untuk mengenalpasti potensi keilmuan Masyarakat Melayu khususnya dalam bidang taṣawwuf disamping dapat memperkenalkan kembali tokoh silam serta kehidupan mereka serta legasi keilmuan yang ditinggalkan untuk generasi sekarang dan akan datang.

.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN

Sesungguhnya puji dan syukur itu hanyalah layak bagi Allah ta`ālā. yang telah memudahkan segala urusan penulisan latihan ilmiah ini daripada mula sehingga akhirnya. Selawat dan salam diucapkan kepada Nabi Muhammad ṣallā Allah `alayhi wasallam, sumber segala cahaya ilmu dan pengetahuan dan kepada sekalian keluarganya dan sahabatnya serta mereka yang menuruti jalannya sehingga hari kesudahan.

Pertamanya, pengkaji ingin merakamkan penghargaan kepada Dr. Engku Ibrahim bin Engku Wok Zain al-Aydarus yang telah sudi menyelia latihan ilmiah ini serta memberikan nasihat, bimbingan serta tunjuk ajar daripada awal pembinaan tajuk sehinggalah ia disiapkan. Dalam tempoh itu, pengkaji telah mendapat pelbagai ilmu serta maklumat yang berguna.

Penghargaan juga dirakamkan kepada keluarga khususnya kedua ibu bapa, Shakimah binti Harun dan Afandi bin Mohamed. Tanpa sokongan mereka, pengkaji tidak mampu untuk sampai dan berada pada tahap ini. Tidak lupa juga kepada para pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam khususnya daripada Jabatan Usuluddin yang telah mencurahkan ilmu kepada pengkaji selama ini.

Selain itu penghargaan juga diberikan kepada sahabat-sahabat seperjuangan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Usuluddin) dengan kepujian yang telah sama-sama bertungkus-lumus dan saling membantu untuk menyiapkan sebuah latihan ilmiah pada peringkat sarjana muda ini khususnya kepada saudara Wan Muhammad Shahran Nur bin Wan Yaacob Pendang.

Akhir kata, pengkaji ingin mengabadikan ingatan kepada al-Marhum Shaykh Hamzah bin Muhammad Pasir Puteh (wafat 2017) kerana melalui beliaulah pertama kalinya pengkaji menerima riwayat ilmu yang berhubungan dengan Shaykh al-Faṭāni. Dan penghargaan istimewa kepada Shaykh Ahmad bin Muhammad Nur Kuala Nerang serta Shaykh Isa bin Yahya Gerik kerana melalui keduanyalah pengkaji menerima riwayat amal Shaykh al-Faṭānī.

Amirul Hisham Bin Afandi
Teluk Ketapang

DAFTAR JADUAL TRANSLITERASI

HURUF ARAB-LATIN

HURUF ARAB	HURUF LATIN	CONTOH ASAL	CONTOH TRANSLITERASI
ء	,	سأل	Sa'ala
ب	b	بدل	Badala
ت	t	تمر	Tamr
ث	th	ثورة	Thawrah
ج	j	جمال	Jamāl
ح	ḥ	حديث	Ḥadith
خ	kh	خالد	Khālid
د	d	ديوان	Diwān
ذ	dh	مذهب	Madhhab
ر	r	رحمن	Rahman
ز	z	زمزم	Zamzam
س	s	سراب	Sarāb
ش	sh	شمس	Shams
ص	ṣ	صبر	Ṣabr
ض	ḍ	ضمير	Ḍamīr
ط	ṭ	طاهر	Ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	Ẓuhr
ع	`	عبد	`Abd
غ	gh	غيب	Ghayb
ف	f	فقه	Fiqh
ق	q	قاضي	Qāḍi
ك	k	كأس	Ka's
ل	l	لبن	Laban
م	m	مزمار	Mizmār
ن	n	نوم	Nawm
ه	h	هبط	Habaṭa
و	w	وصل	Waṣala
ي	y	يسار	Yasār

VOKAL PENDEK

HURUF ARAB	HURUF LATIN	CONTOH ASAL	CONTOH TRANSLITERASI
َ	a	فَعَلَ	Fa`ala
ِ	i	حَسِبَ	Ḥasiba
ُ	u	كُتِبَ	Kutiba

VOKAL PANJANG

HURUF ARAB	HURUF LATIN	CONTOH ASAL	CONTOH TRANSLITERASI
ا,ى	ā	كَاتِبَ .قضى	Kātib, Qaḍa
ي	ī	كَرِيْمَ	Karīm
و	ū	حُرُوْفُ	Ḥurūf

DIFTONG

HURUF ARAB	HURUF LATIN	CONTOH ASAL	CONTOH TRANSLITERASI
وْ	aw	قَوْلُ	qawl
يْ	ay	سَيْفُ	sayf
يَ	iyy/i	رَجْعِيٌّ	raj`iyy/raj`i
و	uww/u	عَدُوٌّ	`aduww/`adu

Pengecualian

Perkataaan Arab yang telah masyhur penggunaannnya dalam Bahasa Melayu seperti al-Quran, nama-nama nabi dan rasul, Rasulullah, hadith, dan seumpamanya

AKRONIM DAN SINGKATAN

h	: Hijrah
Lujjayn al-Dānī	: Lujjayn al-Dānī Fī Nubdhah Manāqib Quṭb al-Rabbāni Sayyid al-Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylāni
Shaykh al-Fatānī	: Shaykh `Abd al-Qādir al-Faṭānī
Shaykh al-Jaylānī	: Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylānī
t.t	: Tanpa Tahun
t.p	: Tanpa Pengarang

SENARAI RAJAH

SENARAI JADUAL

SENARAI LAMPIRAN

BAB I

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Ilmu taṣawwuf merupakan komponen penting yang menjadi teras kepada pembentukan Islam. Namun begitu telah berlaku tohmahan terhadapnya sehingga menampakkan ia bukan berasal daripada islam terutamanya terhadap peristilahan yang digunakan dalam ilmu ini. Dalam tradisi keilmuan Islam, terdapat banyak kitab taṣawwuf telah memuatkan pelbagai istilah yang khusus. Begitu juga dengan tradisi keilmuan melayu melalui kitab-kitab jawi. Pengkaji telah memilih sebuah kitab jawi, *Lujjayn al-Dānī* sebagai teras kepada kajian yang dilakukan.

Kitab Lujjayn al-Dānī adalah sebuah kitab biografi seorang tokoh taṣawwuf yang terkenal dalam Masyarakat Melayu iaitu Shaykh al-Jaylānī yang ditulis oleh Shaykh Ja`fār bin Hussayn al-Barzanji. Kitab ini telah diterjemahkan daripada Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu oleh Shaykh al-Faṭānī. Selain itu, beliau juga telah melakukan berberapa catatan pinggir berkenaan peristilahan taṣawwuf yang digunakan di dalamnya. Melalui catatan pinggir ini, pembaca Kitab *Lujjayn al-Dānī* mendapat memahami terhadap peristilahan yang digunakan.

Oleh yang demikian kajian ini dilakukan terhadap berberapa peristilahan yang digunakan oleh Shaykh al-Faṭānī di dalam kitab ini bagi memganalisis pemikiran beliau di dalamnya. Disamping itu, kajian ini juga dilakukan untuk memperkenalkan serta mengangkat kembali .nama Shaykh al-al-Faṭānī serta Kitab ini kepada Masyarakat Melayu melalui pentrasliterasian dan penganotasian teks.

1.2 MASALAH KAJIAN

Ilmu taṣawwuf merupakan antara cabang ilmu yang menjadi teras kepada islam. Namun begitu, peralihan zaman telah menimbulkan berberapa keliruan disebabkan oleh kefahaman umat islam semakin berkurangan. Pada hari ini kekeliruan tersebut bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat awam tetapi ia juga berlaku di kalangan ahli agamawan islam. Perkara ini menimbulkan persepsi negatif terhadap ilmu taṣawwuf terutamanya terhadap peristilahan yang digunakan di dalamnya.

Terdapat tiga faktor yang menyebabkan wujud kekeliruan terhadap ilmu taṣawwuf khususnya di Malaysia, pertama disiplin ilmu taṣawwuf tidak dimasukkan ke sebagai sukatan pelajaran pendidikan islam yang diajarkan kepada para pelajar muslim dalam sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia, kedua berlaku penyalahgunaan ilmu taṣawwuf sebagai medan aktiviti ajaran sesat oleh sebilangan pihak, ini menyebabkan seolah-olah ada perkaitan rapat antara ajaran sesat dan ilmu taṣawwuf pada pandangan masyarakat, ketiga masyarakat merujuk kepada pihak ataupun sumber maklumat yang salah berkenaan ilmu taṣawwuf (Utusan, 2017).

Selain itu, faktor ketidakfahaman Masyarakat Melayu terhadap nilai kepentingan karya ulama Kepulauan Melayu dalam penyebaran dan pembentukan budaya islam

serantau menyebabkan mereka mulai meninggalkannya. Perkara ini berlaku kerana kurangnya pendedahan terhadap sumbangan ulama dalam pembangunan sebuah ketamadunan (Siti Nur Hakimah, 2012). Tambahan lagi, kurangnya penguasaan jawi dalam kalangan generasi baru turut menjadi faktor karya-karya ini ditinggalkan sedangkan karya-karya inilah yang menjadi teras kepada pembentukan budaya islam serta budaya melayu setempat. Kepincangan ini akan menyebabkan nilai murni budaya masyarakat melayu mulai menjadi pincang (Hazadiah, 1999).

Kitab *Lujjayn al-Dānī* karangan Shaykh al-Faṭānī adalah salah sebuah kitab yang hampir dilupakan oleh masyarakat kini. Kandungannya yang membicarakan tentang biografi tokoh membuatkan ia tidak dikenali oleh masyarakat kerana tidak dijadikan teks pengajian jika dibandingkan dengan kitab-kitab yang lain. Malah mereka yang menceburi bidang agama pun tidak mengambil berat terhadap kitab ini. Oleh itu sentuhan baru dan moden terhadap kitab ini perlu dilakukan agar ia diperkenalkan kembali supaya masyarakat dapat mengambil manfaat daripadanya.

Tambahan pula, Shaykh al-Faṭānī merupakan seorang tokoh ulama yang penting pada zamannya. Sebagai murid dan khalifah kepada Shaykh Daud al-Faṭānī peranan beliau dalam menyambung legasi Shaykh Daud al-Faṭānī tidak dapat dinafikan lagi. Namun begitu, nama beliau kini seakan tenggelam dalam masyarakat jika dibandingkan dengan guru beliau, Shaykh Daud al-Faṭānī dan murid beliau seperti Shaykh Ahmad al-Faṭānī. Pada hemat pengkaji, satu kajian perlu dilakukan bagi mendokumentasikan maklumat berkenaan Shaykh al-Faṭānī agar beliau dapat terus dikenali dan dihargai oleh generasi akan datang.

Kesimpulannya, pengkaji ingin memperkenalkan kembali nama Shaykh al-Faṭānī dan kitab *Lujjayn al-Dānī* kepada masyarakat. Disamping itu satu kajian terhadap peristilahan taṣawwuf yang terdapat di dalam kitab ini dilakukan sebagai memberi penjelasan kepada pihak yang terkeliru dan yang tidak memahami tentang peristilahan taṣawwuf yang sering digunakan dalam perbincangan serta perbahasan taṣawwuf melalui karya-karya yang tersebar luas dalam dunia keilmuan islam.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini terdapat tiga soalan kajian yang akan diketengahkan :-

a. Siapakah Shaykh al-Faṭānī?

b. Apakah Kitab *Lujjayn al-Dānī*?

c. Bagaimanakah naskhah Transliterasi dan Anotasi Kitab *Lujjayn al-Dānī*?

d. Apakah kecenderungan Shaykh al-Faṭānī dalam penggunaan istilah-istilah taṣawwuf?

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan Shaykh al-Faṭānī sebagai seorang tokoh ulama daripada Kepulauan Melayu serta karyanya; kitab *Lujjayn al-Dānī* kepada masyarakat. Pengkaji juga ingin mentransliterasi serta menganotasi teks tersebut. Selain itu kajian ini juga berkenaan istilah-istilah dalam ilmu taṣawwuf yang digunakan oleh Shaykh al-Faṭānī melalui catatan pinggir yang dilakukan oleh beliau.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya objektif kajian ini ialah untuk mengkaji ketokohan Ulama Melayu dan pemikiran mereka. Selain itu pengkaji juga telah mengenal pasti tiga objektif khusus sebagaimana berikut :

a. Memperkenalkan Shaykh al-Faṭānī.

b. Memperkenalkan Kitab *Lujjayn al-Dānī*.

c. Mentransliterasi dan menganotasi Kitab *Lujjayn al-Dānī*.

d. Menganalisis istilah-istilah dalam ilmu taṣawwuf dalam Kitab *Lujjayn al-Dānī.*

1.6 SOROTAN LITERATUR

Pengkaji mendapati kajian berkaitan Shaykh al-Faṭānī masih kurang jika dibandingkan kajian tentang tokoh-tokoh yang lain seperti Shaykh Daud al-Fāṭānī. Walaupun ada berberapa penulisan tentang beliau namun ia tidak membincangkan mengenai karya beliau yang berjudul *Lujjayn al-Dānī* secara khusus.

Wan Mohd Saghir (2005) dalam artikelnya yang berjudul Shaykh `Abdul Qādir al-Faṭānī – Khalifah Shaykh Daud al-Faṭānī menjelaskan biografi beliau secara ringkas berkaitan latar belakang kehidupan dan pendidikan serta pengaruh beliau terhadap penyebaran *Ṭarīqah Shaṭṭāriyyah*. Manakala Ahmad Fathy (2002) menjelaskan di dalam bukunya tentang biografi Shaykh al-Faṭānī dibawah nama Shaykh Nik Dir al-Faṭānī. Kedua-dua penulisan ini membincangkan tokoh yang sama dengan pengkaji iaitu Shaykh `Abdul Qādir al-Fāṭānī, walau bagaimanapun keduanya hanya membuat penjelasan yang ringkas. Tambahan pula, keduanya tidak menyentuh berkenaan kitab Lujjayn al-Dānī secara mendalam.

Kajian berkenaan Transliterasi dan anotasi kitab jawi telah banyak dilakukan seperti kajian Norhasmiza (2011) yang berjudul Transliterasi dan anotasi kitab *al-Jawāhir al-Saniyyah* karangan Shaykh Daud Bin Abdullah al-Faṭāni (kitab menyatakan hukum nikah) dan Siti Nur Hakimah (2012) dengan judulnya Transliterasi dan Anotasi Teks *Risalah Sharāb al-Muntahī* karya Shaykh Ismā`il bin `Abd Allah al-Minangkābawi. Namun keduanya masih tidak menfokuskan transliterasi dan anotasi kitab *Lujjayn al-Dānī* karya Shaykh al-Fāṭānī.

M.Saerozi (2007) dalam jurnal PROFETIKA Vol. 9 No. 2 Julai 2007 menulis sebuah artikel yang berjudul Pelajaran politik manaqib sufiyah (telaah terhadap kitab *al-Lujjayn al-Dānī*) telah melakukan kajian berkaitan kitab *al-Lujjayn al-Dānī.* Namun kajian ini hanya menfokuskan kitab *al-Lujjayn al-Dānī* asal dalam Bahasa Arab. Manakala pengkaji menggunakan kitab *al-Lujjayn al-Dānī* yang diterjemahkan kepada Bahasa Melayu oleh Shaykh al-Fāṭānī. Tambahan pula kajian M.Saerozi lebih menfokuskan kepada aspek politik sedangkan pengkaji pula menfokuskan kepada aspek taṣawwuf.

Selain itu, Ayrat (2015) dalam satu jurnal yang berjudul Specifics Of Sufi And Islamic Terminology Use In The Poetry Of The xixth Century telah membincangkan berkenaan istilah-istilah taṣawwuf. Namun begitu kajian beliau menjurus kepada peristilahan yang digunakan dalam puisi pada abad ke 19. Ansari (2010) telah mengeluarkan satu artikel berjudul A Critical Study Of Sufism Terminology In *Kashf al-Mahjūb*. Ia membincangkan berkenaan peristilahan taṣawwuf dalam kitab *Kashf al-Mahjūb*. Kedua-dua kajian yang dinyatakan tidak membincangkan tentang peristilahan

taṣawwuf di dalam kitab *Lujjayn al-Dāni* baik dalam versi arab atau versi penterjemahan oleh Shaykh al-Faṭānī.

Justeru itu, berdasarkan sorotan literatur berikut, pengkaji membuat kesimpulan bahawa tajuk yang ingin dikaji ini masih belum diterokai oleh pengkaji lain malah kajian ini pada pendapat pengkaji amat sesuai dilakukan pada peringkat sarjana muda. Oleh kerana itu pengkaji memilih untuk mengkaji Shaykh `Abdul Qādir al-Fāṭānī melalui karyanya *Lujjayn al-Dānī* dengan mentransliterasi dan menganotasi serta menfokuskan kajian terhadap aspek peristilahan taṣawwuf.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah suatu perkara yang penting sebagai tambahan kepada khazanah keilmuan dalam dunia akademik. Antara kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

a. Dapat memperkenalkan Shaykh al-Faṭānī kepada masyarakat untuk memastikan beliau tidak dilupakan oleh generasi sekaranag dan akan datang.

b. Dapat mengangkat kembali sebuah karya warisan ulama Kepulauan Melayu agar ia dapat dimanfaatkan sebagai satu cara meneruskan legasi keilmuan sedia-ada.

c. Dapat menjelaskan kekeliruan terhadap peristilahan dalam ilmu taṣawwuf supaya ia dapat difahami dengan kefahaman yang benar dan jelas menurut pandangan Ahli al-Sunnah Wa al-Jamā`ah.

1.8 SKOP KAJIAN

Kajian ini adalah berkenaan seorang tokoh iaitu Shaykh al-Faṭānī dan karyanya yang berjudul *Lujjayn al-Dānī*. Pengkaji akan membincangkan tentang nama sebenar Shaykh al-Faṭānī, nasab keturunan beliau, kelahiran, pendidikan, pengajaran, karya yang dihasilkan, sumbangan, kewafatan, waris keturunan serta sanad yang sampai kepada beliau.

Selain itu pengkaji akan menjelaskan tentang kitab ini daripada sudut latar belakang kitab, naskhah, kandungannya serta aspek-aspek penggunaan bahasa di dalamnya. Penulis juga akan melakukan transliterasi daripada Tulisan Arab dan Jawi kepada Tulisan Rumi serta melakukan anotasi terhadap teks kitab tersebut. Penumpuan anotasi diberikan kepada perkataan loghat, ejaan dan imbuhan klasik, nama tokoh dan tempat. Naskhah yang digunakan ialah daripada naskhah cetakan kedua tahun 1324h oleh Maṭba`ah al-Miriyyah.

Seterusnya pengkaji akan memberi penumpuan terhadap huraian Shaykh al-Faṭānī berkenaan pangkat-pangkat kewalian dalam catatan pinggir yang dilakukan oleh beliau dengan melakukan proses analisis dan perbandingan berdasarkan rujukan-rujukan yang muktabar seperti Tārikh Ibn `Asākir.

1.9 DEFINISI KONSEP

Definisi konsep merupakan huraian sebilangan perkataan penting yang berkemungkinan mempunyai maksud lain daripada apa yang dipersepsikan oleh pengkaji. Pendefinisian ini dilakukan mengikut kesesuaian maksud pengkaji berdasarkan pendapat pakar bidang

mahupun literatur yang berkaitan (Sunawari Long, 2016). Berikut merupakan definisi konsep kajian ini :

a. Istilah-Istilah Taṣawwuf

Istilah merupakan perkataan yang mempunyai makna khusus yang dikehendaki dalam sesuatu bidang. Faktor masyarakat yang berkembang selari dengan perubahan ilmu pengetahuan menjadi sebab perkataan dan istilah baru terpaksa diwujudkan bagi menerangkan konsep, proses, fenomena dan keadaan tertentu (Mohd Hazani, 2017). Perkara ini juga berlaku dalam dunia taṣawwuf memandangkan ia telah melalui perkembangan demi perkembangan daripada zaman awal islam sehingga sekarang.

Manakala taṣawwuf menurut takrifan yang dikeluarkan oleh JAKIM sebagai satu displin ilmu yang bertujuan mendidik nafsu dan akal supaya sentiasa berada dalam jalan yang benar sehingga mencapai tahap nafsu muṭmainnah. Justeru itu istilah-istilah taṣawwuf bermaksud terminologi yang digunakan oleh ahli taṣawwuf ataupun ahli ṣūfī dalam bidang keilmuan taṣawwuf.

b. Shaykh `Abd al-Qādir al-Faṭānī

Nama sebenar beliau ialah Wan `Abd al-Qādir bin Wan ʿAbdul Rahman bin Wan `Uthman merupakan seorang Ulama Melayu yang menerima pendidikan awal di berberapa pondok di Fatani antaranya di Pondok Pauh Bok dan kemudiannya berhijrah ke Mekah. Beliau merupakan murid dan khalifah *ṭarīqah* kepada Shaykh Daud bin ʿAbdullah al-Faṭānī (Wan Mohd Saghir, 2005).

c. Transliterasi

Kamus Dewan edisi keempat (2010) memberi makna transliterasi sebagai penukaran huruf (perkataan dan sebagainya) sesuatu tulisan (misalnya tulisan arab) kepada huruf yang selaras bunyinya dan sebagainya dalam abjad sistem tulisan lain (misal rumi). Dalam kajian ini, transliterasi dimaksudkan dengan penukarkan tulisan jawi dan arab kepada rumi.

d. Anotasi

Kamus Dewan edisi keempat (2010) menyatakan anotasi ialah nota yang ditambah pada teks (biasanya pengkajian sastera) sebagai penerangan. Selain itu, anotasi ialah mengeluarkan perkataan, istilah atau bahasa yang sukar difahami dengan membuah huraian pada ruangan nota kaki bagi memudahkan kefahaman (Norhasmiza, 2011). Berdasarkan kedua penakrifan ini dapat disimpulkan bahawa anotasi ialah seperti catatan pinggiran atau hasyiah dalam penulisan ulama islam.

e. Kitab *Lujjayn al-Dānī*

Judul lengkapnya ialah *Lujjayn al-Dānī Fī Nubdhah Manāqib Quṭb al-Rabbāni Sayyid al-Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylāni* merupakan sebuah karya terjemahan Shaykh al-Faṭānī daripada kitab asal yang menggunakan Bahasa Arab. Ia merupakan sebuah kitab yang membicarakan berkenaan riwayat hidup seorang tokoh taṣawwuf yang masyhur iaitu Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylāni.

1.10 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan kaedah-kaedah yang digunakan untuk pengumpulan dan penganalisaan data (Sunawari long, 2016). Kajian ini merupakan sebuah kajian

kualitatif iaitu kajian berkaitan data yang tidak melibatkan angka (t.p, 2015). Pengkaji telah menggunakan berberapa metodologi kajian yang berkaitan dalam metod pengumpulan, metod analisis data, metod transliterasi dan metod anotasi bagi mencapai objektif kajian.

I. Metod Pengumpulan Data

a. Metod Dokumentasi

Metod dokumentasi ialah satu teknik pengumpulan data melalui variabel yang pelbagai seperti catatan, transkrip, buku, majalah, dan akhbar. Metod ini memiliki kelebihan dan kekurangan jika dibandingkan dengan metod yang lain. Metod ini berpaksikan kepada sumber-sumber bersifat mati yang tetap dan tidak berubah (Johni, 2013).

Melalui metod ini pengkaji telah mengumpulkan variabel seperti dokumen, catatan, serta kajian lepas yang berkaitan dengan Shaykh al-Faṭānī dan *Lujjayn al-Dānī*. Variable-variabel ini terdiri daripada sumber yang pelbagai seperti sumber primier dan skunder melalui buku, rencana, artikel, disertasi serta jurnal.

b. Metod Pensejarahan

Metod pensejarahan ialah satu penyusunan sistematik yang melibatkan kajian dan penilaian data yang berkaitan dengan apa yang berlaku pada masa lampau. Pengkajian punca dan kesan sesuatu peristiwa membolehkan penganalisisan keadaan semasa yang menbawa kepada membuat ramalan terhadap perkara yang akan datang (Azizi Yahya, 2007).

Pengkaji telah meneliti catatan sejarah yang berkaitan dengan Shaykh al-Faṭānī dan *Lujjayn al-Dānī* bagi mengetahui sebab dan punca sesuatu perkara. Penelitian ini juga dilakukan terhadap suasana zaman Shaykh al-Faṭānī bagi mendapatkan gambaran yang tepat terhadap peristiwa yang berlaku berdasarkan sumber-sumber sejarah yang berautoriti.

c. Metod Analisis Kandungan

Metod analisis kandungan digunakan untuk menganalisis rekod ucapan, tulisan dan item tingkah laku yang diperhatikan penyelidik. Berberapa prinsip digunakan bagi meningkatkan keberkesanan terhadap analisis yang dilakukan. Pertama meneliti isi kandungan, kedua, menilai hujah dan fakta, ketiga membuat perbandingan, keempat memberi kritikan positif dan kelima membuat kesimpulan (Sunawari long, 2016).

Penganalisaan telah dilakukan terhadap dapatan-dapatan sedia ada tentang Shaykh al-Faṭānī, *Lujjayn al-Dānī* dan peristilahan taṣawwuf yang berkaitan daripada sumber yang pelbagai. Pengkaji membezakan antara fakta serta hujah yang menyokong fakta tersebut selain melakukan perbandingan antara fakta dan hujah. Setelah dianalisis dengan kritis, pengkaji membuat kesimpulan dapatan akhir.

Ii. Metod Analisis Data

a. Metod Induktif

Metod induktif ialah suatu proses berfikir yang bermula daripada pemerhatian terhadap sesuatu yang bersifat khusus yang kemudiannya disimpulkan secara umum (Janu Murdiyatmoko, 2007). Metod ini telah digunakan bagi mengkaji

pemikiran serta kecenderungan Shaykh al-Faṭānī setelah meneliti data-data berkaitan dan melakukan perbandingan daripada sumber yang pelbagai.

b. Metod Deduktif

Metod deduktif ialah suatu proses berfikir yang bermula daripada pernyataan yang bersifat umum kepada pernyataan yang bersifat khusus (Janu Murdiyatmoko, 2007). Pengkaji telah menggunakan metod ini secara khususnya semasa meneliti riwayat hidup Shaykh al-Faṭānī. Hal ini kerana kebanyakkan maklumat yang tercatat hanyalah bersifat umum. Justeru bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat, metod deduktif telah digunakan.

c. Metod Komparatif

Metod komparatif ialah suatu penelitian terhadap model-model yang berbeza daripada berbagai kelompok untuk menentukan secara analisis berkenaan faktor-faktor tertentu seperti punca persamaan dan perbezaan (Mariasusai, 2010). Komparatif ini membantu untuk menganalisis istilah-istilah taṣawwuf yang digunakan oleh Shaykh al-Faṭānī. Kitab-kitab rujukan muktabar digunakan bagi memastikan penganalisaan akan menghasilkan dapatan yang tepat.

Iii. Metod Transliterasi

Transliterasi ialah penyesuaian sesuatu bahasa kepada bahasa yang lain menggunakan simbol dan huruf tertentu dengan mengekalkan bahasa yang asal seperti Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu. Penyesuaian ini juga boleh dilakukan terhadap satu tulisan kepada tulisan lain dalam bahasa yang sama seperti tulisan jawi kepada tulisan rumi dalam Bahasa Melayu.

Pengkaji menggunakan Panduan Transliterasi UniSZA bagi melakukan transliterasi daripada Tulisan Bahasa Arab dan Jawi Kepada Tulisan Rumi. Pengkaji mengekalkan keaslian teks daripada sudut sebutannya. Selain itu pengkaji memasukkan tanda bacaan serta perenggan terhadap teks yang ditransliterasi.

IV. Metod Anotasi

Anotasi ialah pemasukan nota, simbol, atau tanda bacaan sebagai penghuraian terhadap teks. Huraian tersebut boleh terjadi dalam bentuk kritikan, sokongan, dan penambahbaikan. Dalam tradisi keilmuan islam anotasi dikenali sebagai sharah, hāshiah, dan taqrīr.

Penumpuan anotasi ialah melibatkan perkataan lama atau loghat. Selain itu kesilapan cetakan teks, nama tokoh, nama tempat turut dianotasi. Penganotasian ini bagi membetulkan teks serta memberi huraian yang berkaitan agar ia dapat difahami. Pengkaji merujuk sumber yang berautoriti dalam menukilkan maklumat yang terlibat seperti *Mu`jam al-Buldān*.

1.11 SUSUNAN KAJIAN

Kajian ini terdiri daripada 3 bahagian utama, bahagian pendahuluan, bahagian isi yang terdiri daripada 6 bab dan bahagian akhir. Bahagian awal kajian ini mengandungi halaman judul, pengakuan, abstrak, kandungan, penghargaan daftar jadual transliterasi, akronim dan singkatan dan 3 senarai iaitu senarai rajah, jadual dan lampiran.

Seterusnya bahagian isi yang mempunyai 6 bab dimulakan dengan bab 1 yang menjelaskan tentang latar belakang, masalah, persoalan, tujuan, serta objektif kajian. Selain itu ia juga mengandungi sorotan literatur, kepentingan kajian, skop, definisi konsep, metodologi kajian sebelum diakhiri dengan susunan kajian. Setelah itu, ia diikuti oleh bab 2 yang membincangkan tentang Shaykh al-Faṭānī daripada segi pengenalan, nama dan gelaran, keturunan, kelahiran, pendidikan, pengajaran, karya dan penulisan, serta sumbangan beliau terhadap kitab jawi, *Ṭarīqah Shaṭṭāriyyah*, dan perwakafan. Bab 2 ini diakhiri dengan menjelaskan tentang kewafatan, pewaris, sanad kepada beliau dan kesimpulan.

Dalam bab 3 pengkaji akan menfokuskan perbincangan tentang kitab *Lujjayn al-Dānī*. Ia dimulakan dengan pengenalan, latar belakang kitab, penamaan, tujuan penulisan, sumber rujukan, kandungan, naskah dan percetakan dan disudahi dengan gaya bahasa kitab. Setelah ini pengkaji akan melakukan transliterasi dan anotasi teks *Lujjayn al-Dānī* dalam bab 4. Bab ini didahului dengan pengenalan, skop transliterasi dan anotasi, transliterasi dan anotasi teks sebelum diakhiri dengan kesimpulan. Dalam bab 5 pengkaji akan membincangkan pula tentang istilah-istilah taṣawwuf yang digunakan oleh Shaykh al-Faṭānī. Fokus pengkaji adalah pada istilah-istilah tentang kewalian.

Pengkaji akan memulakan bab 5 dengan pengenalan, istilah-istilah taṣawwuf dan Masyarakat Melayu. Setelah itu pengkaji akan mendatangkan definisi wali secara bahasa dan istilah, wali menurut al-Quran dan hadith dan wali menurut Shaykh al-Faṭānī. Istilah kewalian yang dibincangkan dalam bab ini ialah *Abdāl, Autād, Imāmān, Nujabā', Nuqabā', Quṭb,* dan *Ruqabā'*. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan. Bahagian

isi kajian ini diakhir dengan bab 6 yang memuatkan kesimpulan dan cadangan daripada bab-bab yang telah dibincangkan. Ia diakhiri dengan sebuah penutup.

Dalam bahagian akhir, pengkaji memuatkan senarai rujukan yang digunakan sepanjang kajian ini dilakukan. Rujukan ini telah disusun mengikut abjab nama. Selain ini bahagian akhir ini juga mengandungi 10 lampiran yang berkaitan dengan pengkaji sebagai pengukuhan maklumat. Lampiran ini mengandungi 7 folio manuskrip, 2 dokumen ijazah serta 1 muka surat teks kitab.

BAB II

SHAYKH `ABD AL-QĀDIR BIN ʿABD AL-RAḤMĀN AL-FAṬĀNĪ

2.1 PENGENALAN

Wilayah Fatani sememangnya terkenal sebagai pusat pengajian agama islam yang menjadi tumpuan para penuntut ilmu di sekitar Kepulauan Melayu. Wilayah ini telah melahirkan banyak ulama yang terkenal seperti Shaykh Daud al-Faṭānī dan Shaykh Ahmad al-Faṭānī. Antara tokoh penting yang berasal daripada Fatani ialah Shaykh al-Faṭānī. Peranannya sebagai penyambung legasi keilmuan Ulama Fatani tidak dapat dipertikaikan lagi. Malah, Shaykh Aḥmad al-Faṭānī juga merupakan salah seorang daripada murid beliau yang terkenal.

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang latar belakang Shaykh al-Faṭānī dengan memfokuskan nama, keturunan serta pendidikan beliau. Selain itu pengkaji juga akan menjelaskan berkenaan aktiviti keilmuan beliau melalui pengajaran, murid-murid serta penulisan yang ditinggalkan. Di samping itu, pengkaji akan menyebut tentang sumbangan beliau terhadap perkembangan dan kemajuan islam dalam Masyarakat Melayu sebelum mengakhiri perbincangan dengan kewafatan, pewaris serta sanad yang berhubung dengan Shaykh al-Faṭānī.

2.2 NAMA DAN GELARAN SHAYKH AL-FAṬĀNĪ

Nama beliau `Abd al-Qādir bin `Abd al-Raḥmān al-Faṭānī. Selain itu beliau juga di kenali dengan nama Wan `Abd al-Qādir bin Wan `Abd al-Raḥmān al-Faṭānī (Wan

Mohd Saghir, 1989, 2005). Beliau turut dikenali dengan nama Nik Dir al-Faṭānī (Ahmad Fathy, 2002). Gelaran beliau ialah *al-`ālim al-`allāmah al-kāmil wa al-ḥibr al-fāḍil*

2.3 NASAB KETURUNAN SHAYKH AL-FAṬĀNĪ

Nasab beliau sebelah bapa ialah Wan `Abd al-Qādir bin Wan `Abd al-Raḥmān bin Wan `Uthmān bin Wan Su bin Wan Abu Bakar bin Wan Pandak bin Faqih `Ali. Manakala nasab sebelah ibunya ialah Wan Faṭīmah binti Wan Idrīs bin `Abd Allah bin Idrīs bin Senik. Wan Idrīs bin `Abd Allah merupakan saudara kandung Shaykh Daud al-Faṭānī bin `Abd Allah (Wan Mohd Saghir, 2005).

Keturunan beliau sebelah bapa dan ibunya bertemu pada Faqih `Ali kerana ibu kandung kepada Shaykh Daud al-Faṭānī ialah Wan Faṭimah binti Wan Salamah binti Wan Su bin Tok Kaya Rakna Diraja bin Faqih `Ali. Hal ini kerana berdasarkan salasilah keturunan Faqih `Ali versi Faṭānī dan Terengganu, di dapati Tok Kaya Rakna Diraja dan Wan Pandak merupakan anak kepada Faqih `Ali (Wan Mohd Saghir, 2008).

Shaykh al-Faṭānī juga mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Shaykh `Abd al-Qādir Bukit Bayas, seorang ulama Fatani yang terkenal di Terengganu. Nama penuh beliau ialah `Abd al-Qādir bin Wan`Abd al-Raḥīm bin Wan Deraman bin Wan Abu Bakar bin Wan Pandak bin Faqīh `Ali. Di samping itu Shaykh al-Faṭānī juga mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Shaykh Nik Muhammad Saghir atau Nik Mat Kecil daripada jalur sebelah ibu. Hal ini kerana ibu kepada Nik Mat Kecil, Wan Zainab merupakan saudara kandung kepada ibu Shaykh al-Faṭānī (Wan Mohd Saghir, 1989). Berikut merupakan carta salasilah kekeluargaan beliau :

Rajah 2.1 : Salasilah Kekeluargaan Shaykh Al-Faṭānī

Kesimpulannya, daripada nasab bapanya Shaykh al-Faṭānī merupakan anak dua pupu kepada Shaykh `Abd al-Qādir Bukit Bayas. Manakala daripada nasab ibunya beliau merupakan cucu saudara kepada Shaykh Daud al-Faṭānī dan sepupu kepada Shaykh Nik Muhammad Saghir.

2.4 KELAHIRAN SHAYKH AL-FAṬĀNĪ

Shaykh al-Faṭāni dilahirkan pada tahun 1813 masihi bersamaan 1228h (Wan Mohd Saghir, 2005). Namun ada pendapat menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada tahun 1829 masihi bersamaan 1245h berhampiran kawasan Kerisik, Fatani lewat 16 tahun daripada tarikh pertama (The Center of Patani Studies).

Pengkaji berpendapat kelahiran beliau pada tahun 1813 lebih munasabah memandangkan sewaktu penghijrahan ke Pulau Duyung Kecil, Kuala Terengganu setelah Perang Faṭāni yang berlaku pada tahun 1828 hingga 1830, pada waktu itu Shaykh al-Faṭāni telah berusia belasan tahun (Wan Mohd Saghir, 2005). Secara

tepatnya penghijrahan Shaykh al-Faṭānī bersama dengan keluarga beliau berlaku sekitar tahun 1828 hingga 1829.

Perkara ini dibuktikan dengan kenyataan bahawa lebih kurang empat puluh hari setelah kelahiran Nik Mat Kecil pada tahun 1829 di Terengganu, Shaykh al-Faṭānī dan sebahagian besar keluarga beliau meneruskan penghijrahan ke Mekah (Wan Mohd Saghir, 1989). Berikut merupakan rajah peta kedudukan Fatani dan Terengganu pada tahun 1836 masihi (Rumsey, t.t) :

Rajah 2.2 : Peta Kedudukan Fatani-Terengganu 1836 masihi

2.5 PENDIDIKAN

Shaykh al-Faṭānī mendapat pendidikan awal di berberapa pondok sekitar Fatani. Antaranya ialah Pondok Pauh Bok, sebuah pondok yang telah diasaskan oleh Lebai Wan `Abd al-Mubīn. Pondok ini telah menghasilkan berberapa tokoh ulama yang terkenal seperti Shaykh Daud al-Faṭānī, Tuan Hassan Besut dan Shaykh `Abd al-Ṣamad al-Falimbānī (Ahmad Fathy, 2011). Shaykh al-Faṭānī menetap dalam tempoh yang lama di Pondok ini (Wan Mohd Saghir, 1989).

Antara gurunya di sini ialah Shaykh Muhammad Ṣaliḥ bin `Abd al-Raḥmān al-Jāwi al-Faṭānī. Shaykh al-Faṭānī juga dipercayai sempat belajar dengan datuknya sebelah ibu; Shaykh Wan Idris bin Abdullah yang pernah membantu Shaykh Daud al-Fāṭānī mengajar murid-murid daripada Kepulauan Melayu di Mekah (Bradley, 2010) dan bapanya sendiri; Shaykh `Abd al-Raḥmān bin `Uthmān. Hal ini kerana menjadi kebiasaanya seseorang itu mendapatkan pendidikan dirumah daripada keluarga terdekat seperti bapa sebelum melanjutkan pelajaran ke tempat lain.

Selain itu dalam masa penghijrahan beliau ke Mekah dipercayai beliau sempat belajar dengan Shaykh Daud al-Faṭānī dan Shaykh `Abd al-Qādir Bukit Bayas di Pulau Duyong Kecil. Pulau Duyong Kecil merupakan sebuah Pulau di tengah lembangan Sungai Terengganu yang menjadi salah satu tempat penghijrahan Masyarakat daripada Fatani selain Kampung Petani dan Losong di Kuala Terengganu (Mohd Zafrullah, 2000). Rombongan Shaykh Daud al-Faṭānī dan Shaykh al-Faṭānī sempat singgah di sini sebelum meneruskan penghijrahan ke Mekah (Ahmad Fathy, 2011).

Rajah 2.3 : Kedudukan Pulau Duyong Kecil Sekarang

Selain faktor perperangan, faktor lain penghijrahan Masyarakat Fatani ke Timur Tengah khususnya Mekah dan Madinah adalah untuk mendapatkan pendidikan agama pada peringkat yang lebih tinggi (Muhammad Arafat, 2013). Pemusatan mereka kepada Mekah dan Madinah sesuai dengan kedudukan keduanya sebagai wadah tumpuan berbagai tradisi islam dari seluruh dunia (Azyumardi Azra, 1994). Apabila Shaykh al-Faṭānī tiba di Mekah, beliau meneruskan pembelajaran di sana dengan berberapa tokoh terkemuka yang lainnya daripada kalangan Bangsa *Ajam* dan Arab. Berikut adalah antara senarai guru beliau yang dapat dikenal pasti :-

I. Shaykh Daud al-Faṭānī

Beliau merupakan seorang tokoh ulama yang terkenal di Kepulauan Melayu. Beliau mendapatkan pendidikan asas di Fatani. Seterusnya beliau melanjutkan pembelajarannya di Aceh, Mekah dan Madinah (Wan Mohd Saghir, 2008).

II. Shaykh `Abd al-Qādir Bukit Bayas

Beliau adalah seorang ulama yang berasal daripada Fatani yang terkenal di Negeri Terengganu. Beliau merupakan rakan seperguruan Shaykh Daud al-Faṭānī. Beliau berhijrah ke Pulau Duyong Kecil, Terengganu dan menjalankan aktiviti keilmuan sekitar Kuala Terengganu (Wan Mohd Saghir, 2005).

III. Shaykh Muhammad bin Sulaymān Ḥasb al-Allah al-Makki

Beliau sebagai seorang *ālim* dan *ābid* Mekah. Antara guru beliau ialah Shaykh Ahmad al-Dimyāṭi, Shaykh `Abd al-Hamīd al-Sharwānī, dan Shaykh `Abd al-Ghaniy al-Dihlawi (Al-Mara`shili, 2002).

IV. Shaykh Muhammad Ḥaqqi al-Nadhīlī

Beliau berasal dari Turki namun menjalankan aktiviti keilmuan di Mekah. Beliau terkenal sebagai pakar hadith dan taṣawwuf. Pengaruh beliau ke

Kepulauan Melayu masuk melalui karyanya yang terkenal, *Khazīnah al-Asrār Jalīlah al-Adhkār* (Wahyu Hidayat, 2014).

V. Shaykh Ahmad Bin `As`ād al-Dihan

Beliau dilahirkan di Mekah namun keturunan beliau berasal daripada Fattan. Antara guru beliau ialah Sayyid Ahmad al-Marzūqi dan Shaykh Ismā`il Afandi al-Ḥanafi (`Abd Allah, 1986).

VI. Sayyid Muhammad Amīn Bin Ahmad Riḍwan

Beliau seorang *al-Faqīh al-Ṣālih al-Musnid*. Beliau terkenal sebagai dengan gelaran Shaykh *al-Dalāil* di *Rauḍah* Rasulullah. Antara guru beliau ialah Shaykh Surūr al-Zawāwi al-Damanhūri dan Shaykh `Aṭiyyah al-Matbūli al-Dimyāṭī (Al-Mara`shili, 2002).

VII. Shaykh Muhammad Ṣaliḥ bin `Abd al-Raḥmān al-Jāwi al-Faṭānī

Ayah beliau dikenali dengan nama Tok Probok mengambil sempena Kampung Pauh Bok di Fatani. Beliau merupakan cucu kepada pengasas Pondok Pauh Bok. Beliau merupakan penerus legasi pengajaran bapa dan datuknya di sana (Ahmad Fathy, 2011).

2.6 PENGAJARAN

Shaykh al-Faṭānī telah menjadi rujukan ulama dari Asia Tenggara setelah kewafatan Shaykh Daud al-Faṭānī memandangkan beliau merupakan kader kepadanya. Tambahan pula beliau merupakan seorang ulama yang menguasai pelbagai bidang ilmu. Kedudukan beliau setaraf dengan ulama – ulama terkemuka yang berada di Mekah dan Madinah pada ketika itu. Antaranya ialah Shaykh Ahmad bin Zayni Daḥlān, Mufti Mazhab Shāfi`e di Mekah dan ketua Ulama Hijaz pada zamannya (al-Mara`shili, 2002).

Fatwa-fatwa Shaykh al-Faṭānī pernah dikumpulkan oleh muridnya berserta fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Shaykh Ahmad bin Zayni Daḥlān di dalam kitab *Muhimmāt al-Nafā'is fi Bayāni 'As'lati al-Ḥādith*. Shaykh al-Faṭānī merupakan tokoh pertama yang terkenal serta berpengaruh daripada jurai kekeluargaan Shaykh Daud al-Faṭāni yang meneruskan legasi beliau serta mempunyai halaqah pengajian yang tersendiri di Masjid al-Ḥarām (Bradley, 2010).

Pengajaran beliau tertumpu kepada Kitab Jawi dan Arab tidak hanya dijalankan di Masjid al-Ḥaram malah di kediaman beliau juga (Wan Mohd Saghir, 1989). Kaedah pengajian di Masjid al-Ḥaram pada ketika itu menggunakan sistem halaqah, sebuah kaedah di mana murid-murid mengelilingi guru untuk mendengar pengajarannya (Redzuan, 2001). Di samping itu, Shaykh al-Faṭānī juga mempunyai pengaruh yang besar dalam kelompok ahli *taṣawwuf* kerana beliau merupakan seorang khalīfah *tarīqah* kepada Shaykh Daud al-Faṭānī.

Dalam sebuah manuskrip tentang masalah feqah mencatatkan frasa berikut (lampiran A):

> "...guru kita yang \`Ālim lagi \`Allāmah yaitu Shaykh \`Abd al-Qādir ibn \`Abd al-Raḥmān khalifah Maulānā al-Shaykh Daud ibn \`Abd Allah Faṭānī dan lain daripadanya...".

Kebanyakan Ulama Fatani juga telah menerima *Ṭarīqah Shaṭṭāriyyah* daripada beliau (Bradley, 2010). *Ṭarīqah Shaṭṭāriyyah* adalah sebuah *ṭarīqah* yang telah diasaskan oleh Shaykh \`Abd Allah al-Shaṭṭār di India pada abad ke lima belas sebelum dibawa ke Hijaz oleh al-Sayyid Sibghah Allah ( Mu\`īn al-Dīn Ahmad, 1963).

Oleh kerana itu, beliau mempunyai bilangan murid yang ramai daripada berbagai lapisan umur dan tempat. Kebanyakan murid beliau merupakan tokoh-tokoh ulama yang banyak berjasa kepada Kepulauan Melayu. Antara murid beliau adalah :-

I. Shaykh `Uthman bin Shaykh Shihābuddin al-Funtiani

Beliau berasal daripada Pontianak, Kalimatan Barat. Beliau mendapat pendidikan asas di Pontianak sebelum melanjutkan pendidikan di Mekah. Antara karya beliau yang terkenal di Kepulauan Melayu ialah Kitab *Tāj al-`Arus* .(Wan Mohd Saghir, 2006).

II. Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain al-Faṭāni

Beliau merupakan seorang tokoh pembaharu Kepulauan Melayu pada zamannya. Beliau menulis dalam pelbagai bidang keilmuan. C.Snouck Hurgronje merupakan seorang orientalis yang pernah menjadi murid beliau (Wan Mohd Saghir, 2008).

III. Shaykh Wan `Ali bin Wan `Abd al-Raḥmān Kutan al-Kalantani

Beliau berasal daripada Kampung Kutan, Kelantan. Antara karya beliau yang terkenal ialah Kitab *al-Jauhar al-Mauhūb* dalam bidang hadith, *Lum`ah al-Aurād*, sebuah karya tentang amalan serta zikir dan *Zahrah al-Murīd* dalam bidang aqidah Beliau menuntut pelbagai ilmu dengan Shaykh al-Faṭāni termasuklah menerima *Ṭarīqah Shaṭṭāriyyah* (Wan Mohd Saghir, 2004).

IV. Shaykh Muhammad Ṣāliḥ bin Shaykh Zayn al-`Ābidīn al-Faṭāni

Bapa beliau merupakan seorang ulama yang terkenal dengan gelaran Tuan Minal. Antara karangannya ialah *Risalah yang kecil pada bicarakan ilmu tajwid al-Quran* dan *Sirāj al-Qāri* (Wan Mohd Saghir, 2004).

V. Shaykh Nik Mat Kecil al-Faṭāni

Beliau seorang Ulama berketurunan asal daripada Fatani yang dilahirkan di Pulau Duyung Kecil, Kuala Terengganu. Beliau merupakan pengurus jemaah haji atau Shaykh Haji yang terbesar pada zamannya. Di samping itu beliau merupakan satu-satunya Hakim Mahkamah *Syar`ī* Mekah yang berasal daripada Kepulauan Melayu (Wan Mohd Saghir 2005).

VI. Haji Wan `Abd al-Karīm bin Wan `Uthmān Jerim Besut

Beliau ialah salah seorang murid Shaykh al-Faṭāni yang diutuskan surat oleh Shaykh Ahmad al-Faṭāni untuk memaklumkan kewafatan gurunya (Wan Mohd Saghir, 1989).

VII. Tuan Guru Haji `Uthmān bin Haji Senik

Berasal daripada Kelantan. Beliau juga dikenali juga dengan gelaran Tok Botok atau Tok Montok. Namun beliau telah berhijrah ke Pahang sebelum dilantik menjadi Mufti Kerajaan Pahang. Beliau telah mendapatkan pendidikan di Pondok Bendang Daya sebelum melanjutkan pendidikan dengan Shaykh al-Faṭāni di Mekah (Wan Mohd Saghir, 1990).

VIII. Tuan Guru Haji Mahmud Bin Muhammad Yusuf Raman

Beliau merupakan seorang penyalin manuskrip melayu. Berdasarkan pengakuan beliau, Shaykh al-Faṭāni merupakan kepala ṭala`ah beliau semasa pengajiannya di Mekah walaupun Shaykh al-Faṭāni lebih muda daripadanya (Wan Mohd Saghir, 1992). Sistem kepala ṭala`ah merupakan kaedah pembelajaran yang diwujudkan dalam kalangan pelajar dibawah seliaan pelajar yang terkehadapan dalam pelajaran untuk mengulangkaji serta menghaluskan lagi pemahaman (`Abd al-Ghaniy, 1998).

IX. Haji `Umar Mentuan

Beliau merupakan seorang ulama yang berasal daripada Kampung Mentuan, Kelantan. Beliau menjadi murid Shaykh al-Faṭānī semasa menuntut ilmu di Mekah selama 12 tahun (Ismail Che Daud, 2004).

X. Datuk Abdullah Musa

Berasal daripada Kelantan. Beliau telah berkhidmat sebagai Hakim Besar dan Mufti Kerajaan Johor yang ke 2. Shaykh al-Faṭānī merupakan guru beliau sewaktu di Mekah (Wan Mohd Saghir, 2005).

XI. Tuan Hussayn Kedah

Beliau berketurunan Shaykh Muhmmad Arshād al-Banjari yang dilahirkan dan menetap di Kedah. Beliau banyak menghasilkan karangan dan mempunyai banyak tanah wakaf yang dijadikan pusat pengajian. Beliau berguru dengan Shaykh al-Faṭāni semasa di Mekah (Wan Mohd Saghir, 2004).

XII. Haji Wan `Abd Allah bin Ismail

Beliau lebih terkenal dengan gelaran Tok Guru Kok Geting. Beliau berasal daripada Kampung Banggol daripada Negeri Reman dalam kawasan Yala, Thailand. Beliau juga kerabat DiRaja Reman daripada sebelah ibunya yang bernama Tuan Jibah binti Tuan `Abd al-Raḥmān. Beliau merupakan seorang guru yang berkhidmat di Madrasah Mehiliah di Kampung Geting (Ismail Che Daud, 2007).

XIII. `Abd al-Ṣamad bin Muhammad Ṣāliḥ

Lebih dikenali dengan gelaran Tuan Tabal merupakan seorang tokoh *Ṭariqah Aḥmadiyyah* yang masyhur di Kelantan. Selain berguru dengan Sidi Ibrahim Rashid dalam *Ṭarīqah Aḥmadiyyah*, beliau juga berguru dengan Shaykh al-Faṭāni dalam *Ṭariqah Shaṭṭāriyyah* (Ismail Che Daud, 2001).

XIV. Haji Wan Muhammad bin `Abd al-Ṣamad

Beliau merupakan anak kepala Tuan Tabal. Beliau telah dilantik menjadi Mufti Kerajaan Kelantan yang ke empat. Beliau dan ayahnya telah menerima *bay`ah Ṭariqah Shaṭṭāriyyah* daripada Shaykh al-Faṭāni pada tahun 1294 hijrah (Wan Mohd Saghir, 2006).

XV. Ismā`il bin Senik @ `Abd al-Ḥāmid

Beliau masyhur dengan gelaran Tok kemuning. Beliau berasal daripada Machang, Kelantan. Semasa melanjutkan pembelajaran di Mekah, beliau pernah belajar dengan Shaykh al-Faṭānī (Ismail Che Daud, 2001).

XVI. Yūsuf bin Senik @ `Abd al-Ḥāmid

Beliau merupakan abang kepada Tok Kemuning. Beliau bersama adiknya pergi melanjutkan pembelajaran di Mekah pada tahun 1313 hijrah dan berkongsi guru dengan adiknya (Ismail Che Daud, 2001).

XVII. Haji Muhammad Dahhan bin Daud

Terkenal dengan gelaran Tok Yaman. Beliau berasal daripada Fatani dan mempunyai kepakaran dalam bidang Feqah dan Aqidah. Beliau mempunyai seorang anak yang terkenal dengan gelaran Tok Beruas (Ahmad Fathy, 2002).

XVIII. Shaykh `Abd al-Salam al-Asyi

Berasal daripada Aceh. Beliau merupakan murid Shaykh al-Faṭāni yang telah menyusun sebuah kitab yang berjudul *Muhimmāt al-Nafāis fi Bayāni As'ilati al-Ḥadith* yang menghimpunkan jawapan kepada persoalan yang dijawab oleh Sayyid Aḥmad Daḥlān berserta berberapa lagi ulama termasuk gurunya; Shaykh al-Faṭānī (Wan Mohd Saghir, 2017).

2.7 KARYA DAN PENULISAN SHAYKH AL-FAṬĀNĪ

Shaykh al-Faṭāni telah meninggalkan berberapa penulisan sama ada masih dalam bentuk manuskrip tulisan tangan atau telah dicetak. Beliau telah menghasilkan 12 karangan sepanjang hidupnya. Beliau menulis dalam pelbagai bidang seperti aqidah dan tajwid, namun kebanyakkan penulisannya ialah dalam bidang feqah dan taṣawwuf (Bradley, 2010). Antaranya karangan beliau ialah :-

a. *Rauḍ al-Zawāhir Fi Bayān Khawas al-Jawāhir*

Karya ini masih berbentuk manuskrip tunggal dan tersimpan di Balai Pameran Islam, Pusat Islam Malaysia dengan nombor panggilan MI 694. Karya ini membincangkan tentang batu-batu permata (Wan Mohd Saghir, 2017). Namun kesahihan pernisbahan karya ini kepada beliau tidak dapat dipastikan kerana tidak terdapat catatan nama beliau padanya. Berdasarkan kenyataan pada awal naskhah, dipercayai ia merupakan salinan atau kutipan Shaykh al-Faṭānī daripada Daud al-'Anṭākī (Lampiran B).

b. *al-Mawāhib al-Makkiyyah Fi Ta`rīb Tajwīd al-Adaiyah*

Karya ini ada dalam bentuk manuskrip dan cetakan. Manuskrip kitab ini tersimpan di Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara dengan nombor panggilan MS 462 dan MS 629. Ia pernah diterbitkan di Matba`ah al-Miriyyah Mekah dengan pentashihan yang dilakukan oleh Shaykh Ahmad al-Faṭāni pada awal bulan Dhu al-Hijjah tahun 1304h. Selain itu ia juga dicetak oleh Matba` Fath al-Karīm al-Islāmiyyah pada awal bulan Rajab tahun 1308h. Karya ini telah selesai ditulis di Mekah pada hari ahad 9 Rajab 1296h bersamaan 29 Jun 1879 masihi. Ia merupakan sebuah karya terjemahan daripada kitab guru beliau; Shaykh Ahmad Bin `As`ād al-Dihān.

c. *Lujjayn al-Dānī Fi Bayāni Nubdhah Min Manāqib Sayyidi `Abd al-Qādir al-Jaylāni*

Karya ini selesai ditulis pada 15 Ṣafār 1298h bersamaan hari Ahad 16 Januari 1881 masihi. Kitab ini hanya dicetak oleh Matba`ah al-Miriyyah sebanyak dua kali. Cetakan pertama pada akhir Rabi` al-Thāni 1311h manakala cetakan kedua pada awal Muharram 1324h. Kitab tentang biografi Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylāni ini merupakan terjemahan daripada karya Shaykh Ja`fār bin Hussayn al-Barzanji. Kitab inilah yang dikaji dalam latihan ilmiah ini.

d. *Khulāṣah al-Asrār Fi Faḍīlah al-Ṣalāh Wa al-Salām `Ala Sayyid al-Abrār*

Karya ini selesai ditulis pada 20 Rabi` al-Akhīr 1306h bersamaan hari Isnin 24 Disember 1888 masihi. Kitab ini dicetak kali pertama pada tahun 1301 oleh Matba`ah al-Miriyyah. Karya berkenaan kelebihan selawat ini disusun oleh Shaykh al-Faṭāni daripada Kitab *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn, Tanbīh al-Ghāfilīn, Khazīnah al-Asrār* dan *al-Fatḥ al-Mubīn*.

e. *Dūr al-Munazzam Fi Bayāni Nasabi al-Nabiyy al-Mu`ẓẓam*

Karya ini selesai ditulis pada 29 Rabi` al-Awwal 1312h bersamaan hari sabtu 29 September 1894 masihi. Kitab ini dicetak pertama kali pada akhir Shawāl tahun 1312h oleh Matba`ah al-Miriyyah. Karya ini membicarakan tentang nasab Rasulullah ṣallā Allah `alayhi wasallam.

f. *Terjemahan Matan Umm al-Barāhīn*

Merupakan sebuah karya akidah yang terkenal di Kepulauan Melayu. Tidak dinyatakan tarikh penterjemahanyan dilakukan. Sehingga sekarang naskhah terjemahan ini masih dicetak dalam versi tulisan tangan oleh Matba`ah Bin Halābi Fatani. Selain itu Akademi Jawi Malaysia pada tahun 2017 telah

menerbitkan kitab ini dengan menggunakan tulis berkomputer namun masih mengekalkan tulisan jawi serta struktur bahasa yang digunakan.

g. *Kitab Membuka Pal*

Dipercayaai antara karya tulisan Shaykh al-Faṭānī. Dinyatakan ia selesai ditulis pada malam khamis pada waktu isyak tanpa sebarang tarikh. Kitab ini merupakan sebuah karya tentang ilmu perlangkahan. Dicetak oleh al-Matba`ah al-`Alawiyyah Bombay, India pada tahun 1310h. Berikut merupakan frasa yang ditulis setelah pendahuluan kitab ini (lampiran E):

> '...Qālahu Maulānā Shaykhunā al-Shaykh `Abd al-Qādir bin al-Marḥūm al-Shaykh `Abd al-Raḥmān al-Faṭānī..."

Pendahuluan yang dinisbahkan kepada beliau ini menjelaskan tentang kaifiat untuk menggunakan Kitab Pal tersebut. Pengkaji telah menemui sebuah manuskrip koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dengan nombor panggilan MS 515(1) berjudul *Fāl al-Quran* [18] ff.lengkap. Manuskrip ini hanya mempunyai 10 halaman. Pengkaji tidak mendapati nama penulis atau penyalin manuskrip tersebut. Namun kandungan awalnya mempunyai persamaan dengan *Kitab Membuka Pal* walaupun kandungannya lebih ringkas (lampiran F dan G).

h. *Risalah Pada Menyatakan Waḍa` Bulan Ramaḍan*

Kitab ini pernah dicetak di tepi kitab *Dūr al-Munazzam Fi Bayāni Nasabi al-Nabiyy al-Mu`ẓẓam* pada cetakan 1903 masihi (Wan Mohd Saghir, 2017).

Berdasarkan tarikh karangan yang dinyatakan, Shaykh al-Faṭānī memulakan aktiviti penulisan pada 20 tahun terakhir dalam hidupnya. Hal ini menunjukkan beliau lebih memberi penumpuan terhadap aktiviti pengajaran dan penfatwaan berbanding penulisan. Permasalahan-permasalahan yang difatwakan oleh Shaykh al-Faṭānī tidak

hanya berkisar daripada soalan yang diajukan oleh masyarakat di Mekah. ia juga termasuk permasalahan yang datang daripada Kepulauan Melayu dalam bentuk surat-surat ringkas.

Jawapan beliau ini juga ada yang dikumpul dan dicetak seperti dalam kitab *Muhimmāt al-Nafā'is* susunan murid beliau, Shaykh `Abd al-Salam al-Asyi dan ada juga yang masih dalam bentuk manuskrip bertulisan tangan yang berasingan. Antaranya koleksi jawapan-jawapan beliau yang berada dalam koleksi Wan Mohd Saghir dalam bentuk manuskrip tulisan tangan ialah :-

I. Manuskrip tentang Masalah Feqah

Manuskrip tanpa penyalin ini memuatkan fatwa-fatwa dalam permasalahan feqah yang kebanyakannya dijawab oleh Shaykh al-Faṭānī dan ulama yang lain. seperti Shaykh Muhammad Sa`īd, Mufti Shāfi`iyyah Mekah (Lampiran A).

II. Manuskrip tentang Zakat

Manuskrip ringkas ini hanya mempunyai dua muka surat (Lampiran C).

III. Manuskrip tentang Zikir Roh

Manuskrip ini merupakan jawapan Shaykh al-Faṭānī daripada kiriman soalan yang datang daripada Kepulauan Melayu (Lampiran D).

2.8 SUMBANGAN SHAYKH AL-FAṬĀNĪ

Shaykh al-Faṭānī telah menyelamatkan banyak koleksi tulisan Ulama Melayu yang berbentuk manuskrip. Di samping itu beliau juga melakukan pentahkikkan dan pentashihan terhadap karya-karya penting yang diajarkan secara turun-temurun sebelum zaman beliau (Wan Mohd Saghir, 2005). Istilah tashih ini kemudiannya diperkenalkan oleh Shaykh Aḥmad al-Faṭānī bermula tahun 1871 masihi. Beliau yang dianggap

sebagai orang yang mula-mula mencipta dan memperkenalkan istilah *tashih* sebenarnya telah terpengaruh dengan kaedah yang digunakan oleh gurunya, Shaykh al-Faṭānī (Wan Mohd Saghir, 2000).

Hasil pengaruh daripada Shaykh al-Faṭānī dan koleksi beliau inilah, Shaykh Aḥmad al-Faṭānī terinspirasi untuk memulakan pertubuhan pentashihan di Mesir, Mekah dan Turki. Antara karya penting yang dijaga oleh beliau ialah Kitab *Siyar al-Sālikīn* karangan Shaykh `Abd al-Ṣamad al-Falimbāni yang telah dicetak oleh Matba`ah `Īsā al-Bābī Mesir berdasarkan naskhah pengajaran miliknya. Selain itu beliau juga menyumbang dalam membuat komentar ringkas kepada Kitab *Furū` al-Masā'il* karangan Shaykh Daud al-Faṭānī. Komentar ringkas Shaykh al-Faṭāni ini ada dicetak dalam edisi kitab *Furū` al-Masā'il* yang tertentu antaranya cetakan Maṭba`ah al-Miriyyah Mekah tahun 1321 hijrah (Wan Mohd Saghir, 2017).

Selain itu, sebagai Khalifah kepada Shaykh Daud al-Fāṭānī dalam *Ṭarīqah Shaṭṭāriyyah*, Shaykh al-Faṭānī telah mem*bay`ah* serta mentalkinkan *Ṭarīqah Shaṭṭāriyyah* kepada para muridnya. Daripada beliaulah Ṭarīqah Shaṭṭāriyyah melalui jalur Shaykh Daud al-Faṭāni terus berkembang di Kepulauan Melayu sehingga sekarang. Antara murid beliau yang menerima dan mengembangkan lagi *Ṭarīqah Shaṭṭāriyyah* ialah Shaykh Ahmad al-Faṭānī dan Shaykh Wan `Ali al-Kalantāni.

Beliau telah menerima *Ṭarīqah Shaṭṭāriyyah* daripada Shaykh Daud al-Faṭānī daripada Shaykh Muhammad 'As`ad daripada bapanya Shaykh Muḥammad Sa`īd Ṭāhir daripada bapanya Shaykh Ibrāhīm al-Madāni daripada bapanya Shaykh Muḥammad Ṭāhir daripada bapanya Shaykh Ibrāhīm al-Kūrānī daripada Sīdī Aḥmad al-Qushāshi

daripada Sīdī Aḥmad al-Shinnāwi daripada al-Sayyid Sibghah Allah daripada Shaykh Aḥmad al-`Alawi daripada Shaykh Muḥammad al-Ghauth daripada Shaykh Ẓuhur daripada Shaykh Hadiyyah Allah daripada bapanya Shaykh Muḥammad al-`Alā' daripada tokoh pertama dan pengasas *Tariqah Shaṭṭāriyyah* Shaykh `Abd Allah al-Shaṭṭārī (Mohd Zaidi, 2012, al-Qushāshī, 1327h, Mu`īn al-Dīn Ahmad, 1963).

Shaykh al-Faṭānī juga terlibat daam perwakafan. Sistem pewakafan harta telah menjadi kebiasaan kepada Umat Islam di Mekah khususnya masyarakat daripada Kepulauan Melayu. Perwakafan ini dilakukan untuk kegunaan Masyarakat Melayu sama ada semasa menunaikan haji atau menuntut ilmu di sana. Selain itu terdapat pewakafan juga dilakukan untuk zuriat tertentu. Antara harta wakaf Shaykh al-Faṭānī ialah sebuah rumah untuk kegunaan anak cucunya serta pelajar Melayu di Mekah. Berdasarkan rekod, Pelajar Melayu Pahang pernah menetap di rumah wakaf tersebut sejak 1880-an (Abu Hanifah, 2015).

2.9 KEWAFATAN SHAYKH AL-FAṬĀNĪ

Shaykh Ahmad al-Faṭāni mencatatkan dalam suratnya kepada Haji Wan `Abd al-Karīm Jerim bahawa Shaykh al-Faṭāni telah wafat pada awal bulan *Dhulhijjah* 1315 hijrah bertepatan dengan awal musim haji pada tahun tersebut (Wan Mohd Saghir, 1989,2005). Ini bermakna kewafatan beliau sekitar akhir bulan April 1898 kerana pada tahun 1315 hijrah, ibadat haji bermula pada 30 April dan berakhir pada 4 Mei 1898 bersamaan pada umur 87 tahun mengikut kalendar hijrah dan 85 tahun menurut kalendar masihi.

2.10 PEWARIS SHAYKH AL-FAṬĀNĪ

Shaykh al-Faṭānī telah meninggalkan enam orang anak; Mahmud, Muhammad, `Abd Allah, Ahmad, Daud, Maimunah (Fauzi, 2019). Namun begitu hanya dua orang anak beliau yang muncul sebagai ulama terkemuka. Pertama ialah Shaykh Muhammad atau Wan Muhammad Daud bin `Abd al-Qādir al-Faṭānī. Keilmuan beliau telah diakui Shaykh al-Faṭānī masih hidup (Wan Mohd Saghir, 1989). Beliau merupakan seorang yang digelar sebagai *al-`Allāmah al-Mutafannin* (Mahmud, 2014). Beliau adalah murid kepada Shaykh Aḥmad al-Faṭānī yang turut terlibat dalam kerja-kerja pentashihan Kitab Jawi. Antara guru beliau ialah Sayyid `Umar bin Sayyid Muhammad Shaṭa. Manakala anak Shaykh al-Faṭānī yang kedua ialah Shaykh Daud atau Wan Daud bin `Abd al-Qādir al-Faṭānī.

Melalui zuriat Shaykh Daud, Shaykh al-Faṭānī telah dikurniakan tiga orang cucu yang menjadi tokoh pada zamannya. Cucu Shaykh al-Faṭānī yang pertama ialah Shaykh Hussayn al-Faṭānī, yang kedua Shaykh Muhammad Ṣāliḥ dan ketiga, Shaykh Ibrāhīm al-Fāṭānī. Shaykh Hussayn al-Faṭānī pernah menjadi Duta Arab Saudi ke Malaysia dan Pakistan manakala Shaykh Muhammad Ṣālih pula merupakan Konsul Arab Saudi di Karachi, Pakistan semasa zamannya, sedangkan Shaykh Ibrāhīm al-Faṭānī merupakan seorang Ulama yang terkemuka di Mekah. Shaykh Ibrāhīm merupakan seorang yang digelar *al-Adīb al-Shā`ir* (Mahmud, 2014). Beliau mendapatkan pendidikan asas daripada bapa saudaranya, Shaykh Muhammad sebelum menlanjutkan pembelajaran dengan Ulama Mekah yang terkemuka seperti Shaykh `Ali al-Maliki. Antara murid beliau yang terkenal ialah Musnid al-Dunya Shaykh Muhammad Yāsin bin `Īsā al-Fādānī.

Rajah 2.4 : Salasilah Keturunan Shaykh al-Faṭānī

2.11 SANAD KEPADA SHAYKH AL-FAṬĀNĪ

Keilmuan Shaykh al-Faṭānī telah tersebar melalui penulisan, serta pengajaran beliau kepada anak-anak muridnya. Antara sanad ilmu yang sampai kepada beliau ialah melalui anaknya, Shaykh Muhammad al-Faṭāni. Shaykh Hamzah al-Kalantāni telah meriwayatkan daripada Shaykh `Abd al-Rahim al-Kalantāni yang meriwayatkan daripada Shaykh Muhammad (lampiran H dan I).

Selain sanad ilmu, Shaykh al-Faṭānī juga mewariskan sanad amal yang diperturunkan kepada ramai muridnya. Antaranya Shaykh Ahmad al-Faṭāni. Shaykh Ahmad Bin Muhammad Nur Kuala Nerang, Kedah dan Shaykh Isa bin Yahya Gerik, Perak telah menerima daripada guru mereka Shaykh Wan Ismā`il bin Wan `Abd al-Qādir yang telah menerima daripada Shaykh Wan Daud bin Wan Musṭafa yang telah menerima daripada Shaykh Ahmad al-Faṭānī. Pengkaji telah meriwayat serta menerima daripada Shaykh Hamzah, Shaykh Ahmad bin Muhammad Nur serta Shaykh Isa bin Yahya. Berikut merupakan rajah susur galur sanad kepada Shaykh al-Faṭānī :

Rajah 2.5 : Susur Galur Sanad Kepada Shaykh al-Faṭānī

2.12 KESIMPULAN

Shaykh al-Faṭāni merupakan seorang tokoh yang sangat berjasa pada zamannya kepada perkembangan islam di Kepulauan Melayu. Latar belakang keluarganya yang mengambil berat soal keilmuan telah membentuk keperibadian Shaykh al-Faṭāni. Walaupun membesar pada zaman perperangan, beliau tetap mengambil berat terhadap soal pendidikan. Perkara ini berterusan dalam kalangan keturunan beliau. Legasi keilmuan yang diwariskan oleh beliau melalui murid-murid serta penulisan beliau juga terus berkembang sehingga kepada hari ini.

Beliau juga telah menyelamatkan khazanah Ulama Melayu sehingga khazanah tersebut dapat diwarisi oleh generasi sekarang. Selain berperanan dalam keilmuan zahir, beliau turut menyumbang dalam pendidikan rohani dengan penyebaran *Ṭarīqah Shaṭṭāriyyah* yang berkembang di Kepulauan Melayu khususnya di Semenanjung Malaysia serta Selatan Thailand. Akhir sekali, peninggalan beliau dalam bentuk berberapa harta wakaf seperti rumah untuk kegunaan anak cucu beliau serta pelajar-pelajar Melayu di Mekah telah memberikan manfaat kepada mereka. Shaykh al-Faṭānī

bukan sahaja meninggalkan zuriat keturunan yang salih, beliau juga telah meninggalkan ilmu yang bermanfaat serta sedekah jariah yang berkekalan. Ketiga-tiga perkara ini menjadi sebab pahala berterusan sampai kepada beliau setelah kematiannya. Sabda Nabi ṣallā Allah `alayhi wasallam :

إِذَا مَاتَ الإِنْسانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: إلا مِنْ صَدَقةٍ جَارِيَةٍ، أوْ عِلْمٍ يُنْتَفِعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُوْ لَهُ

Maknanya : Jika mati seorang insan itu, maka terputuslah amalannya melainkan daripada 3 perkara. Daripada sedekah yang berterusan, atau ilmu yang dimanfaatkan atau anak salih yang mendoakan baginya.

Diriwayatkan oleh Muslim dalam Sahihnya : Kitab al-Waṣiyyah

BAB III

KITAB *LUJJAYN AL-DĀNĪ FI BAYĀNI NUBDHAH MIN MANĀQIB SAYYIDI `ABD AL-QĀDIR AL-JAYLĀNI*

3.1 PENGENALAN

Para ulama Kepulauan Melayu telah menulis dalam pelbagai lapangan ilmu yang *fardu ain* seperti aqidah, fiqh, dan taṣawwuf dan ilmu yang *fardu kifayah* seperti mantik, maqulat, dan ulum hadith. Mereka juga menulis dalam bidang kesusasteraan masyarakat seperti sastera kenabian, sastera tokoh-tokoh islam dan sastera kepahlawanan islam. Antara karya dalam bidang kesusasteraan masyarakat ialah *Hikayat Nur Muhammad*, *Hikayat Tamim al-Dāri*, dan *Hikayat Amir Hamzah* (Rosni, 2014). Kitab *Lujjayn al-Dānī* karangan Shaykh al-Faṭānī juga termasuk dalam karya bidang kesusasteraan masyarakat.

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang latar belakang kitab melalui penamaan, tujuan penulisan, rujukan serta kandungannya. Selain itu pengkaji juga akan membincangkan aspek luaran kitab seperti naskhah dan percetakan, penggunaan gaya bahasa serta imbuhan. Namun dalam bab ini pengkaji tidak membincangkan tentang catatan pinggir yang dilakukan oleh Shaykh al-Faṭānī. Perbincangan mengenainya akan dilakukan dalam bab 5 yang akan datang.

3.2 LATAR BELAKANG *LUJJĀYN AL-DĀNĪ*

Kitab ini merupakan sebuah karya terjemahan daripada karangan Shaykh Ja`far bin Hassan bin `Abd al-Karīm bin Sayyid Muhammad bin `Abd al-Rasul al-Barzanji al-Madani. Beliau merupakan Mufti Mazhab Shāfi`i di Madinah. Selain itu beliau juga bertugas sebagai *Khaṭib* dan Pengajar di Masjid Nabawi (Muhammad Khalil, t.t). Antara karangan beliau yang terkenal di Kepulauan Melayu ialah *Maulid al-Barzanji* atau nama sebenarnya ialah *`Iqd al-Jauhar Fi Maulid al-Nabiy al-'Azhar*.

Kitab *Lujjayn al-Dānī* juga turut dikenali dengan nama *al-Jana al-Dāni Fi Manāqib al-Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylānī* (al-Zirikliy, 2002). Kandungannya membincangkan tentang biografi Shaykh al-Jaylāni, seorang tokoh taṣawwuf yang terkenal dalam Dunia Islam. Pengkaji tidak menemui maklumat tentang tahun penulisan karangan ini. Namun yang pastinya ia ditulis sebelum kewafatan pengarang pada tahun 1764 masihi.

3.3 PENAMAAN KITAB

Kitab ini berjudul *Lujjayn al-Dānī Fi Bayāni Nubdhah Min Manāqib Sayyidi `Abd al-Qādir al-Jaylānī*. Shaykh al-Faṭānī telah mengekalkan penamaan terjemahan beliau daripada kitab asal sebagaimana beliau nukilkan pada akhir kitab halaman 16 :

> "...hamba namakan dia dengan nama asalnya *Lujjayn al-Dānī Fi Bayāni Nubdhah Min Manāqib Sayyidi `Abd al-Qādir al-Jaylānī*..."
> (Shaykh al-Faṭānī, 1324h)

Namun begitu pengkaji telah menemui manuskrip tulisan tangan dalam Bahasa Arab daripada koleksi Leipzig University Library, Jerman dalam katalog Vollers, bernombor 268 yang berjudul *al-Jana al-Dānī Fi Nubdhah Min Manāqib al-Qutb al-Rabbānī*

Sayyidinā al-Shaykh`Abd al-Qādir al-Jaylāni (lampiran J). Perbezaan ketara antara dua judul ini ialah antara perkataan *al-Jana* dan *al-Lujjayn*. Kedua-dua penggunaan perkataan ini mempunyai makna yang sesuai terhadap teks. Namun penulis memilih perkataan *al-Lujjayn* kerana Shaykh al-Faṭānī telah menyebut sedemikian.

Terdapat empat perkataan penting dalam penamaan kitab ini iaitu *Lujjayn, al-Dānī, al-Nubdhah*, dan *Manāqib*.

a. *Lujjayn*

Perkataan *lujjayn* berasal daripada *la-ja-na*. *Al-Lujjayn* dibaca dengan huruf lam yang berbaris hadapan bermaksud perak. Ia datang dengan lafaz *taṣghīr* (Al-Rāzī, 1973).

b. *Al-Dānī*

Al-Dānī berasal daripada *da-na-ya*. *Al-Dānī* bermaksud di antara dua perkara yang saling mendekat dan antara keduanya. *Al-Daniyyu* bermaksud yang dekat (Al-Rāzī, 1973). Selain itu *al-Dānī* bermaksud yang hampir dan yang dekat (Al-Marbawi, 1354h).

c. *Nubdhah*

Nubdhah boleh juga dibaca dengan *nabdhah* membawa maksud satu pihak, sisi, bahagian atau kawasan (Al-Rāzī, 1973). Selain itu ia juga bermaksud sebahagian, satu rencana atau satu risalah daripada satu perkara (Al-Marbawi, 1354h).

d. *Manāqib*

Manāqib bermaksud sifat kepujian (Al-Marbawi, 1354h). Ia merupakan lafaz *jamak* bagi *al-Manqabah* yang bermaksud menjelaskan kebaikan. *Al-Manqabah*

berlawanan dengan *al-Mathlabah* yang bermaksud menjelaskan keaiban (Al-Rāzi, 1973).

Justeru itu, pengkaji berpendapat terjemahan Bahasa Melayu kepada nama kitab ini ialah Perak yang mendekatkan untuk menjelaskan sebahagian daripada kelebihan Sayyidi `Abd al-Qādir al-Jaylāni. Hal ini kerana kandungan kitab ini diumpamakan sebagai perak, sejenis logam yang berharga. ia mengumpulkan berberapa kelebihan Shaykh al-Jaylāni sebagai rujukan mudah yang mendekatkan pembaca kepada maklumat-maklumat berkenaan kelebihan beliau.

3.4 TUJUAN PENULISAN KITAB

Kitab ini ditulis untuk dibacakan dalam majlis haul sebagai memperingati orang-orang ṣāliḥ kerana terdapat berberapa kelebihan apabila menyebut tentang mereka. Antara kelebihannya ialah menurunkan rahmat dan keberkatan. Kedua, pintu langit akan dibuka dan menurunkan limpahan anugerah daripada Allah. Berdasarkan sebab yang dinyatakan didapati tujuan utama memperingati orang-orang ṣāliḥ hanyalah untuk mendapatkan rahmat daripada Allah.

Dalil menyebut tentang orang-orang salih akan menurunkan rahmat ialah daripada suatu athar :-

عِنْدَ ذِكْرِ الصَّالِحِينَ تَنْزِلُ الرَّحْمَةُ

Maksudnya : Rahmat akan turun ketika disebutkan tentang orang-orang ṣāliḥīn

Menurut al-`Irāqi perkataan ini ialah kata-kata daripada Sufyān Ibn `Uyaynah (al-Qārī, 1986). Selain al-`Irāqi, Ibn Jawzi turut mengatakan bahawa *athar* ini daripada kata-kata Sufyān Ibn `Uyaynah (al-Najm al-Ghazzi, 1995). Namun begitu, al-

Zamakhshari menyebutkan *athar* ini ialah sahih yang diriwayatkan oleh para ulama yang terkemuka daripada Rasulullah *ṣallā Allah `alayhi wasallam*. Sedangkan menurut al-`Asqalāni *athar* ini tidak mempunyai asal daripada Rasulullah *ṣallā Allah `alayhi wasallam* (al-`Ajlūni, t.t).

Dalam sebuah athar yang lain, Ibn al-Ṣalāh (2002) telah meriwayatkan dengan katanya :

"...ما رُوِّينا عَنْ أَبِيْ عَمْرٍو إِسْمَاعِيْلَ بْنَ نُجَيْد أَنَّهُ سَأَلَ أَبَا جَعْفَرٍ أَحْمَدَ بْنَ حَمْدَانَ وَكَانَا عَبْدَيْنِ صَالِحَيْنِ فَقَالَ لَهُ بِأَيِّ نِيَّةٍ أَكْتُبُ الحَدِيْثَ فَقَالَ أَلَسْتُمْ تَرْونَ أَنَّ عِنْدَ ذِكْرِ الصَّالِحِيْنَ تَنْزِلُ الرَّحْمَةَ ؟ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَرَسُوْلُ اللهِ ﷺ رَأْسُ الصَّالِحِيْنَ..."

Maksudnya : Apa yang kami riwayatkan daripada Abī `Amr 'Ismā`īl bin Nujāyd bahawasanya dia telah menanyakan Abā Ja`far Aḥmad bin Ḥamdān dan keduanya merupakan dua hamba yang baik. Maka Abī `Amr berkata kepada Abā Ja`far : dengan niat apakah aku hendak meriwayatkan ḥadith. Maka Abā Ja`far berkata : tidakkah kamu berpendapat bahawasanya dengan menyebut orang-orang ṣāliḥ rahmat akan turun?. Lantas Abī `Amr menjawab : ya. Abā Ja`far berkata lagi : maka Rasulullah ṣallā Allah `alayhi wasallam itu ketua orang-orang ṣālih.

Kesimpulannya, perbuatan menyebut orang-orang *ṣalīh* akan mendatangkan rahmat kerana ketika seseorang menyebut tentang orang-orang *ṣalīh* secara tidak langsung dia akan turut mengingati Allah. Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah dan Abu Sa`īd al-Khudri bahawa Rasulullah ṣallā Allah `alayhi wasallam bersabda :

لَا يَقْعُدُ قَوْمٌ يَذْكُرُوْنَ اللهَ تَعَالى إِلَّا حَفَّتْهُمْ الملآئكَةُ وَغَشِيَّتُهُمْ الرَّحْمَةُ وَنَزِلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِيْنَةَ وَذَكَرَهُمُ اللهُ تَعَالى فِيْمَنْ عِنْدَهُ

Maksudnya : Tidak berkumpul suatu kaum yang mengingati Allah ta`āla kecuali malaikat menaungi mereka, rahmat meliputi mereka, ketenangan turun ke atas mereka serta Allah ta`āla akan menyebut mereka kepada apa yang ada disisinya.

> Riwayat Muslim dalam Sahihnya. Al-Tirmizi dan Ibn Majah dalam Sunan keduanya. Ahmad, Al-Ṭayālisi, Al-Mūṣiliy dalam Musnad ketiga-tiganya.

Para Ulama telah menjadikan Hadith ini sebagai dalil bahawa perbuatan mengingati Allah akan mendatangkan rahmat. Perbuatan mengingati Allah mempunyai bentuk yang pelbagai seperti majlis zikir, majlis pengajian ilmu dan majlis memperingati orang-orang ṣaliḥ. Ketiga-tiga bentuk mengingati Allah ini terdapat dalam majlis haul yang dilakukan oleh sebahagian umat islam.

3.5 SUMBER RUJUKAN PENULISAN

Kandungan kitab ini diambil daripada penulisan Shaykh `Abd al-Wahhāb al-Sha`rāni dan Shaykh al-Sarrāj al-Dimashqi yang merupakan pemilik kitab *Natāj al-Arwāḥ* sebagaimana telah dinyatakan di dalam kitab :

> "Telah aku pungutkan daripada perkataan ... seperti Shaykh `Abd al-Wahhāb al-Sha`rāni ... dan Shaykh al-Sarrāj al-Dimashqi, empunya kitab Natāj al-Arwāḥ..."(Shaykh al-Faṭānī, 1324h).

Shaykh `Abd al-Wahhāb al-Sha`rāni merupakan seorang tokoh yang menguasai berbagai bidang ilmu (Tawfīq, 1945). Antara karya penting beliau dalam bidang taṣawwuf yang terkenal ialah *al-Ṭabaqāt al-Kubrā* atau nama penuhnya ialah *Lawāqi` al-Anwār al-Qudsiyyah Fi Manāqib al-`Ulamā' Wa al-Ṣūfiyyah*. Dalam kitab ini dihimpunkan tabaqah wali-wali allah daripada zaman sahabat, tabiin sehingga akhir kurun ke 9 dan sebahagian kurun ke 10.

Manakala Shaykh al-Sarrāj al-Dimashqi pula ialah seorang tokoh yang dikaitkan dengan karangannya yang berjudul *Natāj al-Arwāḥ*. Namun pengkaji tidak menemui kitab yang berjudul sedemikian. Walau bagaimanapun terdapat sebuah kitab yang

berjudul *Tuffāh al-Arwāḥ Wa Miftāḥ al-Arbāḥ* yang dikarang oleh al-Sarrāj. Nama sebenar beliau ialah Shaykh `Izzu al-Dīn Muhammad bin `Ali bin `Abd al-Raḥmān al-Sarrāj al-Qurashiy al-Dimashqi al-Shāfi`iy. Beliau juga dikenali dengan nama Ibn al-Sarrāj al-Dimashqi. Antara karangannya ialah *Tashwīq al-Arwāḥ Wa al-Qulūb `Ilā Dhikri `Allām al-Ghuyūb* (Muhammad al-Qūnūwi, 2002). Nama beliau juga seringkali disebut sebagai rujukan dalam kitab *Jāmi` al-Karāmāt al-'Auliyā'*. Oleh itu, pengkaji berpendapat yang dimaksudkan ialah tokoh ini, namun berlaku kesilapan dalam percetakan kitab *Luyyān al-Dānī* pada nama dan kitab beliau.

3.6 KANDUNGAN DAN METODOLOGI

Kitab ini mengandungi bahagian pengenalan, biografi Shaykh al-Jaylānī dan sembilan kisah beliau sebelum diakhiri dengan doa penutup. Ia tidak disusun dengan pembahagian tajuk yang khusus. Namun ia diselangi dengan doa ringkas pada enam tempat berbeza. Doa tersebut ialah :

اللَّهُمَّ انْشُرْ نَفَحَاتِ الرِّضْوَانَ عَلَيْهِ * وَأَمَّدْنَا بِالأَسْرَارِ الَّتِيْ أَوْدَعْتَهَا لَدَيْهِ

*Maksudnya : Ya Allah, curahkanlah keredaan yang semerbak kepadanya * dan kurniakanlah kepada kami dengan segala rahsia yang engkau berikan kepadanya.*

Justeru itu, kitab ini boleh dibahagikan kepada enam bahagian utama. Ataupun 6 juzuk pembacaan sebagaimana kitab *Maulid al-Barzanji* dibahagikan kepada 18 juzuk yang diselangi dengan doa :

عَطِّرِ اللَّهُمَّ قَبْرَهُ الْكَرِيْمِ بِعَرْفٍ شَذِيٍّ مِنْ صَلَاةِ وَالتَّسْلِيْمِ

Maksudnya : Wangikanlah Ya Allah kubur Nabi Muhammad ṣallā Allah `alayhi wasallam dengan wangian yang semerbak daripada selawat dan salam.

Pengarang juga menyatakan jika kitab ini dibaca dalam sesebuah majlis seperti dalam majlis haul, perlu melantik seseorang daripada kalangan yang hadir untuk menjadi pembacanya. Namun apabila sampai pada doa ringkas yang disebutkan, semua yang hadir hendaklah menyebut bersama-sama dengan dinyaringkan suara. Hal ini untuk mendoakan Shaykh al-Jaylānī dan memohon pertolongannya.

Berikut merupakan pembahagian tajuk disertai dengan pembahagian asal mengikut doa di dalam kitab. Pembahagian tajuk ini untuk memudahkan pembacaan sesuai dengan kaedah moden :

Jadual 3.1 : Senarai Kandungan Kitab *Lujjayn Al-Dānī*

KANDUNGAN
Pendahuluan kitab
Sumber rujukan dan tujuan penulisan kitab
Penyusunan dan kaedah membaca kitab
Nama Kitab
Nasab keturunan Shaykh al-Jaylāni
Doa
Kelahiran dan kelebihan Shaykh al-Jaylāni sewaktu kecil
Guru Shaykh al-Jaylāni
Pengembaraan dan pakaian Shaykh al-Jaylāni
Kisah Shaykh al-Jaylāni dengan Nabi Khidir
Kisah kesungguhan Shaykh al-Jaylānī
Penguasaan ilmu oleh Shaykh al-Jaylāni
Kisah Shaykh al-Jaylāni berfatwa
Doa

Penampilan dan keperibadian Shaykh al-Jaylāni

Kisah daripada murid Shaykh al-Jaylāni

Kisah ketegasan Shaykh al-Jaylāni

Kisah Shaykh al-Jaylāni dan Shayṭān

Doa

Kisah Shaykh al-Jaylāni dan orang kenamaan

Kisah Shaykh al-Jaylāni dan orang fakir

Doa

Kisah karamah dan kelebihan Shaykh al-Jaylāni – Doa

Sifat fizikal dan sikap Shaykh al-Jaylāni

Kisah kewafatan Shaykh al-Jaylāni

Doa

Penutup dan doa

3.7 NASKAH DAN PERCETAKAN

Lujjāyn al-Dānī telah selesai ditulis pada hari ahad 15 ṣafar tahun 1298h pada bersamaan 16 januari 1881 masihi. Kitab ini hanya dicetak oleh *Matba`ah al-Miriyyah al-Kainah*, sebuah syarikat percetakan pertama yang terletak di Hijaz. Syarikat ini diasaskan oleh seorang gabenor daripada Kerajaan Turki `Uthmāniyyah, `Uthmān Nūrī Bāshā pada tahun 1300h bersamaan 1882 masihi. Ia juga dikenali dengan nama *Matba`ah al-Wilāyah* atau nama penuhnya *Matba`ah Wilāyah al-Ḥijāz al-Ḥukūmiyyah*. Selain mencetak kitab berbahasa arab, percetakan ini turut mencetak kitab-kitab dalam Bahasa Melayu seperti *Sharah Hikam* karya Tok Pulau Manis, *al-Dūr al-Thamin* karya Shaykh Daud al-Faṭānī serta *al-Dūr al-Nafīs* karangan Shaykh Muhammad Nafīs al-Banjarī (`Abbas, 1999).

Setelah 12 tahun ditulis, cetakan pertama kitab ini dilakukan pada akhir *Rabi` al-Thāni* 1311h bersamaan 1893 masihi, 5 tahun sebelum kewafatan Shaykh al-Faṭānī. Manakala cetakan kedua dilakukan pada awal *Muharram* 1324h bersamaan 1906 masihi, 8 tahun setelah kewafatan beliau. Kitab ini diklasifikasikan sebagai sebuah karya yang nadir (Wan Mohd Saghir, 2017). Naskah cetakan kedua ini telah dicetak kembali oleh Khazanah al-Fathaniyah.

3.8 GAYA BAHASA *LUJJAYN AL-DĀNĪ*

Shaykh al-Faṭānī telah menggunakan gaya bahasa yang mudah. Hal ini bersesuaian dengan kitab ini yang merupakan sebuah karya biografi ataupun sejarah. Aspek penggunaan bahasa ini kerana golongan sasar bagi kitab ini ialah segenap lapisan masyarakat. Pengkaji telah membahagikan gaya bahasa yang terdapat dalam *Lujjayn al-Dānī* kepada berberapa bahagian. Pertama, penggunaan loghat, imbuhan lama, penggunaan penanda wacana maka dan adapun, penggunaan perkataan bermula dan itu, penggunaan kata serapan dan struktur Bahasa Arab.

Shaykh al-Faṭānī telah menggunakan berberapa bahasa loghat walaupun beliau menjalankan penulisan kitab ini di Mekah. Hal ini sebagaimana kebiasaan penulis kitab jawi di Kepulauan Melayu menggunakan loghat tertentu dalam penulisan mereka. Walaupun begitu tidak dinafikan pergaulan antara pelbagai kelompok Masyarakat Melayu di Mekah dapat mengeluarkan mereka daripada persekitaran loghat tempatan kepada Bahasa Melayu Baku (Hamdan, 2018).

Bahasa loghat yang digunakan oleh Shaykh al-Faṭānī dalam *Lujjayn al-Dānī* masih lagi digunakan pada kawasan Selatan Thailand yang terdiri daripada Wilayah

Fatani, Narathiwat dan Yala dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada Negeri Kelantan dan Terengganu. Berdasarkan persamaan kesejajaran fonologi dan leksikal yang khas loghat dua kawasan utama ini boleh dikelaskan dalam satu kelompok yang sama (Ajid Che Kob, 2008). Berikut merupakan jadual perbandingan Bahasa loghat dan Kontemporari :

Jadual 3.2 : Perkataan Loghat Tempatan Dan Perbandingannya Dengan Bahasa Melayu Kontemporari

Bahasa Loghat	Bahasa Kontemporari
Dibawakkan	Dibawakan
Dibawak	Dibawa
Bawak	Bawa
Membawak	Membawa
Memintak	Meminta
Memintakkan	Meminta
Dimintak	Diminta
Mintak	Minta
Mintaklah	Mintalah
Tanggap	Hinggap
Tempit	Tempik
Bertepit	Bertempik
Hok	Hak, Milik
Japi	Jampi
Menjapikan	Menjampikan
Taruh	Letak
Jenela	Jendela, Tinggap
Menati	Menanti
Membayakkan	Membanyakkan
Mengeram	Mengerang
Di Pitu	Di Pintu
Tupahkan	Tumpahkan
Mencaritkan	Mencarikkan

Mengakatkan	Mengangkatkan
Pintakkan	Pintakan, Permintaan
Mengapuni	Mengampuni
Helakan	Tarikan
Bahūnya	Baunya
Melempaskan	Melepaskan
Mehaluankan	Menghalakan. Menujukan
Menujukkan	Menunjukkan
Penujuk	Penunjuk
Utan	Hutan
Dilotarkan	Dilontarkan
Bukus	Bungkus
Tempunnya	Tepungnya
Mensendiakan	Menyediakan
Terhampus	Terhapus
Upama	Umpama
Hingar-Bangar	Hingar-Bingar
Bersenggera	Bersegera
Utang	Hutang
Diberahi	Disukai
Duk	Duduk
Pengsang	Pengsan

Perkembangan Bahasa Melayu menyebabkan berlaku perubahan dari segi fonologi, morfofonologi dan sintaksisnya. Justeru berlaku perbezaan terhadap sistem penulisan bahasa melayu mengikut zaman (Syed Zainal dan Annapurani, 2017). Kitab *Lujjayn al-Dānī* ini turut ditulis mengikut penggunaan Bahasa Melayu pada zamannya. Terdapat berberapa penggunaan imbuhan yang berbeza dengan kaedah penggunaan imbuhan Bahasa Melayu kontemporari. Sebagai contoh, pada zaman Shaykh al-Faṭānī hanya penggunaan imbuhan - *me* – sahaja yang digunakan berbanding pada zaman kontemporari imbuhan - *me* - dibezakan kepada - *meng* - , - *mem* -,- *meng* – dan - *men*

Berikut merupakan jadual perbandingan antara kaedah penggunaan imbuhan lama dan kontemporari yang terdapat dalam *Lujjayn al-Dānī* :

Jadual 3.3 : Perbandingan Antara Kaedah Penggunaan Imbuhan Lama Dan Kontemporari

Kaedah Lama	Kaedah Kontemporari
Meelokkan	Mengelokkan
Mefatwa	Memfatwa
Megakatkan	Mengangkat
Mehabiskan	Menghabiskan
Mehaluankan	Menghaluankan
Mehamabis-Hamabiskan	Menghabis-Habiskan
Mehampirkan	Menghampirkan
Mehantar	Menghantar
Mehapuskan	Menghapuskan
Mehelākan	Menghelākan
Mehidupkan	Menghidupkan
Mehilangkan	Menghilangkan
Mejernihkan	Menjernihkan
Mekembali	Mengembalikan
Mekhabar	Mengkhabar
Mekhabarkan	Mengkhabarkan
Mekhidmatkan	Mengkhidmatkan
Mekurnia	Mengurnia
Mekurniakan	Mengurniakan
Meningkarkan	Mengingkarkan
Mesediakan	Menyediakan
Mesendiakan	Menyediakan
Mesentosakan	Mensentosakan
Mesucikan	Menyucikan
Metawassulkan	Mentawassulkan
Meyertai	Menyertai

Mezahirkan	Menzahirkan
Meziarah	Menziarah
Meziarahkan	Menziarahkan
Petolong	Pertolongan

Penanda wacana “maka” digunakan dengan berberapa tujuan. Antaranya ia digunakan untuk menunjukkan akibat ataupun hasil kepada sesuatu. Bagi tujuan ini perkataan “maka” digandingkan dengan punca ataupun sebab. Contohnya :

i. “dan dilimpahkah .... *maka* jadilah...”

ii. “Dan tatkala besarlah ia *maka* berjalan...”

iii. “...memberi kepadanya satu bukus...*Maka* mengambil...”

Selain itu perkataan “maka” juga digunakan pada permulaan ayat. Ia bertujuan sebagai menunjukkan adanya kesinambungan daripada ayat yang telah lalu. Contohnya ialah :

i. “Maka berkata shaykh baginya adakah sebenar barang yang dikata orang daripada engkau. *Maka* jawabnya bahkan. *Maka* marah...”

ii. “...berpaling oleh shaykh kepada orang yang hāḍirīn pada majlisnya *maka* berkata ia adalah...”

iii. “Dan setengah daripada karamatnya adalah ia pada satu kali duduk mengambil air sembahyang. *Maka* memberak oleh burung ciak atasnya, *maka* mengakat akan kepalanya melihat akan dia. *Maka* burung itupun gugur mati...”

Penanda wacana “adapun” pula digunakan sebagai permulaan ayat. Biasanya ia digunakan sebagai menjawab persoalan yang dianggapkan berkaitan ayat yang lepas. Contohnya :

i. “...*adapun* kemudian daripada itu...”

“adapun disini sebagai permulaan ayat yang menjawap soalan : setelah pujian dan selawat jadi?.

ii. “...*adapun* yang kuat...”

“adapun” disini sebagai permulaan ayat yang menjawab soalan : bagaimana pula dengan mereka yang kuat?.

iii. “*Adapun* negeri maka yāitu Nahāwand...”

“adapun” disini sebagai permulaan ayat yang menjawa soalan : apakah negeri yang aku lihat semalam?.

Perkataan “bermula” dan “itu” memberi isyarat kepada subjek dan prediket sesuatu ayat. Dalam Bahasa Arab keduanya dikenali sebagai Mubtada’ dan Khabar. Contohnya :

i. “*Bermula* segala kepujian *itu* bagi Allah...”

ii. “*Bermula* Quran *itu* sebesar-besar baginya dalil”

iii. “*Bermula* faqīr yang sabar *itu* terlebih afdhal daripada orang kaya yang syukur ia”

Namun kadang-kadang perkataan “bermula” tidak digandingkan dengan perkataan “itu” namun memberi tetap memberi maksud ia berfungsi sebagai subjek dalam ayat. Manakala prediket ayat tidak diisyaratkan dengan “itu”. Contohnya ialah :

i. “Dan *bermula* keramatnya terlebih daripada yang dibilangkan dan terlebih besar daripada yang dihinggakan...”

ii. “*Bermula* maqāmnya merah”

iii. “...*bermula* harap kami sekalian kepada kamu tiadalah putusnya...”

Dalam kitab ini, Shaykh al-Faṭānī banyak menggunakan kata serapan daripada Bahasa Arab yang tidak diterjemahkan kepada Bahasa Melayu. Perkataan-perkataan ini kebiasaannya terdiri daripada jenis istilah. Antara contohnya adalah seperti berikut :

Jadual 3.4 : Kata Serapan Bahasa Arab

khāliṣ al-dīni	ḥaqā’iq	laduniyyah,	āmāni	fuyūḍāt
muḥtadīn	laṭāif	taslīm.	`aliyyah	amdād
ma`ārif	Shawāriq	jannah	ḥaẓirah	wāṣil

Struktur ayat Bahasa Arab terbahagi kepada dua. Pertama *Jumlah Ismiyyah* dan kedua *Jumlah Fi`liyyah*. Bagi *Jumlah Ismiyyah*, strukturnya sama dengan Bahasa Melayu iaitu Subjek + Prediket. Namun berbeza bagi *Jumlah Fi`liyyah* yang menggunakan struktur Kata Tugas + Pelaku + Perkara sedangkan Bahasa Melayu pula menggunakan struktur Pelaku + Kata Tugas + Perkata.

Shaykh al-Faṭānī seperti kebiasaannya penulis pada zamannya turut menggunakan kaedah penterjemahan harfiah yang mengekalkan struktur asal ayat. Namun beliau juga sebenarnya tidak terlalu terikat dengan struktur Bahasa Arab. Hal ini kerana kitab ini diterjemahkan untuk bacaan Masyarakat umum. Antara contoh struktur Bahasa Arab ialah :

i. “...ditolak oleh shaykh akan dia...”

Dalam struktur Bahasa Melayu : ...Shaykh menolak dia...

ii. “...diambil oleh shaykh dua kays...”

Dalam struktur Bahasa Melayu : ...Shaykh mengambil dua kays...

iii. “...tiada reda oleh nafsu kami yang jahat mejernihkan...”

Dalam struktur Bahasa Melayu : ...Nafsu kami yang jahat tiada reda menjernihkan...

3.9 KESIMPULAN

Kitab *Lujjayn al-Dānī* ini sesuai untuk dijadikan bahan bacaan permulaan sebagai pengenalan untuk mengenali Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylānī sebelum merujuk kepada karangan-karangan yang lain dalam Bahasa Arab yang lebih terperinci. Kitab ini telah menyebut berberapa aspek penting seperti kelahiran, kehidupan awal, perjalanan hidup serta kewafatan Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylānī daripada rujukan-rujukan yang muktabar. Kaedah penyusunannya yang padat serta ringkas mampu menarik minat segenap lapisan masyarakat untuk membaca kitab ini sama ada dalam sesebuah majlis seperti majlis haul ataupun secara perseorangan.

Selain itu, penggunaan bahasa serta struktur ayat yang tidak terlalu terikat dengan struktur Bahasa Arab menjadikan kitab ini mudah untuk difahami. Kebanyakkan perkataan yang digunakan juga tidak terlalu klasik. Hal ini kerana sela masa kitab ini dan zaman sekarang hanyalah 138 tahun sejak ia ditulis. Justeru itu, kitab ini sepatutnya diketengahkan kembali ke dalam masyarakat agar dapat dimanfaatkan. Tambahan pula, perbuatan menyebut dan memperingati orang-orang salih mempunyai banyak kelebihan daripada Allah berdasarkan dalil-dalil yang sahih. Oleh itu majlis-majlis haul untuk memperingati tokoh ulama contohnya Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylānī perlu dijadikan budaya dalam masyarakat.

BAB IV

TRANSLITERASI DAN ANOTASI KITAB LUJJAYN AL-DĀNĪ

4.1 PENGENALAN

Kitab jawi ataupun kitab kuning tidak lagi menjadi asing dalam masyarakat Kepulauan Melayu. Peranannya dalam penyebaran agama islam di rantau ini tidak dapat disangkal lagi. Selain mengandungi ilmu serta pengajaran tentang agama islam, sains, matematik dan sejarah, kitab jawi juga secara tidak langsung berfungsi sebagai tempat pendokumentasian perkembangan bahasa dari zaman ke zaman. Namun begitu, faktor penguasaan jawi yang semakin lemah ditambah dengan gaya bahasa serta kaedah penulisan yang klasik membuatkan kitab jawi sukar difahami oleh generasi baharu (Latifah, 2018). Oleh itu usaha-usaha untuk memodenkan kitab jawi sesuai dengan perkembangan zaman agar ia kekal releven perlu dilakukan. Antara usaha yang boleh dilakukan ialah melalui proses pentrasliterasian dan penganotasian kitab jawi.

Dalam bab ini pengkaji akan menfokuskan kepada pentransliterasian dan penganotasian teks Lujjayn al-Dānī tanpa memasukkan catatan pinggir yang dilakukan oleh Shaykh al-Faṭānī. Proses ini dilakukan dengan berpandukan naskhah Lujjayn al-Dānī cetakan kedua tahun 1903 masihi yang telah dicetak kembali oleh Khazanah Fathaniyyah. Pengkaji melakukan transliterasi daripada Tulisan Jawi kepada Tulisan Rumi dan daripada Tulisan Bahasa Arab ke Tulisan Bahasa Melayu. Selain itu pengkaji melakukan anotasi terhadap berberapa perkataan serta loghat dan

Imbuhan lama. Penganotasian juga tertumpu kepada nama-nama tokoh dan nama tempat. Pengkaji akan membahagikan kitab *Lujjāyn al-Dānī* kepada berberapa tajuk, memasukkan tanda bacaan, dan menyusun kitab ini dalam bentuk berperenggan untuk memudahkan pembacaan.

4.2 TRANSLITERASI DAN ANOTASI

Transliterasi bermaksud satu cara atau proses menukar perkataan daripada satu bahasa kepada aksara atau simbol yang bersesuaian dalam bahasa yang lain (Che Wan Shamsul, 2012). Proses penukaran ini berlaku sama ada diantara dua bahasa berlainan seperti Bahasa Arab ke Bahasa Melayu atau diantara satu bahasa yang berbeza sistem ejaan seperti Tulisan Jawi ke Tulisan Rumi dalam Bahasa Melayu.

Manakala anotasi pula bermaksud nota tambahan pada sesuatu teks dengan tujuan untuk memberi penerangan atau catatan tambahan (Kamus Dewan, 2010). Nota tambahan ini dilakukan pada perkataan tertentu atau ayat tertentu dalam teks yang terlibat dalam proses anotasi. Proses ini boleh berlaku sama ada pada penulisan moden ataupun klasik. Kebiasaanya perkataan yang sukar, klasik, nama tokoh dan tempat dilakukan anotasi untuk memberi keterangan lanjut.

Berikut adalah aspek pembaharuan yang pengkaji lakukan terhadap teks Kitab *Lujjayn al-Dānī* karangan Shaykh al-Faṭānī :

a. Mentransliterasi.

Pengkaji membuat transliterasi menggunakan panduan transliterasi UniSZA daripada Tulisan Jawi dan Arab kepada Tulisan Rumi. Selain itu, pengkaji juga

menggunakan tulisan condong bagi perkataan ataupun ayat yang berbahasa arab seperti nama tempat dan tokoh.

b. Menganotasi.

Pengkaji memberi fokus terhadap lima aspek utama semasa melalukan proses penganotasian :

i. Bahasa loghat dan tempatan

Pengkaji menggunakan kamus al-Marbawi sebagai rujukan utama selain menggunakan Kamus Dewan dan Kamus Inggeris-Melayu Wilkinson.

ii. Ejaan imbuhan klasik.

Pengkaji menjelaskan penggunaan imbuhan kontemporari terhadap istilah yang terlibat.

iii. Nama tokoh dan tempat.

Pengkaji merujuk kepada kitab biografi seperti *Siyār ‘A`lām al-Nubalā’* bagi nama tokoh manakala bagi nama tempat pengkaji merujuk kepada *Mu`jam al-Buldān*.

iv. Tanda bacaan, perenggan dan tajuk.

Pengkaji akan memasukkan tanda bacaan seperti titik dan koma. Kemudian teks akan dibahagikan secara berperenggan dan tajuk yang sesuai.

v. Penggunaan simbol.

Pengkaji akan menggunakan simbol kurungan [...] bagi perkataan yang tersilap ataupun gugur dalam cetakan.

4.3 TRANSLITERASI DAN ANOTASI *LUJJAYN AL-DĀNĪ*

[Pendahuluan kitab]

Bismillahi al-Raḥman al-Raḥīm.

Alḥamdulillahi alladhi ‘arsala sayyidanā muḥammādan ṣallallahu `alayhi wa sallam bi kāmili al-sharī`ati wa khaliṣi al-dīnī. Wa ḥalla jaiyyida risālatihi bibāhiri al-khawāriqi wa ayyadahu bi kumāti al-aṣhābi al-muhtadīn.

Ku mulai risālah ini dengan nama Allah, Tuhan yang mekurniakan[1] sebesar-besar nikmat, lagi mekurniakan kasih sayang atas segala hamba yang mu`min, dunia dan akhirat. Bermula segala kepujian itu bagi Allah *subḥānahu wa ta`āla*, Tuhan yang menyuruh akan penghulu kami, Nabi Muḥammād *ṣallā Allah `alayhi wa sallam* dengan kesempurnaan *ṣharī`at* dan *khāliṣ al-dīni*. Dan dihiaskan akan keelokan pesuruhnya dengan berberapa *mu`jizat* yang mencarikkan bagi *`ādat*. Dan dikuatkan dia dengan yang megah-megah daripada sahabatnya yang *muḥtadīn*.

Dan ditentukan akan mereka yang dikehendakinya daripada yang mengikut akan agamanya, dengan disampaikan kepada sehingga-hingga *ma`ārif* dan *ḥaqā’iq*. Dan dilimpahkan atas mereka itu daripada laut anugerahānya[2] yang *laduniyyah*, keelokan *laṭāif* dan *shawāriq al-raqā’iq*. Maka jadilah mereka itu pendeta umat nabi dan yang mehelākan[3] akan mereka itu kepada Tuhan yang *`aziz al-`alīm*. Dan menjalani oleh mereka itu akan segala hamba Allah dengan jalan penujuk[4] atas *ṣirāṭ al-mustaqīm*.

---

[1] Mengkurniakan

[2] Anugerahnya. Berasal daripada perkataan sanskrit, anugraha. Terdapat juga ejaan dengan nugeraha (Wilkinson, 1901).

[3] Menghalakan, menarik (Wilkinson, 1901). Kedua-dua makna ini sesuai untuk digunakan dalam teks

[4] Penunjuk

Dan daripada Allah atasnya dan atas mereka itu sebaik *raḥmat* dan *taslīm*. Barang dikurniakan Allah akan kita sekalian penujuk dengan penujuk mereka itu. dan dengan kelebihan jalan yang dilaluinya dengan mengambil daripada cahaya ilmu mereka itu, barang yang mehilangkan[5] bagi kelam jahil. Sentiasalah harum sebutan mereka itu membukakan dan melazatkan bagi segala telinga mendengarnya. Dan dibacakan segala kitab yang menujukkan[6] akan mereka itu kelebihannya. Maka jadilah berhadap kepada Allah *subḥānahu wa ta`āla* dengan meminta tolong atas mengerjakan ini pekerjaan, amat menyeru kepadanya.

Wa ba`du,* adapun kemudian daripada itu, maka berkata olehmu yang berhajat kepada limpah anugeraha Tuhan *al-karīm al-munjī* yāitu[7] *Ja`far anak *Ḥussayn*[8] anak *`Abd al-Karīm al-Barzanji*. Inilah sedikit perkataan yang bergantung dengan setengah daripada hal *al-Qutb al-Rabbāni* dan *Ghauth al-Ṣamdāni*, *Sulṭan al-Auliya' al-`Ārifīn* dan kepala segala ulama yang *sālikīn* yang meminum mereka itu [d]aripada[9] laut *ḥaqīqat* dan yang *Ārifīn al-Sayyid al-Sharīf Wa al-Sanad al-Fitrīf al-Ḥasīb al-Nasīb* yang mempunyai maqam yang tinggi dan halāman yang *raḥīb, Sayyid al-Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylāni*, telah dikurnia Allah dengan *himmahnya* yang mulia lagi kuat akan *jannah al-qurb* dan *āmāni*.

[Sumber rujukan dan tujuan penulisan kitab]

Dan inilah dokoh[10] yang aku karangkan dia daripada muntiara[11], indah perkataannya dan amalnya supaya terbukalah dengan sebab keelokannya akan segala

---

[5] Menghilangkan
[6] Menunjukkan
[7] Iaitu
[8] Tokoh ini juga dikenali sebagaI Hassan (Muhammad Khalil, t.t).
[9] Huruf dalam kurungan [ ] merupakan huruf yang gugur dalam cetakan
[10] Sejenis loket yg berupa kepingan yg lebar drpd emas dan berhias dgn batu permata di tengahnya. (Kamus Dewan Edisi ke-4)

telinga orang yang mendengarnya pada ketika diperbuatkan yang dicita-cita; daripada jamuan dan haul baginya. Telah aku pungutkan daripada perkataan setengah empunya *ṭarīqah* dan daripada mereka yang adalah baginya pada *ḥaḍrat al-shaykh* itu *i`tiqād* yang teguh dan mahabbah yang *wathīqah* seperti *Shaykh `Abd al-Wahhāb al-Sha`rāni*[12] yang telah nyata baginya *al-falāḥ* dan *Shaykh al-Sarrāj al-Dimashqi* empunya kitab *Natāj al-Arwāḥ*[13]. kerana gemar aku pada menaburkan bunga *aḥwāl* orang yang sempurna dan membukakan sebutan orang yang *akhyār*. dan kerana menurunkan bagi hujan rahmat dan berkat *ghazār*, dengan kerana bahawasanya adalah dengan menyebut akan mereka itu dibukakan pintu segala langit yang *`aliyyah* dan dituangkan daripada syurga *ḥaẓirah al-quds* dengan hujan *fuyūḍāt* yang *ilahiyyah*.

[Penyusunan dan kaedah membaca]

Dan aku selang-selangkan dia pada pertengah-tengahannya dengan *laāli al-taraḍḍi* daripadanya. Dan kerana menuntut akan *amdād* dengan *asrār*nya, maka hendaklah dinyaringkan oleh segala orang yang hadirin dengan menyebut akan *taraḍḍi* dan *amdād* itu pada ketika sampailah orang yang membacanya akan segala *akhbār*nya kepadanya ya`ni kepada tempat menuntut *taraḍḍi* baginya dan *amdād* daripadanya.

[Nama Kitab]

Dan aku namakan dia dengan *Lujjayn al-Dāni Fi Nubdhah Min Manāqib al-Rabbāni Sayyid al-Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylāni*.

---

[11] Mutiara

[12] Abu al-Mawāhib `Abd al-Wahhāb al-Sha`rāni (898-973h). Seorang ulama terkenal yang menguasai pelbagai bidang ilmu pada zamannya seperti ilmu taṣawwuf, feqah, tafsir dan hadiṭḥ. Nasabnya bersambung dengan Ali bin Abi Ṭālib (Tawfīq , 1945).

[13] Pengkaji berpendapat bahawa kitab yang dimaksudkan ialah kitab *Tuffāh al-Arwāḥ Wa Miftāḥ al-Arbāḥ* yang dikarang oleh Shaykh `Izzu al-Dīn Muhammad bin `Ali bin `Abd al-Raḥmān al-Sarrāj al-Qurashiy al-Dimashqi al-Shāfi`iy. Beliau juga dikenali dengan nama Ibn al-Sarrāj al-Dimashqi. (Muhammad al-Qūnūwi, 2002).

[Nasab keturunan Shaykh al-Jaylāni]

Maka aku berkata, ia shaykh yang *kāmil* dan yang bijaksana lagi *wāṣil* yang mempunyai maqam yang *`aliyyah al-sharīfah* dan *aqdām* yang *rāshikhah* dan *aḥwāl* yang *munīfah* dan *kamālāt* yang *shāmikhah*; *al-Qutb al-Rabbāni wa al-Nūr al-Sāṭi` al-Burhāni* dan *al-Haykal al-Ṣamdāni* dan *Ghauth al-Nūrāni Abu Ṣālih `Abd al-Qādir al-Jaylāni ibn Mūsā bin `Abdullah bin Yaḥyā al-Zāhid bin Muhammad bin Daud bin Mūsā ibn `Abd Allah bin Mūsā bin al-Jūn bin `Abd Allah al-Maḥdi bin al-Hasan al-Muthanna bin al-Hasan al-Sibṭi ibn `Ali bin Abi Ṭālib Wa ibn Fāṭimah al-Zahra' al-Baṭūl binti Sayyidina Muhammad ṣallā Allah`alayhi wasallam.*

> Inilah nasab yang terlebih nyata daripada cahaya matahari pada ketika dhuha * Dan terlebih nyata hendak keluar hari pada ketika naik fajarnya,
>
> Inilah nasab yang adalah baginya pada muka Nabi Adam itu cahaya * Yang tunduk oleh segala malaikat dilangit sujud kepadanya,
>
> Inilah nasab yang mulia bermula Quran itu sebesar-besar baginya dalil * Pada memujikan siapalah yang berani meinkarkan[14] baginya,

Allahumma unshur nafaḥāt al-riḍwān `alayhi, wa ammadanā bi al-asrāri allati auda`ataḥā ladayhi

[Kelahiran dan kelebihan Shaykh al-Jaylāni sewaktu kecil]

Diperanakkan dia *raḍiyā Allahu `anhu* di negeri *Jaylāni*[15] yāitu nama bagi berberapa tempat yang bercerai-cerai dibelakang *Ṭabaristān*[16] pada tahun empat ratus tujuh puluh daripada hijrah. Dan adalah pada masa kanak-kanaknya enggan daripada

---

[14] Mengingkarkan

[15] Nama bagi satu kaum berketurunan anak-anak fāris yang berhijrah daripada pinggir kawasan iṣṭikhar. mereka menetap di kawasan al-baḥrayn. (*Mu`jām al-Buldān*, 1993).

[16] Kawasan yang berada di Negara Māẓandarān bersama Jaylān dan Daylamān. banyak melahirkan ahli ilmu, ahli fekah dan sasterawan (*Mu`jam al-Buldān*, 1993).

air susu pada siang hari bulan *Ramaḍan*. Ialah tanda bagi dapat petolong[17] ia daripada Tuhannya.

[Guru Shaykh al-Jaylāni]

Dan tatkala besarlah ia maka berjalan kepada menuntut ilmu dan menyehaja[18] ia akan tiap-tiap orang yang mempunyai kelebihan dan ilmu. Maka masuklah ia pada menerimai akan segala kelebihan. Maka adalah pantasnya lebih daripada langkah perlarian orang yang kena anyanyai[19].

Dan mengambil ia akan ilmu fiqh daripada *Abi al-Wafā `Ali ibn `Aqīl*[20] dan daripada *Ibn al-Khaṭṭāb al-Kalwadhātī Maḥfuz ibn Aḥmad al-Jalīli*[21] dan daripada *Abi al-Ḥasan Muhammad ibn al-Qāḍi Abi Ya`la*[22] dan lain [d]aripada mereka itu daripada segala ulama yang adalah perkataannya dibuatkan dengan dia nas dan kenyataan. Dan mengambil ia akan ilmu adab[23] daripada *Abi Zakariyā Yaḥya bin `Ali al-Tibrīzī*[24] dan menghabis-habisilah ia mengambil barang yang padanya. Dan mengambil ia akan ilmu *ṭarīqah* daripada *al-`Ārif Billah al-Shaykh Abi al-Khayr Ḥammād bin Muslim al-Dubbāsi*[25].

---

[17] Pertolongan.
[18] Menyengajakan.
[19] Aniaya.
[20] Abu al-Wafā' `Ali ibn `Aqīl bin Muhammad bin `Aqīl bin `Abd Allah al-Baghdādī al-Ẓafariyy al-Ḥanbaliyy al-Mutakallim. Seorang Shaykh al-Ḥānābilah yang memiliki banyak karangan. (*Siyār 'A`lām al-Nubalā'*, 1996).
[21] Abu al-Khaṭṭāb Maḥfūz ibn Aḥmad bin Ḥassan bin Ḥassan al-`Irāqi al-Kalwādhāni al-Baghdādī al-'Azajī. Seorang Shaykh al-Ḥanābilah. (*Siyār 'A`lām al-Nubalā'*, 1996).
[22] Abu al-Ḥussayn Muhammad ibn al-Qāḍi al-Kabīr Abi Ya`lā al-Ḥānbali al-Baghdādi. Seorang Faqīh lagi Qāḍi. (*Siyār 'A`lām al-Nubalā'*, 1996).
[23] Ilmu sastera, ilmu berkaitan bahasa.
[24] Abu Zakariyā Yaḥya bin `Ali bin Muhammad bin ḥassan bin Bisṭām al-Shaybānī al-Khaṭīb al-Tabrīziy. Seorang Imam bahasa. (*Siyār 'A`lām al-Nubalā'*, 1996).
[25] Seorang wali Allah yang mempunyai karamah, ramai orang bersuhbah dan mengambil manfaat dengannya. (*Siyār 'A`lām al-Nubalā'*, 1996)

Dan memakai ia [a]kan *khirqah al-ṣūfiyyah* daripada *Qāḍi ibn Sa`īd al-Mubārak*[26]. Dan beradab ia dengan adabnya yang sempurna. Dan sentiasalah bertambah kelebihan dengan penolong[27] Tuhan yang *rabbāniyyah*. Dan bertambah-tambah naiknya daripada darjat kesempurnaan dengan kuat himmahnya yang lebih, hal keadaannya ia meha[ma]bis-ha[ma]biskan[28] kuasa dirinya dengan bersungguh-sungguh pada mendapatkan.

[Pengembaraan dan pakaian Shaykh al-Jaylāni]

Dan meninggal ia akan segala yang diberahi[29] oleh tabiatnya dengan yang dijinaknya hingga adalah masa dua puluh lima tahun sentiasalah ia berjalan dipadang negeri *`Irāq*[30] dan pada rumah yang buruk-buruk padanya tiada ia berkenal-kenal dengan orang dan tiada orang pula berkenal-kenal dengan dia. Dan merasailah ia pada permulaan pekerjaannya segala kepayahan hingga tiada ditinggal akan suatu haru-hara[31] melainkan dikerjakannya akan dia. Meratalah ia pada segala utan[32] padang.

Dan adalah pakaiannya baju jubah bulu dan atas kepalanya perca buruk. Berjalan ia dengan tiada berkaus[33] pada segala tempat duri-duri dan tempat batu-batu yang tajam dengan sebab tiada ada baginya kaus. Dan memakan ia daripada buah-buah

---

[26] Al-Qāḍi Abu Sa`īd al-Mubārak bin `Ali al-Mukharrimi (*Tāj al-`Arūs*, 2000)
[27] Pertolongan , penolong yakni Tuhan ...
[28] Menghabis-habiskan. Pengkaji berpendapat huruf yang berada di dalam kurungan [...] sebagai kesilapan percetakan.
[29] Disukai, digemari. Merupakan bahasa loghat yang masih digunakan sehingga sekarang berlainan dengan maksud dalam Bahasa Melayu Baku iaitu rasa gemar yang disertai keghairahan nafsu syahwat (Kamus Dewan Edisi Ke-Empat)
[30] Nama yang merujuk kepada dua tempat. Pertama bagi satu kawasan yang luas di bandar Ikhmīm di Mesir. Kedua `Irāq yang terkenal ialah nama sebuah negera. (*Mu`jām al-Buldān*, 1993).
[31] Huru-hara.
[32] Hutan.
[33] Berkasut. Mempunyai berberapa makna antaranya kasut dan stokin. Pengkaji berpendapat penggunaan yang tepat pada ayat ini ialah kasut. (Kamus Dewan Edisi Ke – 4).

kayu wātan[34] dan yang pecah-pecah daripada daun kayu yang dilotarkan[35] orang pada tepi parit dan sungai. Dan tiada ia tidur pada kebanyakan malamnya dan tiada ia minum akan air.

Dan segala sepertua adalah ia berberapa hari tiada ada dapat memakan akan makanan. Maka berjumpa dengan dia seorang manusia maka memberi kepadanya satu bukus[36] di dalamnya berberapa dirham kerana memuliakan bagi shaykh. Maka mengambil ia akan dia dan dibelikan dengan setengah daripadanya roti yang kasar tempunnya[37] dan dibelikan pula tamar yang diulikan dia dengan minyak. Dan duduk ia supaya memakan akan dia. Maka tiba-tiba jatuh atasnya sekemping[38] suratan yang tersurat padanya demikian bunyinya:

> "Bahawasanya aku jadikan shahwāt itu bagi yang daif daripada hambaku supaya mengambil mereka itu penolong dengan dia atas mengerjakan taat. Dan adapun yang kuat daripada mereka itu maka apakah bagi mereka itu dan bagi shahwāt."

Maka ditinggal akan makanannya dan berpaling ia daripada makanan itu. Dan mengerti ia bahawasanya Allah *subḥānahu wa ta`āla* memeliharakan dan membaikkan dia.

[Kisah Shaykh al-Jaylāni dengan Nabi Khidir]

Dan segala sepertua ia dengan *Sayyidinā al-Khidir*[39] *`ala nabiyyinā wa `alayhi al-ṣalāti wa al-salāmi* pada permulaan masuknya ke negeri *`Irāq* pada halnya shaykh

---

[34] Hutan.
[35] Dilontarkan.
[36] Bungkus.
[37] Tepungnya.
[38] Sekeping.
[39] Dikatakan beliau hidup pada zaman 'Afrīdūn al-Malik bin 'Athfiyān sebelum zaman Nabi Mūsa. Ada pendapat mengatakan beliau hidup pada awal zaman Dhu al-Qarnayn al-Akbar sezaman dengan Nabi Ibrāhim. Beliau telah meminum air daripada sungai

tiada ia kenal akan *Sayyidinā Khidir*. Maka disyarat oleh *Sayyidinā Khidir* akan bahawa:

> "Jangan engkau menyalahi akan daku[40] kerana menyalahi itu sebab bagi bercerai".

Dan ia pun terimalah perjanjiannya. Maka berkata Nabi Khidir baginya:

> "Duduklah berhenti kamu disini"

Maka duduk ia pada tempat yang diisyaratkan kepadanya hingga masa tiga tahun. Adalah Nabi *Khidir* datang kepadanya pada tiap-tiap tahun sekali. Dan berkata ia baginya:

> "Jangan engkau berpindah daripada tempat engkau hingga aku datang kepada engkau".

[Kisah kesungguhan Shaykh al-Jaylānī]

Dan ada sekali pula ia tidur pada maligai[41] Raja *Kisrā*[42] daripada *Madā'in*[43] pada malam yang sangat sejuk. Maka mimpi ia serta keluar air maninya. Maka pergi mandi kepada tepi sungai kemudian kembali tidur. Maka mimpi pula dan pergi pula mandi. Maka jatuhlah atas yang demikian pada demikian malam itu empat puluh kali. Kemudian maka naik ia ke atas jidār[44] maligai supaya tiada ia tidur lagi dan supaya terpelihara air sembahyangnya. Dan adalah adatnya tiap-tiap yang kedatangan *hadath*, mengambil ia akan air sembahyang dan sembahyang dua *raka`at* dan tiada ia duduk di dalam *hadath* sekali-kali.

---

kehidupan dan menjadi abadi. Oleh itu beliau masih hidup sehingga hari ini (*Tārikh al-Ṭabari*, 1967).

[40] Aku

[41] Mahligai

[42] Gelaran bagi Raja Parsi

[43] Berasal daripada Bahasa Parsi. Orang Arab menamakan *Madā'in* kerana ia merupakan gabungan antara tujuh madīnah (Bandar). Ia juga merujuk kepada dua buah kampung yang berada berdekatan *Ḥalab* (*Mu`jām al-Buldān*, 1993).

[44] Dinding (al-Marbawi, 1354h).

[Penguasaan ilmu oleh Shaykh al-Jaylāni]

Dan sentiasalah bersungguh-sungguh ia kepada taat hingga kedatangan baginya daripada Allah *subḥānahu wa ta`alā* hal dan hampirlah masa *waṣāl*. Dan nyata baginya *anwār al-jamāl*. Maka keluar ia lari berhadap ikut jatuh kakinya dan tiada ia hiraukan bagi yang lain daripada barang yang ada ia padanya.

Maka mashhurkan atasnya dengan sesaran dan gila, hingga dibawakkan[45] dia berberapa kali kepada *Māristān*[46], tempat perhimpunan segala orang gila. Kemudian maka *mashhur*lah pula kemuliaannya dan kelebihannya hingga lebihlah ia daripada segala manusia pada masanya, lebih ilmunya dan amalnya dan *zuhud*nya dan *ma`rifah*nya dan ketinggiannya dan kemuliaannya. Dan bertaburlah sebutannya pada segala pihak.

Dan hikayat orang, bahawasanya telah berhimpun ada seratus daripada *fuqahā'* dan ulama Negeri *Baghdād*[47]. Dan tiap-tiap seorang daripadanya mesendiakan[48] berberapa masalah. Dan di[d]atang sekalian mereka itu kepadanya kerana hendak dicubakan akan dia. Maka tatkala masuklah sekalian mereka itu duduk pada rumahnya maka menutup oleh shaykh akan kepalanya. Maka tiba-tiba nyatalah keluar daripada dada shaykh itu kilat yang menyambar. Maka lalu atas dada segala orang yang seratus itu, tiba-tiba terhampus[49] barang yang pada dada mereka itu daripada ilmu dan segala masalah yang disediakan.

---

[45] Dibawakan.
[46] Hospital sakit jiwa (al-Marbawi, 1354h).
[47] Ibu kepada dunia dan ketua segala negara. al-Anbāri mengatakan ia berasal daripada perkataan `ajam; selain arab (*Mu`jām al-Buldān*, 1993).
[48] Menyediakan
[49] Terhapus.

Maka tercengang-cengang mereka itu dan keluh-kesah dan menjerit oleh sekalian mereka itu akan jerit yang satu dan mencarik mereka itu akan segala kain bajunya dan membukakan kepala mereka itu. Kemudian, maka naik oleh shaykh atas kerusi tempat mengajar dan ia jawabkan akan sekalian masalah yang hendak ditanyakan oleh sekalian mereka itu.

Maka tatkala itu mengakulah oleh sekalian dan yakin mereka itu akan kelebihan shaykh dan merendahlah oleh sekaliannya kepada shaykh pada waktu itulah. Dan adalah ia *raḍiyā Allah `anhu* mengajar akan ilmu *tafsīr* dan ilmu *ḥādith* dan ilmu *uṣūl* dan ilmu *khilāf* dan ilmu *tauḥīd* dan ilmu *naḥū* dan ilmu *qurān* hingga tiga belas ilmu.

[Kisah Shaykh al-Jaylāni berfatwa]

Dan adalah ia mefatwa[50] atas madhhab Imam Shāfi`i[51] dan Imam Aḥmad Ibn Hanbal[52] *radiyā Allah `anhuma*. Dan adalah ulama *al-Iraq* sekaliannya hairan mereka itu daripada fatwanya. Dan berkata mereka itu:

> "Maha Suci Tuhan yang mengkurniakan dia".

Dan diangkatkan kepadanya suatu soal[53] yang telah lemah segala ulama daripada jawabnya[54]. Rupa soal itu bunyinya, seorang laki-laki bersumpah ia dengan talak tiga bahawasanya ia hendak mengerjakan ibadat bagi Allah akan ibadat yang tinggal ia seorang dirinya, tiada bersekutu dengan makhluk sekaliannya pada demikian waktu itu,

---

[50] Memfatwa.

[51] Abu `Abd Allah Muhammad bin Idrīs bin al-`Abbas bin `Uthmān bin Shāfi` bin al-Sā'ib bin `Ubayd bin `Abd Yazīd bin Hāshim bin `Abd al-Muṭṭalib bin `Abd Manāf. Dilahirkan pada tahun 150h (Majdi, 1995). Beliau merupakan pengasas Mazhab Shafi`i.

[52] Abu `Abd Allah Ahmad bin Muhammad bin Ḥanbal bin Hilāl bin 'Asad bin Idrīs. Dilahirkan pada tahun 163h (`Imād, 2008). Beliau merupakan pengasas Mazhab Hanbali.

[53] Soalan.

[54] Menjawabnya.

maka apalah jalan yang dapat kelepasan ia daripada sumpahnya. Maka menjawab oleh shaykh *raḍiyā Allah `anhu* dengan bersegera:

> "Bermula kelepasannya ia pergi ke Mekah[55] *Mukarramah* dengan disunyikan tempat tawaf baginya jua dan tawaflah ia tujuh keliling nescaya lepas sumpahnya".

Maka sehabis-habis keelokkan amalannya *raḍiyā Allah `anhu.*

Allahumma unshur nafaḥāt al-riḍwān `alayhi, wa ammadanā bi al-asrari allati auda`ataḥā ladayhi

[Penampilan dan keperibadian Shaykh al-Jaylāni]

Dan adalah ia memakai akan pakaian ulama dan berkelubung dengan kain *ṭaylasān*[56] dan berkendera[57] di atas *baghlah*[58] dan dipegangkan baginya payung. Dan apabila hendak mengajar, duduk ia atas kerusi yang tinggi. Dan terkadang berlangkah ia dan berjalan di atas hawa di hadapan perhimpunan manusia kemudian kembali pula kepada kerusinya. Dan adalah ia mehabiskan segala masanya di dalam *tā`āt*.

[Kisah daripada murid Shaykh al-Jaylāni]

Kata khadamnya, *Shaykh Abu `Abd Allah Muhammad bin `Abd Allah al-Fathi al-Harawi*[59]:

> "Telah aku mekhidmatkan[60] *Shaykh `Abd al-Qādir* masa empat puluh tahun, adalah ia sembahyang subuh dengan air sembahyang yang dibuatkan sembahyang `isyāk di dalam segala masa yang tersebut itu. Dan adalah apabila selesai ia sembahyang `isyāk masuk ia di dalam khalwatnya maka tiada dapatlah seorang masuk sertanya dan tiada dibukakan dia melainkan ketika naik fajar".

---

[55] Kota suci umat islam. Di dalamnya terletak Ka`bah, kiblat orang islam.
[56] Baju kubung, pakaian ulama besar; selendang (al-Marbawi, 1354h)
[57] Menunggang, berkenderaan.
[58] Baghal betina. Baghal ialah sejenis binatang kacukan ḥimār jantan dan kuda betina. (al-Marbawi, 1354h)
[59] Pengkaji tidak menemui maklumat tentang tokoh ini.
[60] Mengkhidmatkan

Dan kata *Ibn Abi al-Fathi:*

> "Aku tidur pada satu malam dirumah shaykh maka aku lihatkan dia sembahyang pada permulaan malamnya sedikit jua kemudian duk[61] berzikir ia akan Allah subḥānahuwata`āla hingga satu thuluth malam yang pertama kemudian membaca ia : *al-Muḥīṭ al-Rabb al-Ṣahīd al-Habīb al-Fa`āl al-Khallaq al-Khāliq al-Bāri' al-Muṣawwar* sembilan lafaznya. Kemudian terangkat ia ke atas hawa hingga lenyap ia daripada mataku. Kemudian kembali ia, maka berdiri sembahyang dengan membaca akan Quran hingga sampai kepada thuluth yang kedua dan dipanjangkan sujudnya yang amat sangat. Kemudian duduk ia berhadap ke kiblat dengan murāqabah hingga naik fajar. Kemudian mengambil ia pada bersungguh-sungguh memintakkan[62] doa dan menghinakan diri. Dan diliputi akan dia cahaya yang hampir mencerahkan cahaya mata hingga ghaib ia di dalam cahaya itu. Dan aku dengar akan suara yang berkata *salām `alaykum, salām `alaykum* dan shaykh menjawab akan salamnya hingga keluar ia bagi sembahyang subuh".

[Kisah ketegasan Shaykh al-Jaylāni]

Dan adalah *raḍiyaallahu `anhu* berkata ia:

> "tiada sayugianya bagi faqīr itu akan bahawa ia melintangi dan mendahului akan dirinya pada mengirsyādkan manusia melainkan jika diberi oleh Allah subḥanahuwata`āla akan dia ilmu segala ulama dan siyāsah segala raja-raja dan hikmah segala ḥukama'".

Dan di datangkan kepadanya seorang laki-laki yang mendakwa ia bahawasanya ia melihat akan Tuhan *jalla wa`azza* dengan dua mata kepalanya. Maka berkata shaykh baginya:

> "Adakah sebenar barang yang dikata orang daripada engkau?"

Maka jawabnya:

> "Bahkan".

---

[61] Duduk
[62] Memintakan

Maka marah oleh shaykh akan dia dan dijerkah akan dia. Dan di ambil daripadanya perjanjian akan bahawa tiada ia kembali berkata lagi seperti yang demikian itu. Kemudian maka berpaling oleh shaykh kepada orang yang *hāḍirīn* pada majlisnya maka berkata ia:

> "Adalah orang ini benar pada perkataannya akan tetapinya kesamaran atasnya. Dan bahawasanya adalah ia melihat dengan mata hatinya akan keelokkan Tuhan, kemudian terbukalah daripada mata hatinya terus. Maka melihat oleh mata kepalanya akan mata hatinya dan cahayanya melihat akan yang dimushāhadahnya. Maka sangka ia bahawa mata kepalanya melihat akan barang yang dilihatkan oleh mata hatinya pada halnya melihat ia akan cahaya mata hatinya jua".

Maka hasillah keluh kesah bagi sekalian ulama dan *ṣūfiyyah* yang *hāḍirīn* dengan sebab mendengar ini perkataan dan dahsyat sekaliannya.

[Kisah Shaykh al-Jaylāni dan Shayṭān]

Dan dihikayatkan bahawasanya kenyataan bagi shaykh itu berberapa kali cahaya yang amat besar dan nyata baginya di dalam cahaya itu rupa menyeru ia dengan katanya:

> " Hai *`Abd al-Qādir*, aku Tuhan engkau dan telah aku halalkan bagi kamu sekalian yang haram".

Maka jawab shaykh :

> " Heih ! pergi hai yang kena laknat".

Maka tiba-tiba terbālit[63] cahaya itu kelam dan rupa itu asap maka berkata ia :

> " Hai *`Abd al-Qādir* dapat kemenangan engkau dengan ilmu yang dikurnia Tuhan kepada engkau dan mengerti engkau akan segala

[63] Terbalik

> manāzilāt yang datang atas engkau dan telah aku sesatkan dengan upama[64] ini pekerjaan tujuh puluh daripada *ahli ṭarīqah*"

Maka dikata orang bagi shaykh:

> "Dengan mana jalan engkau mengetahuikan bahawasanya ia shayṭān?"

Maka dikatanya:

> "Dengan perkataannya bagiku telah aku halalkan bagi kamu segala yang muḥarramāt"

Allahumma unshur nafaḥāt al-riḍwān `alayhi, wa ammadanā bi al-asrari allati auda`ataḥā ladayhi

[Kisah Shaykh al-Jaylāni dan orang kenamaan]

Dan adalah *raḍiyā Allah`anhu* tiada ia membesarkan akan segala orang yang kaya-kaya dan tiada ia berdiri bagi seorang daripada raja-raja dan segala orang yang besar-besar. Dan adalah pada kebanyakkannya apabila ia lihatkan raja datang kepadanya ia bangun masuk ke dalam khalwatnya, kemudian apabila sudah duduklah raja baru ia keluar daripada khalwatnya kepada raja. Maka waktu itu raja yang bangun berdiri bagi shaykh kerana memulia ia bagi jalan *fuqara'*. Dan tiada pernah sekali-kali ia berdiri atau datang pada rumah menteri-menteri dan sultan dan tiada ia menerima akan pemberian raja hingga merayu hal oleh khalifah daripada ketiadaan menerima ia akan pemberiannya. Maka kata shaykh :

> "Baiklah, beri olehmu apa yang engkau hendak beri tetapi engkau mari sertanya". Kemudian maka dihadiahkan oleh khalifah itu kepadanya buah tuffāḥ[65] dan dia pun datanglah sekali dengan hadiahnya. Maka dihantarkan dia dihadapan shaykh, maka tiba-tiba sekalian buah tuffāḥ itu penuh di dalamnya darah dan nanah.

---

[64] Umpama

[65] Buah epal. (al-Marbawi, 1354h)

Maka kata shaykh :

> "Betapalah hal engkau mencercakan daku atas ketiadaan memakanku akan hadiah kamu pada halnya tuffāḥ ini penuh di dalamnya dengan darah manusia".

Maka memintak ampun oleh khalifah dan taubat ia dihadapan shaykh. Dan adalah khalifah senantiasa datang ke rumah shaykh hingga habis umurnya.

[Kisah Shaykh al-Jaylāni dan orang fakir]

Dan adalah *raḍiyā Allah`anhu* di dalam kebesaran *qadar*nya dan tinggi sebutannya dan mashhur namanya ia memuliakan segala orang *faqīr* dan duduk ia serta mereka itu dan ditolong carikan tuma pada kain mereka itu. Dan adalah ia berkata :

> "Bermula faqīr yang sabar itu terlebih afdhal daripada orang kaya yang syukur ia. Dan bermula faqīr yang syukur terlebih afdhal daripada keduanya. Dan bermula faqīr yang sabar lagi syukur terlebih afdhal daripada sekaliannya. Dan tiadalah seorang itu kasih ia akan bala dan bersedap-sedap dengan dia melainkan apabila diketahui akan kelebihan orang yang kena bala ".

Dan adalah berkata ia :

> "Ikut oleh kamu akan jalan nabi dan jangan kamu benci dan nanti olehmu akan keluasan dan jangan kamu putus asa dan berhimpun olehmu atas *dhikrullah*. Dan jangan kamu bercerai-cerai dan bersuci kamu dengan taubat daripada segala dosa dan jangan cemarkan dengan dia dan sentiasa kamu berdiri pada pintu Tuhanmu dan jangan berpaling daripadanya ".

Dan adalah ia berkata :

> "Jangan kamu pilih akan kedatangan nikmat dan tertolak bala. Maka bahawasanya nikmat itu sampai kepada engkau dengan bahagian yang *azaliyyah* sama ada engkau menuntut akan dia atau tiada. Dan bahawasanya bala yang sudah ditakdir itu turun ia atas engkau dan jika benci akan dia sekalipun maka engkau serahkan pada sekaliannya bagi Tuhan diperbuatkan apa yang dikehendakinya. Maka apabila datang kepada kamu nikmat, maka hendaklah engkau membanyakkan dengan dhikir dan syukur. Dan

> apabila datang kepada engkau bala maka hendaklah kamu membanyakkan dengan sabar dan mengikut. Dan apabila maqām engkau tinggi daripada yang demikian itu maka hendaklah engkau reda dan bersedap-sedap dengan dia. Dan ketahui olehmu bahawasanya bala itu tiada datang ia atas orang yang mu'min kerana membinasakan dia, hanya datangnya itu supaya dicubakan dia dan adalah berkata ia tiada patut sekedudukan bagi Tuhan itu melainkan yang suci ia daripada cemar-cemar kesalahan. Dan tiada dibukakan jalan melainkan bagi mereka yang sunyi daripada dakwa dan mengaku-ngaku. Dan tatkala adalah kebanyakan manusia tiada menyucikan dirinya daripada kesalahan, maka dibalakan akan mereka itu dengan penyakit supaya jadi kafarah yang menyucikan dia daripada segala kesalahan supaya patut mereka itu sekedudukan bagi Tuhannya dan hampirnya, sama ada mengetahui mereka itu atau tiada mengetahui ".

Dan berkata ia :

> "Jagakan olehmu daripada bahawa kamu kasih akan seorang atau benci akan dia melainkan kemudian daripada kamu lintangkan akan segala perbuatannya dan perkataannya atas Quran dan Ḥadīth supaya jangan jadi kamu kasih akan dia dengan hawa nafsu atau kamu benci akan dia dengan dia.

Allahumma unshur nafaḥāt al-riḍwān `alayhi, wa ammadanā bi al-asrari allati auda`ataḥā ladayhi

[Kisah karamah dan kelebihan Shaykh al-Jaylāni]

Dan adalah *raḍiyā Allah ta`ala`anhu* tiada tanggap[66] oleh lalat di atas tubuhnya dan kainnya sekali-kali. Adalah yang demikian itu mempusaka ia daripada neneknya *ṣallā Allah`alayhi wasallam*. Maka dikata orang baginya:

> "Apa sebab lalat tiada tanggap atas haḍrah shaykh?'

Katanya:

> "Apalah sesuatu hendak diperbuat oleh lalat padaku tiadalah pada aku ini manis dunia dan tiada madu akhirat".

---

[66] Hinggap

Dan setengah daripada karamatnya adalah ia pada satu kali duduk mengambil air sembahyang. Maka memberak oleh burung ciak atasnya, maka mengakat[67] akan kepalanya melihat akan dia. Maka burung itupun gugur mati. Maka berkata ia:

> "Jika ada bagi burung ini dosa dengan kerana ku maka itulah kafarahnya".

Dan setengah daripada karamatnya bahawasanya ada seorang perempuan menyerahkan anaknya kepadanya supaya dijalani akan dia. Maka disuruh oleh shaykh akan budak itu dengan bersungguh-sungguh melawankan nafsunya. Maka dilihat oleh perempuan itu akan anaknya nipis[68] tubuhnya memakan ia akan roti daripada *shā`īr* dan melihat oleh perempuan itu dihadapan shaykh bejana yang ada di dalamnya tulang ayam kāsi. Maka bertanya oleh perempuan itu akan shaykh daripada hal yang demikian. maka mehantar[69] oleh shaykh akan tangannya di atas tulang itu dan berkata Ia :

> "Bangkit olehmu hai ayam dengan izin Tuhan yang mehidupkan[70] kemudian daripada hancurnya".

Maka ayam itu pun berdirilah seperti sedia kalanya. Maka berkata ia bagi perempuan itu :

> "Apabila dapatlah anak engkau seperti ini memakanlah apa sekehendaknya".

Dan setengah daripada karamatnya bahawasanya adalah pada satu hari lalu seekor burung helang di atas majlis shaykh maka hingar-bangar dengan suaranya dan angin pun sangat keras. Maka berkata ia :

---

[67] Mengangkat
[68] Kurus
[69] Menghantar
[70] Menghidupkan

"Hai angin ambil olehmu akan kepalanya".

Maka tiba-tiba hilang[71] pun jatuh terpotong kepalanya. Maka turun shaykh daripada kerusinya dan diambil akan tubuh hilang pada sebelah tangan dan kepala pada sebelah tangan. Maka dicampakkan keduanya dan berkata ia:

"Bismillahiraḥmanirraḥim".

Maka helang itu pun terbang ia dan segala orang *hāḍirīn* menilik akan yang demikian itu.

Dan setengah daripada karamatnya bahawasanya *Abā 'Umar al-Ṣayrafi*[72] dan *Abā Muhammad `Ābd al-Haq al-Ḥuraymi*[73] *raḥimahumullahuta`āla* katanya :

> "Adalah kami duduk dihadapan shaykh pada rumahnya tempat mengajar pada hari ahad tiga hari bulan ṣafar tahun lima ratus lima puluh lima pada hijrah. Maka mengambil air sembahyang oleh shaykh dan memakai ia akan terompahnya. Maka sembahyang ia dua rakaat. Maka tatkala memberi salam ia maka bertepit[74] ia akan sebagai tempit[75] yang keras. Maka d[i]ambil sebelah terompahnya dilotarkan[76] pada hawa. Maka ghaib terompahnya itu daripada mata kami. Kemudian diambil pula akan sebelah lagi diperbuat seumpamanya. Kemudian maka duduk ia. Maka tiadalah seorang daripada kami berani hendak tanyakan dia daripada ini pekerjaan. Kemudian maka lalulah masa dua puluh tiga hari daripada hari itu. Maka masuk suatu angkatan daripada negeri ajam[77]. Maka berkata ahli angkatan itu:
>
> "Kami hendak berjumpa dengan shaykh kerana ada pada kami nadhar baginya"

[71] Helang
[72] Pengkaji tidak menemui maklumat tentang tokoh ini.
[73] Pengkaji tidak menemui maklumat tentang tokoh ini.
[74] Bertempik
[75] Tempik
[76] Dilontarkan
[77] Selain daripada arab.

Kemudian maka dimintak izin daripada shaykh, maka memberi izin ia. Maka masuk mereka itu kepadanya maka dibawak[78] kepadanya suatu daripada emas dan kain sutera dan satu pangsang[79] terompah hok[80] shaykh sertanya. Maka memberi izin oleh shaykh pada menerima, maka kami terimakan dia. Kemudian maka kami tanyakan mereka itu daripada apa hal ini. Maka kata mereka itu :

"Adalah antara kami sekalian berjalan pada pertengahan jalan pada hari ahad tiga hari bulan ṣafar tiba-tiba datang atas kami perompak dua puaknya. Tiap-tiap satu puak satu kepala maka merampas oleh mereka itu akan segala harta kami dan dibunuhnya berberapa orang daripada kami. Kemudian maka tatkala habislah diambilnya maka duduk sekaliannya berhenti pada satu tempat membahagi harta rampasan. Dan kami pun berhenti juga pada satu tempat. Maka kami berkata jika kita sebutkan nama Shaykh `Abd al-Qādir dan kita nadzarkan kepadanya suatu nescaya sejahtera kita. Inilah yang kami berkata jua. Maka tiba-tiba kami dengarkan dua tepit[81] yang sangat keras yang merata ia pada segala tempat itu. Maka kami lihatkan segala orang perompak yang lain merampaskan mereka itu pula. Maka tiba-tiba datang setengah mereka itu kepada kami dan katanya:

"Datanglah kamu sekalian ambil akan harta kamu dan lihat olehmu daripada barang yang datang atas kami daripada bala".

Maka kami pergi kepada mereka itu maka kami lihatkan kedua kepalanya mati. Dan pada sisi tiap-tiap daripada keduanya sebelah terompah yang basah. Maka mekembali[82] oleh mereka itu akan harta kami dan terompah sertanya. Maka berkata mereka itu:

"Adalah pada ini terompah kelakuan yang amat besar"

Dan setengah keramatnya bahawasanya datang kepadanya seorang laki-laki daripada negeri *Aṣfahān*[83] merayu hal kepada shaykh. Bahawasanya ada baginya satu

---

[78] Dibawa
[79] Pasang
[80] Hak, milik
[81] Tempik
[82] Mengembali
[83] Juga dipanggil *Iṣfahān*. Merupakan sebuah Bandar yang masyhur. Terdiri daripada dua patah perkataan, *al-Aṣba* yang bermaksud Negara dalam bahasa parsi dan dan Hān yang merupakan nama orang parsi. Maksudnya Negara *al-Fursān*; orang parsi. (*Mu`jām al-Buldān*, 1993)

budak perempuan yang gila babi dan telah lemahlah segala tukang japi[84] daripada menjapikan dia. Maka kata shaykh baginya :

> "Ini kelintasan shayṭān mārid[85] yang adalah tempatnya pada wādi Serendib[86] namanya Ḥābis. Maka apabila ia gila pula maka hendaklah engkau katakan pada telinga orang gila itu hei Ḥābis *`Abd al-Qādir* yang duduk pada *Baghdād* berkata bagi engkau jangan engkau datang lagi kepadanya. Maka jika engkau kembali pula nescaya binasa engkau".

Kemudian maka ia pulang ke negerinya. Dan kemudian daripada dua puluh tahun datang pula orang itu. Maka ia berkhabar bahawasanya ia kerja seperti barang yang diisyaratkan oleh shaykh maka sembuh ia dan tiada datang kemudiannya sekali-kali. Dan berkatalah segala kepala-kepala yang pandai menjapi:

> "Bahawasanya aku duduk pada *Baghdād* pada masa ada shaykh empat puluh tahun, maka tiada pernah aku lihatkan orang gila babi. Maka tatkala wafat shaykh baharulah ada yang gila babi".

Dan setengah daripada keramatnya bahawasanya datang tiga daripada *mashāyikh* negeri *Jaylān* meziarahkan[87] dia. Maka tatkala masuk duduk mereka itu di hadapan shaykh maka melihat oleh mereka itu akan mulut cerek yang dibuatkan mengambil air sembahyang oleh shaykh tiada berhadap ia ke kiblat padahalnya khadam shaykh ada berdiri.

Maka menilik oleh orang yang tiga itu setengah akan setengahnya seperti kelakuan orang yang meningkarkan[88] daripada kedudukan cerek shaykh itu. Maka

---

[84] Jampi
[85] Serhaka (al-Marbawi, 1354h)
[86] Sebuah pulau yang besar di Teluk Bengal dibawah Negara India; Sri Lanka (*Mu`jām al-Buldān*, 1993)
[87] Menziarahkan
[88] Mengingkarkan

mehantar[89] oleh shaykh akan kitab pada tangannya. Maka jadilah shaykh itu menilik sekali kepada orang yang tiga orang dan sekali kepada khadamnya. Maka tiba-tiba rebah khadamnya mati waktu itulah dan menilik pula kepada cereknya maka beredar ia dengan sendirinya kepada kiblat.

Dan setengah daripada keramatnya bahawasanya adalah satu saudagar namanya *Hasan Ibn Tamim al-Baghdādi*[90] datang ia kepada *Shaykh Ḥammād al-Dubbasi* dan berkata ia kepadanya:

> "Telah aku mesediakan[91] dagangan hendak bawak[92] pergi kepada Negeri *Shām*[93]. Ada kira-kira harga mata benda itu tujuh ratus dinar"

Maka berkata *Shaykh Ḥammād:*

> "Jika engkau musafir pada tahun ini nescaya dibunuh orang akan dikau dan diambil harta kamu".

Maka keluar ia daripadanya hal keadaanya dukacita. Maka tiba-tiba berjumpa ia dengan *Shaykh `Abd al-Qādir*, maka waktu itu shaykh lagi muda maka mekhabar[94] ia kepadanya barang yang dikata baginya oleh *Shaykh Ḥammād*. Maka jawab shaykh:

> "Pergi olehmu engkau pergi dengan sejahtera dan kembali dengan laba dan ḍamānnya atasku".

Maka saudagar itupun musafirlah ia dengan dagangan dan jualnya akan dia dapat seribu dinar. Kemudian ia masuk didalam tandas yang di *Ḥalab*[95] sebab hendak *qaḍā* hajat

---

[89] Menghantar
[90] Pengkaji tidak menemui maklumat tentang tokoh ini
[91] Menyediakan
[92] Bawa
[93] Dibaca juga dengan al-Sha'mu dan al-Sha'amu. (*Mu`jām al-Buldān*, 1993)
[94] Mengkhabar
[95] Sebuah negara yang luas, mempunyai banyak kebaikan dan mempunyai udara yang baik. (*Mu`jām al-Buldān*, 1993)

padanya. Maka ya[96] hantarkan dinar itu ada atas para di dalam tandas itu. Maka keluar ia daripadanya terlupa akan dinar itu padanya dan kembali ia kepada tempat perhentiannya maka ia tidur. Maka mimpi ia bahawasanya datang perompak merampas akan hartanya pada *qafilah*[97] dan menikam oleh mereka itu akan dia dengan tombak maka ia mati.

Kemudian maka terkejut caga[98] ia daripada tidurnya maka berasa ia sakit pada dirinya dan di dapat atas bekas darah pada lehernya dan teringat pula akan dinar yang di taruh di dalam tandas itu maka ia pun berlari pergi padanya maka didapatnya akan dinar itu ada pada tempatnya. Kemudian maka pulanglah ke *Baghdād*. Maka tatkala hampir hendak masuk padanya maka duduk berfikir ia pada dirinya aku hendak pergi ziarah akan siapakah dahulu. *Shaykh Ḥammād* ialah yang tuha[99] dan *Shaykh `Abd al-Qādir* ialah yang kena seperti perkhabarannya.

Maka tatkala masuk sampai ia kepada satu pegang[100] namanya *Sauq al-Sulṭān*. Maka tiba-tiba berjumpa ia dengan *Shaykh Ḥammād*. Maka berkata oleh *Shaykh Ḥammād* baginya:

> "Engkau mulakan ziarah *Shaykh `Abd al-Qādir* kerana bahawasanya ya[101] kekasih. Dan hā sungguhnya telah ia memohonkan daripada Tuhan dengan kerana engkau tujuh belas kali hingga ditukarkan oleh Tuhan atas barang yang ditakdirnya atas engkau. Bahawasanya ditakdirkan dikau kena bunuh di dalam jaga, ditukarkan kena bunuh di dalam mimpi jua. Dan ditakdir akan dikau papa dengan habis harta ditukarkan dengan jatuh lupa jua"

---

[96] Dia
[97] Angkatan; rombongan. (al-Marbawi, 1354h)
[98] Jaga
[99] Tua
[100] Pekan
[101] Ia; dia

Maka datang ia kepada *Shaykh `Abd al-Qādir* meziarahkan[102] dia dan berkata shaykh baginya:

> "Adalah *Shaykh Ḥammād* ia berkhabar kepada kamu bahawasanya aku memohonkan Tuhan tujuh belas kali maka demi kebesaran Tuhan yang disembah, bahasawasanya aku memohonkan tujuh belas kali dan tujuh belas kali hingga sampai tujuh puluh kali baharulah dapat seperti yang ia berkhabar itu"

Dan setengah daripada keramatnya adalah *Shaykh `Ali al-Hīti*[103] berdiri dengan *Sharīf Abu al-Ghanā'im al-Hasani*[104] *raḥimahumaallahu ta`āla* masuk keduanya ke rumah *Shaykh `Abd al-Qādir* maka dilihat oleh keduanya pada dehliz[105] rumah shaykh seorang melintang ia atas belakangnya maka berkata ia:

> "Hai *Shaykh `Ali* tolonglah mintak syafā`at bagiku daripada shaykh".

Maka tatkala berjumpa keduanya dengan shaykh, maka berkhabarlah oleh keduanya daripada hal laki-laki itu. Maka menerima oleh shaykh akan *syafā`at*nya maka datang keduanya kepada laki-laki itu supaya dikhabarkan dia dengan *maqbūl syafā`at*nya. Maka bangun laki-laki itu dengan keluar ia daripada suatu lubang jenela[106] kecil pada dehliz itu maka terbang ia pada hawa. Kemudian maka masuk oleh keduanya pula kepada shaykh dan bertanya oleh keduanya daripada hal laki-laki itu. Katanya adalah ia lalu terbang pada hawa. Dan berkata ia:

---

[102] Menziarahkan
[103] `Aliy Ibn Abi al-Naṣr al-Shaykh 'Abu al-Ḥasan al-Hīti. (al-Dhahabi, 1990)
[104] Pengkaji tidak menemui maklumat lanjut tentang tokoh ini.
[105] Lapangan luas semacam halaman antara bilik-bilik rumah dan pintu; beranda. (al-Marbawi, 1354h)
[106] Jendela

> “Tiadalah di dalam *Baghdād* ini laki-laki yang sempurna. Maka aku tanggalkan wilayahnya[107] ini pun jika tiada kerana Shaykh `Ali nescaya tiada aku kembalikan baginya”.

Dan setengah daripada keramatnya adalah *Shaykh Abu al-Ḥasan Bin al-Ṭanṭanah*[108] *raḥimahullāhu ta`āla* berkhabar-khabar pada hari wafat *Shaykh `Abd al-Qādir qaddasa ruhahu* katanya:

> “Adalah aku senantiasa membimbangkan dengan mekhidmatkan[109] shaykh dan aku membayakkan[110] berjaga kerana menati[111] aku bagi hajatnya. Maka keluar ia pada satu malam daripada rumahnya pada bulan ṣafar tahun lima ratus lima puluh tiga tahun. Maka aku beri kepadanya cerek air maka tiada ia ambil. Maka berjalan ia kepada pintu madrasah itu, maka aku turut dibelakangnya. Maka tiba-tiba pintu itu terbuka dengan sendirinya maka keluar ia maka aku pun keluar. Maka tertutup pula pintu itu. Maka berjalan ia pergi kepada pintu kota. Maka terbuka pula kemudian tertutup seperti yang dahulu. Kemudian berjalan ia tiada berapa jauh. Maka aku lihatkan negeri yang tiada aku kenalkan dia. Maka masuk ia pada suatu tempat seperti ribāṭ maka tiba-tiba ada padanya enam orang maka memberi salam oleh mereka itu kepada shaykh dengan berjabat tangan. Maka aku berselindung di belakang tiang pada tempat itu. Maka aku dengar akan suara orang duduk mengeram[112] pada tempat itu. Kemudian maka tiada berapa lama maka berhenti mengeramnya. Maka masuk seorang laki-laki dan keluar ia menangung akan seorang laki-laki pada tempat itu dan masuk pula seorang laki-laki yang terbuka kepalanya lagi panjang misainya. Maka berdiri ia dihadapan shaykh. Maka mengambil oleh shaykh daripadanya perjanjian dua kalimah shahādah dan dicukur akan kepalanya dan misainya dan dipakaikan kupiah[113] dinamakan dia Muhammad. Dan berkata shaykh bagi orang yang enam itu:
>
> “Telah aku hantarkan orang ini ganti daripada yang mati itu”
>
> Maka berkata mereka itu:

---

[107] Kewaliannya
[108] Pengkaji tidak menemui maklumat lanjut tentang tokoh ini.
[109] Mengkhidmatkan.
[110] Membanyakkan.
[111] Menanti.
[112] Mengerang.
[113] Kopiah.

"Sam`an wa ṭa`atan ertinya kami dengar dan kami ikut"

Kemudian maka keluar shaykh dan aku dibelakangnya maka berjalan ia sedikit. Tiba-tiba kami dipitu[114] Kota Baghdād. Maka terbuka ia maka masuk kami sertanya dan tertutup pula. Kemudian datang ia kepada pintu madrasah maka terbuka ia seperti ketika hendak keluar dahulu itu jua. Kemudian adalah pada besok[115] harinya aku duduk membaca di hadapan shaykh, maka hasil bagiku haibahnya menegahkan daku daripada membaca. Maka katanya:

"Hai anakku baca olehmu tiada atas engkau ketakutan".

Maka aku berkata:

"Hai penghulu, telah aku bersumpah dengan nama Allah atas engkau nyatakan bagiku barang yang aku lihatkan dia semalam".

Maka katanya :

"Adapun negeri maka yāitu *Nahāwand*[116], dan adapun yang enam orang itu maka yāitu abdāl al-nujabā' dan adapun yang mengeram itu maka yāitu yang ketujuhnya. Aku datang supaya hadir aku akan kematiannya. Dan adapun laki-laki yang menangungnya yāitu Abu al-`Abbās al-Khiḍir `alayhissalam diambil akan dia diperintahkan pekerjaaannya daripada memandi dan lainnya. Dan adapun laki-laki yang aku ambil perjanjian daripadanya maka yāitu Naṣrāni daripada *Qusṭanṭiniyyah*[117] telah aku suruh akan bahwa adalah ia ganti daripada yang mati itu".

Kata *Abu al-Ḥasan:*

"Maka mengambil oleh shaykh daripadaku perjanjian akan bahawa tiada aku berkhabar kepada seorang sekali-kali selama adalah ia hidup".

Dan telah cetera[118] oleh S*haykh `Abd Allah al-Mūṣili*[119]:

---

[114] Dipintu.
[115] Esok.
[116] Dibaca juga dengan *Nihāwand*. (*Mu`jām al-Buldān*, 1993)
[117] Dibaca juga dengan *Quṣṭanṭinah.* (*Mu`jām al-Buldān*, 1993)
[118] Cerita.
[119] Pengkaji tidak menemui maklumat lanjut tentang tokoh ini.

"Adalah raja yang *Mustanjid Billah Aba al-Muẓaffar Yusuf*[120] datang ia kepada shaykh dan memintak daripada shaykh akan ditolong mengingatkan dia. Dan dihantar dihadapan shaykh sepuluh kays[121] daripada harta. Tiap-tiap daripadanya satu budak membawak[122] akan dia maka ditolak oleh shaykh akan dia. Maka enggan khalifah itu daripada mengambil dan ia memintak-mintak juga daripadanya akan bahawa diterimanya. Kemudian maka diambil oleh shaykh dua kays[123]. Datu tangan kanan dan satu tangan kiri. Maka diperahnya maka tiba-tiba keluar daripadanya darah. Maka berkata shaykh bagi khalifah:

"Tiadakah engkau malu daripada Allah subḥānahu wa ta`āla engkau menyungguh-menyungguh akan daku mengambil darah manusia".

Maka pengsang[124] khalifah itu daripada ketakutannya. Maka kata shaykh :

"Demi kebesaran Tuhan yang disembah jika tiada kerana hormat berhubungan dengan Rasulullah *ṣallā Allah`alayhi wasallam* nescaya aku tupahkan[125] darahnya mengalir hingga ke rumahnya".

Demikian lagi telah mehikayat[126] oleh `Abd Allah yang tersebut katanya:

"Aku lihatkan khalifah pada satu hari dirumah shaykh. Maka berkata ia bagi shaykh :

"Aku hendak melihat suatu daripada karāmāt supaya tetap hatiku".

Kata shaykh:

"Apa yang engkau kehendak".

Katanya :

"Aku berkehendak buah tuffāḥ".

---

[120] Yūsuf bin al-Muqtafī. Ibunya bernama ṭāwūs. (al-Suyūṭī, 2013)
[121] Buntil, guni, pundi; Bungkusan.(al- Marbawi, 1354h)
[122] Membawa
[123] Bungkusan
[124] Pengsan
[125] Tumpahkan
[126] Menghikayat

> Pada halnya ketika itu bukan musim *tuffāḥ* pada negeri *`Irāq*". Maka mehulur[127] oleh shaykh akan tangannya pada hawa. Maka tiba-tiba ada pada tangannya dua biji buah *tuffāḥ*. Maka diberi salah suatu daripadanya kepada khalifah dan dibelah oleh shaykh akan yang satu lagi yang ada pada tangannya. Maka didapatkan di dalamnya putih, keluar daripadanya harum seperti kasturi. Dan membelah pula oleh khalifah akan yang pada tangannya. Maka tiba-tiba ada di dalamnya seekor ulat. Maka katanya:
>
> "Apa ini".
>
> Maka jawab shaykh:
>
> "Telah menyentuhkan dia tangan yang zalim maka berulat ia".

Dan bermula keramatnya terlebih daripada yang dibilangkan dan terlebih besar daripada yang dihinggakan telah redai Allah daripadanya dan daripada kita sekalian dengan redanya yang *rafī`* dan ditolongkan kita sekaliannya dengan *madad*nya yang *wasi`*

Allahumma unshur nafaḥāt al-riḍwān `alayhi, wa ammadanā bi al-asrari allati auda`ataḥā ladayhi

Dan adalah *raḍiyā Allah`anhu* berkata ia dengan mezahirkan[128] bagi nikmat Tuhan katanya:

> "Tiada lalu orang muslim dihadapan pintu madrasahku melainkan diringankan Allah daripadanya azab pada hari kiamat. Dan hikayatkan[129] bahawasanya adalah seorang laki-laki menjerit-jerit ia di dalam kuburnya. Maka pergi shaykh kepada kubur dan katanya orang ini datang ia satu kali meziarah[130] akan daku tiada dapat tiada dikasihani oleh Tuhan akan dia maka tiada didengar lagi menjerit-jerit kemudian daripada itu"

Dan katanya *raḍiyā Allah`anhu:*

---

[127] Menghulur

[128] Menzahirkan.

[129] Dihikayatkan.

[130] Menziarah.

> "Telah gelincir *Ḥussayn al-Ḥallāj*[131] akan sebagai gelincir maka tiada dapat zamannya orang yang menolongkan dia dan aku ini penolong bagi tiap-tiap mereka yang gelincir kenderaannya, daripada segala ṣahabatku dan muridku dan yang kasih kepada aku. Aku tolong akan gelincirnya hidup dan mati yakni ketika hidupku dan kemudian daripada matiku hingga hari kiamat. Maka bahawasanya kudaku berpelana dan tembokku terdiri dan pedangku masyhur dan busuranku bertali supaya aku menolongkan muridku pada halnya ia lalai"

Dan katanya *raḍiyā Allah`anhu* :

> "Akulah nārullah al-mūqidah aku silāb al-ahwāl dan akulah laut yang tiada bertepi. Aku yang terpelihara, aku yang dibawah penilik Tuhan. Hai segala orang yang puasa. Hai segala orang yang berdiri pada malam. Hai segala orang yang bertapa di bukit telah hancur bukit kamu. Hai ahli al-ṣawāmi` telah runtuh ṣawāmi` datang sekalian kepada pekerjaan Tuhan. Hai rijāl hai abṭāl. Hai aṭfā. Hai abdāl datang kamu sekalian kepada aku dan ambil olehmu daripada laut yang tiada tepi baginya. Hai Tuhan yang maha mulia engkaulah yang tinggal pada langit dan aku tinggal pada bumi dikatakan bagiku antara malam dan siang tujuh puluh kali, pilih olehmu maka telah aku pilih akan dikau".

Dan dikatakan bagiku pula :

> " Hendaklah engkau ikhlaskan bagiku jua"

Dan dikatakan pula :

> "Hai *`Abd al-Qādir* berkata-kata olehmu didengarkan perkataanmu. Hai *`Abd al-Qādir* dengan keranaku, minum olehmu dan dengan keranaku makan olehmu dan sentosakan dikau daripada kejahatan"

Dan datanglah tahun itu kepadaku memberi salam ia dan mekhabarkan[132] daku dengan barang yang hendak berlaku di dalamnya. Dan demikian lagi bulan datang ia

---

[131] Ḥusāyn Bin Manṣūr Bin Maḥmī, Abu `Abd Allah atau Abu Mughīth al-Fārisiyy al-Bayḍāwiyy al-Ṣūfiyy. (*Siyār 'A`lām al-Nubalā'*, 1996)

[132] Mengkhabarkan.

memberi salam kepadaku dan mekhabarkan dengan barang yang hendak berlaku di dalamnya. Dan demikian lagi *usbū`* dan demikian lagi hari.

[Sifat fizikal dan sikap Shaykh al-Jaylāni]

Dan adalah shaykh *raḍiyā Allah`anhu* merah kulitnya bertemu dua bulu keningnya, yang lebat dua tali tugannya[133], lagi luas dadanya, nipis tubuhnya sederhana perdiriannya, nyaring suaranya baik kelakuannya bersenggera[134] menangis sangat takutnya, banyak haibatnya, mustajab doanya, mulia perangainya dan mulia asalnya terlebih jauhnya kejahatan daripada yang lain, dan terlebih hampir daripada mereka itu kepada yang sebenarnya, sangatlah marahnya apabila ia melihat akan orang yang mencaritkan[135] *maḥārim* Allah *ta`āla,* tiada ia tolakkan orang yang memintak daripadanya dan jikalau dengan salah suatu daripada dua bajunya sekalipun.

Dan adalah ia *taufiq* itu mekehendak[136] akan dia, dan *ta'yīd* itu melintangi akan dia, dan ilmu itu meelokkan[137] dia dan *qurb* itu menolongkan dia, *muḥāḍarah* itu bendaharaanya dan *ma`rifah* itu peliharaanya, dan *khiṭāb* itu perjalannnya, dan *mulāḥazah* itu bagaiannya dan *hazz* itu pesuruhannya, dan *insun* itu kekasihnya dan *bisṭ* itu kemuasannya, dan *sidq* itu peniliknya dan *fatḥ* itu dagangannya dan *dhikir* itu menterinya dan fikir itu perkerjaannya dan *mukāshafah* itu makannya dan *mushāhdah* itu kesenangannya dan *adāb al-sharī`ah* itu zahirnya dan *auṣāf al-ḥaqīqah* itu batinnya.

---

[133] Jambang.
[134] Bersegera.
[135] Mencarikkan.
[136] Mengkehendak.
[137] Mengelokkan.

Bermula *maqām*nya merah dan muafakat serta keluar daripada *ḥaul* dan *quwwah* dan *ṭarīq*nya mesucikan[138] *tauḥīd* dan meninggalkan *tafrīd* serta *ḥuḍūr mauqif al-`ubudiyyah* manusia yang berdiri ia pada *mauqif al-`abdiyyah* tiada dengan suatu dan tiada bagi suatu dan adalah *`ubudiyyah*nya datang daripada *kamāl al-rubūbiyyah*. Maka adalah ia hamba yang terjauh ia pada meyertai[139] akan *tafriqah* yang terangkat kepada *murāfiqah al-jam`u* serta berpegang akan segala *ahkām al-shar`iyyah*. Bermula kelebihannya *raḍiyā Allah`anhu* amat banyak dan ahwālnya yang kemuliaan sangat nyata terlebih daripada matahari *al-ẓahīrah*.

[Kewafatan Shaykh al-Jaylāni]

Dan adalah wafatnya pada hari yang ke sebelas daripada bulan *rabī` al-thāni* tahun lima ratus enam puluh satu daripada hijrah dan umurnya sembilan puluh satu tahun dan ditanamkan dia di *Baghdād* dan kuburnya nyata diziarahkan dia dan diqasadkannya daripada segala *aqṭār al-bilād raḍiyaallahu`anhu. Āmīn.*

Allahumma unshur nafaḥāt al-riḍwān `alayhi, wa ammadanā bi al-asrari allati auda`ataḥā ladayhi

[Penutup dan doa]

Dan sekira-kira selesailah barang yang kami kehendak akan dia dan sempurnalah barang yang kami citakan akan dia. Maka hendaklah kita sekalian megakatkan segala tapak tangan dengan kehinaan. Dan kita sekalian metawassulkan[140] dengan dia dan dengan sekalian anak buahnya, *ahli al-azwāq wa al-aḥwāl* maka kita sekaliannya berkata:

---

[138] Menyucikan.
[139] Menyertai.
[140] Mentawassulkan, bertawassulkan.

Allahumma hai Tuhan kami, bahawasanya kami sekaliannya pohonkan daripada kamu dengan hormat *anfās* yang *ārif* ini yang mempunyai rahsia yang suci dan *al-wārith al-muḥammadi*. Yang mempunyai *adlāl* atas *bisāṭ al-`anadi*. Dan dengan hormat segala yang menjalani atas jalannya yang *anwār*. Dan dengan segala yang menjenap[141] mereka itu daripada hujan *ma`ārif*nya yang *a`dhab al-azkhir*. Akan bahawa kamu angerahakan kami sekaliannya dengan keelokkan *anfās* mereka itu dan kamu hampirkan bagi kami akan bahawa kami memungut akan buahnya tanaman mereka itu.

Hai segala *arwāh* yang suci. Hai *qutb*. Hai *khatam*. Hai *imāmān*. Hai *autād*. Hai *abdāl.* Hai *ruqabā`*. Hai *nujabā'*. Hai *nuqabā'*. Hai *ahli al-ghairati*. Hai a*hli al-akhlāk*. Hai *ahli salāmah*. Hai *ahli al-`ilm*. Hai ahli *al-bisṭ*. Hai *ahli al-jinān wa al-`aṭfi*. Ya *ayyuhā al-ḍayfān*. Ya *ahyuhā al-shakhs al-jāmi`*. Ya ahli *al-anfās*. Hai *ahli al-ghayb minkum wa al-shahādah*. Hai ahli *quwwah wa al-`azm*. Hai *ahli al-haybah wa al-jalāl*. Hai *ahli al-fath*. Hai *ahli al-ma`ārij al-`ula*. Hai *ahli al-nafs*. Hai *ahli al-imdād*. Hai *ahli al-ṣalsalah al-jaras*. Hai *qutb al-qāhir*. Hai *qutb al-raqāiq*. Hai *qutb saqīṭ al-rufruf ibn sāqiṭ al-`arasy*. Hai *ahli al-ghinā bilah*. Hai *qutb al-khasyah*. Hai *ahli `ayn al-taḥkim wa al-zawā'id*. Ya *ayyuhā al-budala'*. Hai *ahli al-jihāt al-sitt*. Hai *malāmatiyyah*. Hai *fuqara'*. Hai *sūfiyyah*. Hai *`ibād*. Hai *zuhhād*. Hai *rijāl al-ma'*. Hai *afrad*. Hai *'umanā'*. Hai *qurra*'. Hai *aḥbāb*. Hai *ajillā*'. Hai *muhammad thaun*. Hai *sumarā*'. Hai *warathatu al-zālimi linafsihi minkum wa al-muqtaṣidu wa al-sābiqu bi al-khayrāt*. *ayyutuhā al-arwāḥ al-ṭāhirah min rijāl al-ghayb wa al-shahādah*.

---

[141] Mencebok.

Mintaklah kamu sekalian tolongkan kami pada menyampaikan segala pintakkan[142] kami dan memudahkan bagi segala pekerjaan kami dan bagi membangkitkan azam kami dan bagi mesentosakan[143] segala ketakutan kami dan bagi menutupi akan kemaluan[144] kami dan bagi melepaskan segala utang[145] kami dan bagi menyampaikan cita-cita kami dan bagi mehilangkan[146] *hijāb* dan g*hiyāhab* dan bagi keelokkan kesudahan dan `*awāqi*b dan membukakan bagi *kurūb* dan mengapuni[147] bagi *dhunūb*.

Allahumma yā rabb engkaulah Tuhan yang *ma`būd* engkaulah Tuhan yang *maujūd* dan engkaulah yang menjadi akan kami dan mengasihani engkau akan kami. Telah kami sekalian mengatakan segala *auliyā*' kamu hingga mengenal mereka itu akan kamu akan sebagai mengenal. Limpahkan hai Tuhan kami atas sekalian kami daripada *anwār* yang dapat bagi kami sekaliannya mengenal akan dikau dan kami sekaliannya metauhid[148] akan dikau. Engkaulah Tuhan yang megakatkan *aghyār* daripada kekasih kamu, hingga tiada kasih mereka itu akan yang lain daripada kamu. Kurniakan pula bagi sekalian dengan terangkat segala *aghyār* yang sangat kelamnya supaya tiada kami kasih akan yang lain daripada kamu. Dan engkaulah Tuhan yang mehampirkan[149] segala mereka yang engkau pilihi akan dia *ahli al-widād* bagi kamu, hingga tiadalah *mushāhadah* akan yang lain daripada kamu.

---

[142] Pintaan, permintaan.
[143] Mensentosakan.
[144] Aib.
[145] Hutang.
[146] Menghilangkan.
[147] Mengampuni.
[148] Mentauhid.
[149] Menghampirkan.

Kurniakan bagi kami daripada piala minuman mereka itu supaya *ghayb* kami daripada menilik akan yang lain daripada kamu. Ya *rabb* tiadalah kami sekalian harab[150] akan yang lain daripada kamu maka betapalah kami harab akan yang lain pada halnya engkau Tuhan kami tiadalah engkau putuskan daripada limpah anugeraha atas kami. Hai Tuhan yang merasakan segala kekasihnya manusia munajatnya dan berjinak-jinak hingga berdirilah mereka itu di hadapan kamu *mudhillīn* dan pada ketika *nasīm al-asḥār mutamalliqīn*, rasakan kami dengan satu titik daripada laut kemurahan kamu supaya kami sekalian berjinak-jinak dengan kamu. Engkaulah Tuhan yang mekurnia dahulu daripada kami pohonkan dan engkaulah yang memberi dahulu daripada kami pintakkan betapakah kiranya pintakkan yang terkemudian jadi sebab bagi pemberi yang telah lalu.

Hai Tuhan kami hampirkan akan kami kepada kamu dan helakan dengan semata-mata limpah kemurahan kamu. Tiadalah bagi kami daya dan upaya pada segala perkaranya melainkan dengan dikau jua. Hai Tuhan kami bermula harap kami sekalian kepada kamu tiadalah putusnya dan jika kami mengerjakan kesalahan sekalipun seperti barang yang adalah takut kami tiada hilang. Dan jika kami mengerjakan *ṭā`ah* sekalipun telah hampirlah lebih harab kami sekaliannya berserta dengan dosa itu daripada harab kami sekalian berserah dengan *ṭā`āt* kerana tersandar amal kami atas tulusnya. Maka betapalah dapat kami atas tulusnya maka betapalah dapat kami peliharakan dia pada halnya kami dengan segala kejahatan itu *ma`rūf*. Dan kami dapat akan diri kami pada ketika berdosa itu berpegang atas limpah kemurahan ampun kamu. Maka betapa tiada kamu ampunkan pada halnya kamu dengan kemurahan itu *mauṣūf*.

---

[150] Harap.

Hai Tuhan kami telah kami memintak ampun maaf daripada barang yang kamu amat mengetahui daripada kami pada melampaui dan berani pada barang yang kami sebutkan daripada menyatakan perkataan *auliyā*' dan karāmātnya dan pada menetapkan `*ibārah*nya dan *isyārāt*nya dengan ketiadaan pengetahuan bagi kami atas rahsianya dan kami mintak[151] ampun pula daripada barang yang kami kerjakan pada menyatakan barang yang disembunyikan dan menyembunyikan barang yang dinyatanya dan kami mintak ampun daripada barang yang jatuh bagi kami pada menyatakan *aḥwāl al-auliyā'* dan *maqām*nya pada hal kami papa dan muflis daripadanya dan tiadalah bagi kami mecium[152] akan harum bahūnya[153].

Dan kami pohonkan pula serta sekalian yang tersebut akan bahawa janganlah kamu mengambil kesalahan daripada barang yang tersembunyi di dalam dada kami dan yang disimpankan oleh rahsia kami daripada berbagai-bagai kejahatan kecelaan dan kehinaan yang tiada kami mengetahui akan dia atau yang kami mengetahui akan dia [][154]nya tiada reda oleh nafsu kami yang jahat mejernihkan[155] dan melempaskan[156] daripadanya kerana tertipu daya kami dengan berkata-kata lidah harap akan limpah ampun kamu dan besar pula harap kami sekaliannya akan bahawa kamu kurniakan *taubah* yang mehapuskan[157] segala kesalahan kami dan segala mereka yang *ḥāḍirīn* dan bagi segala *ikhwāninā al-muslimīn.*

---

[151] Minta.
[152] Mencium.
[153] Baunya.
[154] Gugur dalam cetakan.
[155] Menjernihkan
[156] Melepaskan
[157] Menghapus

Dan kami mehaluankan[158] dan metawassulkan pada menyampaikan segala pintakkan dan pada pada mendapatkan segala percitaan[159] dengan hormat *jāh* penghulu yang mengeluarkan kami sekalian daripada kelam kabut *juḥūd* dan *kufr* dan yang memalingkan kami dengan penunjuknya daripada *zulumāt* kepada *nūr, sayyidanā wa maulānā muhammad shafī` al-mudhnibīn* dan segala keluarganya dan sahabatnya dan zuriatnya *al-ṭayyibīn al-ṭāhirīn ṣallā Allah`alayhi wasallam wa `ala ālihi wa sahbihi salātan wa salāman ila yaum al-dīn.*

Maka dengan kesempuraan risalah ini hamba namakan dia dengan nama asalnya *Lujjayn al-Dānī Fi Bayāni Nubdhah Min Manāqib Sayyidi `Abd al-Qādir al-Jaylāni* terjemah al-faqīr `Abd al-Qādir ibn `Abd al-Raḥmān Faṭānī *wa dhalika fi yaum al-aḥād al-mubārak khāmis `asyar min shahr ṣafr sanah thamāni wa tis`īn ba`da al-alf wa al-mi'atayn min hijrah al-nabawiyyah bi makkah al-mahmiyyah ḥāmidan wa muṣalliyān wa musallimān `alā sayyidina muhammad wa ālihi wa saḥbihi kullama dhakaraka al-dhākirun wa ghafala `an dhikrihi al-ghāfilūn wa al-hamdulillah rabb al-`ālamīn*

4.4 KESIMPULAN

Kitab Lujjayn al-Dānī merupakan kitab yang ringkas tetapi padat dengan maklumat yang menceritakan tentang biografi Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylāni. Penggunaan struktur ayat serta perkataan yang tidak terlalu klasik memudahkan para pembaca. Laras bahasa yang sederhana turut menjadikannya sesuai untuk dijadikan bacaan pelbagai lapisan masyarakat. Hal ini kerana Shaykh al-Faṭānī menggunakan perkataan dan loghat harian yang mudah untuk difahami. Penterjemahan yang tidak terlalu terpengaruh dengan Bahasa Arab menunjukkan penguasaan Shaykh al-Faṭānī terhadap

[158] Menghalakan, menujukan
[159] Yang dicita-cita

Bahasa Melayu sangat baik walaupun beliau menetap lama di Mekah. Ini bersesuaian dengan tujuan kitab ini ditulis untuk menjadi bahan bacaan masyarakat umum. Oleh itu, kitab ini amat sesuai untuk diketengahkan kembali kepada masyarakat.

BAB V

ISTILAH-ISTILAH TAṢAWWUF DI DALAM KITAB LUJJAYN AL-DĀNĪ

5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji akan menganalisis berberapa istilah-istilah yang dibuat catatan pinggir oleh Shaykh al-Faṭānī daripada kitab *Lujjayn al-Dāni*. Pengkaji telah memilih tujuh istilah tentang pangkat-pangkat kewalian. Istilah-istilah tersebut ialah *Qutb, Imāmāni, Autād, Abdāl, Ruqabā', Nujabā', Nuqabā'*. Tujuan pengkaji memfokuskan tentang perkara ini kerana ia merupakan antara istilah biasa yang digunakan oleh Masyarakat Melayu dalam kehidupaan mereka. Selain kerana batasan masa untuk membuat kajian secara menyeluruh kepada semua catatan pinggir.

5.2 ISTILAH-ISTILAH TAṢAWWUF DAN MASYARAKAT MELAYU

Masyarakat melayu telah menerima pengaruh ilmu taṣawwuf semenjak zaman awal kedatangan islam. Sebahagian pengkaji berpendapat Ulama Taṣawwuf mempunyai peranan yang penting di Kepulauan Melayu sekitar abad ke-12. Antaranya tokoh awal pada zaman tersebut ialah Shaykh `Abd Allah `Ārif dan Shaykh Ismā`il Ẓaffi. Kemudian penghasilan karya taṣawwuf yang diterajui oleh Ḥamẓah al-Fansūri dan Shamsuddin al-Sumatrai merancakkan lagi perkembangan ilmu taṣawwuf di Kepulauan Melayu (Wan Mohd Saghir, 2004).

Manakala sebahagian pengkaji berpendapat kemasukan unsur-unsur taṣawwuf di Kepulauan Melayu telah masuk sejak kurun ke-8 masihi. Dan pada kurun ke-9 masihi

Ulama Taṣawwuf telah merancakkan lagi perkembangan dakwah kesufian. Penemuan sebuah makam lama yang tercatat nama Shaykh `Abd al-Qādir bin Ḥussayn Shāh `Ālam yang bertarikh 903 masihi telah membuktikan kesan-kesan kemasukan awal dakwah berunsur taṣawwuf. Penggunaan perkataan Shaykh menunjukkan tokoh yang di makamkan merupakan seorang Ahli Taṣawwuf (Wan Hussayn, 1975). Hal ini menunjukkan Masyarakat Kepulauan Melayu tidak asing lagi dengan bidang keilmuan Taṣawwuf.

.

Justeru itu peristilahan taṣawwuf mulai masuk ke dalam kehidupan Masyarakat Melayu memlalui pengajaran serta penulisan kitab-kitab yang berunsur taṣawwuf. Kitab *Syarah Hikam* karya Tok Pulau Manis, *al-Durr al-Nafīs* karya Shaykh Muhammad Nafīs al-Banjari dan *Siyar al-Sālikīn* karya Shaykh `Abd al-Ṣamad al-Falimbāni antara teks pengajian dan rujukan yang mengandungi berbagai istilah taṣawwuf. Malah, Shaykh Daud al-Faṭāni melalui kitabnya *al-Manhal al-Ṣāfi Fi Bayāni Rumūz Ahl al-Ṣūfi* telah memberikan tumpuan kepada perbincangan tentang istilah-istilah dalam ilmu taṣawwuf.

Hal ini membuatkan Masyarakat Melayu menjadi biasa dengan istilah-istilah taṣawwuf khasnya tentang kewalian. Mereka memperakui kewujudan dan kedudukan para wali. Mereka mengenali *Rijāl al-Ghayb* sebagai wali. Antara kitab yang menjadi rujukan Masyarakat Melayu ialah Kitab *Sirāj al-Ẓalām*, sebuah kitab yang terdiri daripada bahagian awal Kitab *Tāj al-Mulūk*. Kitab ini telah memuatkan satu fasal tentang *Rijāl al-Ghayb* seperti berikut (`Abbas Kūta Karang, t.t):

> "Fasal pada menyatakan *Rijal al-Ghayb*. Ketahui olehmu bahawasanya *Rijāl al-Ghayb* itu *Auliya'* yang tersembunyi atas bumi. Adalah mereka itu memegang dunia dan memelihara dunia

> dan manusia daripada kena mara bahaya dan lainnya kemudian daripada wafat Nabi *ṣallā Allah `alayhi wasallam*..."

Kitab *Sirāj al-ẓalām* ini telah ditulis pada tahun 1849 masihi bersamaan 1265h atas permintaan Sultan Acheh, Sultan `Alā al-Din Ibrāhīm Manṣūr Shah oleh Shaykh `Abbas Kūta Karang (Mohd Affendi dan Hermansyah, 2017). Selain itu dalam kitab Pati Rahsia karangan Haji Nik Mahmud yang ditulis pada tahun 1944 masihi bersamaan 1363h juga terdapat satu bab yang bertajuk kaifiat memberi salam kepada *Rijāl al-Ghayb* seperti berikut (Haji Nik Mahmud, 1946):

> "*Assalāmu`alaykum Yā Rijāl al-Ghayb, assalāmu`laykum Yā Arwāḥ al-Muqaddasah, Yā Nuqabā', Yā Nujabā', Yā Ruqabā', Yā Abdāl, Yā Autād al-Arḍ Autād Arba`ah, Yā Imāmān, Yā Qutb* ..."

Manakala dalam Kitab Pagar Hikmat cetakan kedua pada tahun 1973 masihi bersamaan susunan `Abd al-Razzaq ada memuatkan satu tajuk berjudul Hikmat doa malaikat empat dan wali-wali Allah seperti berikut :

> "*Bismillah al-Raḥmān al-Raḥim...Ya Wali Allah...Ya Auliyā' Allah...Ya Naujabbah...Ya Rūqabbah...Ya `ūtadda...Ya Quṭubba...Ya Ghūsu*..."

Berdasarkan bukti-bukti inilah menunjukkan keterbiasaan Masyarakat Melayu sejak dahulu sehingga sekarang dengan istilah-istilah kewalian yang disebut sebagai *Rijāl al-Ghayb*. Mereka memahami serta menghormati kedudukan mereka sebagai wali-wali Allah yang membantu manusia dalam kehidupan dunia ini.

5.3 DEFINISI WALI

Al-Wāli merupakan salah satu nama daripada nama-nama Allah. Nama ini memberi maksud Allah melindungi kerana dialah tempat makhluk berlindung dan bermaksud menjamin semua kepentingan dan keperluan hambanya (Sa`īd Ibrahim, 1995). Menurut

bahasa, wali berasal daripada perkataan *wa-lā* dan *ya-ta-wā-la* yang bermaksud memerintah, berpaling, memiliki, berturut-turut dan kasih (al-Marbawi, 1354h). Perkataan jamak baginya ialah *'Auliyā*. Ia datang dengan *wazan fa`īl* bermaksud *maf`ūl* iaitu mereka yang Allah uruskan pekerjaannya. Perkataan wali juga datang dengan *wazan fa`īl* sebagai *mubalaghah* daripada *al-fā`il* yang bermaksud mereka yang memalingkan ibadatnya hanya kepada Allah tanpa disertai oleh dosa (Al-Qustullāni, 1305h)

Daripada sudut istilah, wali bermaksud orang yang mengenal Allah dan Sifatnya sekadar batasan makhluk, sentiasa melakukan taat, menjauhi maksiat, serta berpaling daripada bergelumang dalam keseronokan dan kecenderungan hawa nafsu (al-Taftazani, 2015). Oleh itu, secara umumnya terdapat tiga takrifan bagi wali. Pertama wali ialah orang yang melakukan taat dengan tidak melakukan dosa. Kedua wali ialah orang yang dikurniakan ihsan dan kelebihan daripada allah. Ketiga wali ialah `ārif bi allah dan mereka sentiasa melazimi segala ketaatan dan menjauhi maksiat pada keseronokan dan shahwat dengan bersungguh-sungguh (Al-Jurjāni, t.t).

5.4 WALI MENURUT AL-QURAN

Dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang mengandungi perkataan wali dan jamaknya ; *Auliyā'*. Setiap perkataan ini mempunyai maksud tertentu bergantung kepada konteks ayat seperti firman Allah :

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ...

Maksudnya : Janganlah orang yang beriman mengambil orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang yang beriman...

Surah Ali Imran (3) : 28

الَّذِينَ يَتَّخِذُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ ۚ أَيَبْتَغُونَ عِنْدَهُمُ الْعِزَّةَ فَإِنَّ الْعِزَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا...

Maksudnya : (Iaitu) orang yang mengambil orang kafir menjadi teman dengan meninggalkan orang yang beriman. Tidaklah patut mereka mencari kekuatan di sisi orang kafir itu, kerana sesungguhnya kekuatan itu semuanya ialah milik Allah.

Surah al-Nisa (4) : 139

Kedua-dua perkataan '*Auliyā'* dalam konteks tersebut merujuk kepada ikatan persahabatan antara sesama manusia. Ia membawa maksud wali daripada sudut bahasa. Selain itu terdapat juga ayat al-Quran yang mendatangkan perkataan wali dengan makna pemimpin. Firman Allah:

...وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُبِينًا.

Maksudnya : ...Dan sesiapa yang mengambil Syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata.

Surah al-Nisa (4) : 119

Manakala dalam perbahasan ilmu taṣawwuf ayat yang sering digunakan berkaitan dengan wali ialah firman Allah :-

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ.

Maksudnya : Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (Wali-wali Allah itu ialah) orang-orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertaqwa.

Surah Yunus (10) : 62-63

Maksud *'Auliyā'* Allah di dalam ayat tersebut membawa maksud mereka yang Allah berikan petunjuk (al-Wāḥidi, 1980). Mereka juga ialah golongan yang memberikan ketaatan kepada Allah dan mereka pula diberikan karamah oleh Allah (al-Bayḍāwi, 2000). Melalui ayat tersebut Allah telah menyebut bahawa '*Auliyā'* ialah mereka yang beriman dan bertakwa. Oleh itu sesiapa sahaja yang bertakwa kepada Allah maka dia boleh disebut sebagai wali (Ibn Kathīr, 1999). Para ulama mentafsirkan

perkataan *'Auliyā'* tersebut dengan maksud yang bertepatan dengan takrifan yang digunakan dalam bidang ilmu taṣawwuf iaitu mereka yang diberi petunjuk untuk melakukan ketaatan dan mereka yang diberi kelebihan dan kemuliaan oleh Allah.

Dalam al-Quran Allah telah membahagikan wali kepada dua golongan. Pertama wali Allah dan kedua wali syaitan. Dalil tentang wali Allah sudah jelas daripada ayat 62 Surah Yunus. Manakala dalil tentang adanya wali syaitan ialah firman Allah:

...وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوحُونَ إِلَىٰ أَوْلِيَائِهِمْ لِيُجَادِلُوكُمْ ۖ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ

Maksudnya : ...dan sesunggguhnya Syaitan itu membisikkan kepada pengikut-pengikutnya, supaya mereka membantahmu; dan jika kamu menurut hasutan mereka, maka sesungguhnya kamu tetap menjadi orang musyrik.

Surah al-'An`ām (6) : 12

Oleh itu daripada ayat-ayat yang telah disebutkan, dapat disimpulkan bahawa perkataan wali mempunyai banyak makna dalam al-Quran bergantung kepada konteks al-Quran memperakui tentang kewujudan wali. Selain itu, al-Quran juga telah menyebut penakrifan wali yang kemudiannya dijadikan garis panduan oleh Ulama Taṣawwuf. Tambahan lagi, menurut al-Quran, wali dapat dibahagikan kepada wali Allah dan wali syaitan.

5.5 WALI MENURUT AL-HADITH

Terdapat banyak hadith tentang kewalian telah diriwayatkan**.** Hadith dan khabar tentangnya mempunyai berbagai martabat seperti sahih, *hasan*, daif dan palsu (Al-Ṣuyūṭi, 2005). Antara hadith sahih yang menyebut tentang wali ialah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ قَالَ: مَنْ عَادَى
لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالحَرْبِ، وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ

عَلَيْهِ، وَلَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أَحْبَبْتُهُ، فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ: كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ، وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ، وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا، وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا، وَإِنْ سَأَلَنِي لَأُعْطِيَنَّهُ، وَلَئِنِ اسْتَعَاذَنِي لَأُعِيذَنَّهُ، وَمَا تَرَدَّدْتُ عَنْ شَيْءٍ أَنَا فَاعِلُهُ تَرَدُّدِي عَنْ نَفْسِ المؤْمِنِ، يَكْرَهُ الموْتَ وَأَنَا أَكْرَهُ مَسَاءَتَهُ

Maksudnya : Daripada Abi Hurayrah, dia telah berkata : Rasulullah telah bersabda : sesungguhnya Allah telah berfirman : sesiapa yang memusuhi waliku sesungguhnya aku telah mengizinkan baginya dengan perperangan. Dan tidaklah seseorang hambaku itu mendekati aku dengan sesuatu yang aku suka daripada apa yang telah aku fardukan kepadanya. Dan setiasalah hambaku mendekati aku dengan segala perkara sunat sehinggalah aku mengasihinya. Tatkala aku mengasihinya maka akulah pendengarannya yang dia mendengar dengannya, dan penglihatannya yang dia melihat dengannya, dan tangannya yang dia memukul dengannya, dan kakinya yang dia berjalan dengannya. Sekiranya dia meminta kepada aku nescaya akan aku beri, sekiranya dia meminta perlindungan daripada aku nescaya akan aku lindungi. Aku tidak menragukan sesuatu yang aku lakukan sebagaimana keraguanku untuk mencabut jiwa orang mukmin. Dia takutkan kematian sedangkan aku takut aku akan menyakitinya.

Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Sahihnya, kitab *al-Riqāq* bab *al-Tawāḍuk*. Dan Abu Nu`aym dalam *Hilyah al-‘Auliyā’*.

Kalimah wali di dalam hadith tersebut ialah ialah orang yang *`Ālim Billah* yang sentiasa melakukan ketaatan dengan ikhlas (Al-Asqalāni, 1301h). Al-Dhahabi mengatakan bahawa hadith ini merupakan hadith *gharib*. Namun menurut al-Asqalani hadith ini mempunyai banyak sokongan atau *shawāhid* (Zarrūq, t.t). Antara hadith tersebut ialah riwayat daripada `Ā’ishah yang mempunyai makna yang sama dengan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah sebagaimana berikut :

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ النَبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : يَقُول الله تَعَالى : مَنْ آذَى وَلِيًّا فَقَدْ اسْتَحَلَّ مُحَارِبِي، وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِمِثْلِ أَدَاءِ افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ، وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّه، وَمَا تَرَدَّدْتُ فِي شَيْء أنا فَاعِلُهُ كَتَرَدُّدِى فِي قَبْضِ رُوْح عَبْدِي المؤْمِنِ لِأَنَّهُ يَكْرَهُ الموْتَ وأَكْرَهُ مَسَاءَتَهُ وَلَا بُدَّ لَهُ مِنْهُ.

Maksudnya : Daripada Aishah, bahawasanya nabi telah berkata : Allah berfirman : sesiapa yang menyakiti wali, sesungguhnya telah menghalalkan dan merungkai perperangaku. Dan tidaklah seseorang hamba mendekati aku dengan melakukan apa yang aku

> *fardukan kepadanya. Dan sentiasalah hambaku mendekati aku dengan segala perkara sunat sehingga aku mengasihinya. Dan aku tidak merasa ragu pada sesuatu yang aku lakukan sepertimana keraguanku pada mencabut ruh hambaku yang mukmin. Kerana dia takutkan kematian sedangkan aku takut aku menyakitinya dan itu adalah kemestian baginya.*

Diriwayatkan oleh al-Qushayri dalam Risalahnya dan al-Ṭabarānī dalam *al-'Ausāṭ* dengan perbezaan lafaz

Berkenaan para wali dan bilangannya, Ibn Taimiyyah berpendapat tidak terdapat hadith yang sahih daripada Nabi *ṣallā Allah `alayhi wasallam* tentang *Abdāl, Nuqabā',* dan *Nujabā*' dengan bilangan seperti 4, 7, dan 40. Hal ini kerana Kaum Salaf tidak pernah menyebut lafaz-lafaz seperti itu melainkan hanya lafaz *Abdāl* (Ibn Taimiyyah, 1985). Namun pengkaji mendapati terdapat berberapa hadith *mauqūf* daripada Ali berkenaan bilangan para wali kecuali tentang *Abdal* terdapat hadith *marfū`* daripada Nabi *ṣallā Allah `alayhi wasallam*.

a. *Abdāl*

Terdapat berberapa hadith yang menceritakan tentang *Abdāl*; bilangan serta tempat. Namun terdapat perbezaan tentang bilangan serta tempatnya daripada jalur periwayatan yang pelbagai. Antara hadith tersebut ialah :

عَنْ عَلِيّ قَالَ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ : الأَبْدَالُ بِالشَّامِ وَهُوَ أَرْبَعُوْنَ رِجَالًا. كُلَّمَا مَاتَ رَجُلٌ أَبْدَلَ اللهُ مَكَانَهُ رَجُلًا يُسْقَى بِهِم الغَيْثُ. وَيُنْتَصَرُ بِهِمْ عَلَى الأَعْدَاءِ وَيُصْرَفُ عَنْ أَهْلِ الشَّامِ بِهِمْ العَذَابِ

> *Maksudnya : Daripada Ali, dia telah berkata : aku mendengar Rasulullah bersabda : Abdāl itu berada di Sham. Dia adalah empat puluh orang lelaki. Ketikamana mati seorang lelaki, Allah akan mengantikan tempatnya dengan seorang lelaki. Dengan mereka itulah hujan diturunkan, dan dibantu atas segala musuh, dan dipalingkan azab daripada Ahli Sham.*

Diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya dan al-Haythami dalam *Majma` al-Zawā'id*

عَنْ عَلِيِّ قَالَ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ : إنَّ الأَبْدَالَ بِالشَّامِ يَكُوْنُوْنَ وَهُم أَرْبَعُوْنَ رِجَالًا. بِهِم تُسْقَوْنَ الغَيْثَ. وبِهِم تُنْصَرُونَ عَلَى الأَعْدَائِكُم وَيُصْرَفُ عَنْ أَهْلِ الأَرْض البَلاَء والغَرَقُ

Maksudnya : Daripada Ali, dia telah berkata : aku telah mendengar Rasulullah bersabda : sesungguhnya Abdāl itu mereka berada di Sham. Dan merekalah empat puluh orang lelaki. Dengan merekalah hujan diturunkan, dan ahli Sham ditolong daripada segala musuh mereka, dan dipalingkan bala dan tenggelam daripada penduduk bumi.

Diriwayatkan oleh Ibn Asākir dalam Tarikhnya.

Kedua-dua hadith ini telah diriwayatkan oleh Shurayḥ bin `Ubaid daripada Ali. Ibn `Asākir menjelaskan bahawa riwayat ini *munqati`* kerana Shurayh tidak pernah bertemu dengan Ali. Namun begitu Shurayḥ juga telah mendengar hadith daripada Miqdād. Miqdād merupakan orang lebih terdahulu berada di Kūfah daripada Ali. Oleh itu riwayat ini tidak *munqati`* sama sekali (al-Haythami, t.t).

b. *Autād*

عَنْ عَلي قال : ألاَ إِنَّ الأَوْتَادَ من أَبْنَاءِ الكُوْفَةَ

Maksudnya : Daripada Ali, dia telah berkata : ketahuilah, sesungguhnya Autād itu terdiri daripada orang-orang Kufah.

Diriwayatkan oleh Ibn `Asākir dalam Tarikhnya.

c. *Nujabā'*

عَنْ علي قال ... والنُجَبَاء بالكُوْفَةِ

Maksudnya : Daripada Ali, dia telah berkata : ... dan Nujabā' itu berada di Kufah.

عن علي قال ... والنُجَبَاء بِمِصْرَ

Maksudnya : Daripada Ali, dia telah berkata : ... dan Nujabā' itu berada di Miṣr.

عن علي قال ... والنُجَبَاء من أَهل المِصْرَ

Maksudnya : Daripada Ali, dia telah berkata : ... dan Nujabā' itu terdiri daripada ahli Miṣr.

Diriwayatkan oleh Ibn `Asākir dalam Tarikhnya.

d. *Nuqabā', Imāmān, Qutb* Atau *Qutb Al-Ghauth,* Dan *Ruqabā'*

Pengkaji tidak menemui hadith yang menyebut tentang *Nuqabā', Imāmān, Qutb* atau *Qutb al-Ghauth* dan *Ruqabā'* secara jelas. Oleh itu dalil tentang mereka tidak disebutkan dalam bahagian ini. Huraian yang lebih lanjut tentang mereka akan dijelaskan dalam tajuk seterusnya.

5.6 WALI MENURUT SHAYKH AL-FAṬĀNĪ

Shaykh al-Faṭānī telah membuat catatan pinggir tentang tujuh gelaran atau pangkat para wali yang disebut di dalam Kitab *Lujjayn al-Dānī*. Namun beliau tidak menyebutkan sumber kepada rujukan yang digunakan terhadap catatan-catatan pinggir tersebut. Oleh itu Pengkaji melakukan perbandingan antara kenyataan yang dinukilkan oleh Shaykh al-Faṭānī dengan berberapa kitab muktabar untuk mengenal pasti kecenderungan serta pendapat beliau tentang wali-wali.

Shaykh al-Faṭānī telah menghadkan maklumat kepada 4 bahagian, bilangan, peranan, tempat, dan sebab penamaan. Namun tidak semua maklumat pada bahagian tersebut dinyatakan bagi setiap pangkat kewalian kecuali bahagian bilangan wali-wali. Beliau secara jelas lebih menumpukan maklumat kepada bilangan dan peranan wali-wali tersebut. Manakala bagi tempat dan sebab penamaan tidak ditekankan oleh beliau melainkan pada *Abdāl* dan *Imāmān* sahaja.

Berikut adalah jadual yang menyenaraikan istilah serta ciri-ciri pangkat kewalian menurut Shaykh al-Faṭāni :

Jadual 5.1 : Istilah Dan Ciri Kewalian Menurut Shaykh Al-Faṭānī

Wali	Bilangan	Peranan	Tempat	Sebab penamaan
Abdāl	7 atau 70	Menjaga 7 iqlim	Sham	Mempunyai pengganti jika musafir atau mati
Autād	4	Menjaga 4 mata angin	-	-
Imāmān	2	-	Kanan dan kiri Ghauth	-
Nujabā’	40	Mengelokkan kerja dan menangung kesusahan manusia serta mengantikan abdāl.	-	-
Nuqabā’	300	Melihat dan mengetahui batin manusia.	-	-
Qutb\Qutb al-Ghauth	-\1	Mengarahkan yang lain\ketua semuanya.	-	-
Ruqabā’	12	Mata-mata.	-	-

Berdasarkan ciri-ciri tersebut, Shaykh al-Faṭānī didapati banyak menukilkan kenyataan yang sama dengan kitab *Mu`jam Iṣṭilāhāt al-Ṣūfiyyah* oleh al-Kāshānī (1992). Beliau wafat sekitar tahun 735 hingga 751 hijrah (Ṭarābāyishī, 2006) Kitab ini secara khususnya membincangkan berkenaan istilah-istilah taṣawwuf yang disebut di dalam tiga kitab karangannya sendiri. Kitab yang pertama ialah *Manāzil al-Sā’irīn*, kedua *Sharh Fuṣūṣ al-Ḥikam* dan ketiga *Ta’wīlāt al-Qur’ān al-Ḥakīm*. Berikut ialah jadual senarai istilah dan ciri kewalian menurut al-Kāshānī :

Jadual 5.2 : Istilah Dan Ciri Kewalian Menurut Al-Kāshānī

Wali	Bilangan	Peranan	Tempat	Sebab penamaan
Abdāl	7	-	-	Mempunyai pengganti

				jika musafir atau mati
Autād	4	Menjaga 4 mata angin.	-	-
Imāmān	2	-	Kanan dan kiri Ghauth	-
Nujabā’	40	Mengelokkan kerja dan menangung kesusahan manusia.	-	-
Nuqabā’	300	Melihat dan mengetahui batin manusia.	-	-
Qutb\Qutb al-Ghauth	1	-	-	-
Ruqabā’	-	-	-	-

Selain itu penulis juga mendapati Shaykh al-Faṭāni juga menukilkan pendapat yang sama dengan Ibn `Arabi (t.t) di dalam *al-Futuḥāt al-Makiyyah*. Beliau merupakan seorang tokoh dalam dunia taṣawwuf yang terkenal. Al-Kāshāni juga terpengaruh dengan aliran yang dibawa oleh Ibn `Arabi. Hal ini dibuktikan dengan karya beliau yang mensyarahkan Kitab *Fuṣūs al-Ḥikam* Ibn `Arabi. Berikut merupakan jadual senarai istilah kewalian menurut Ibn `Arabi :

Jadual 5.3 : Istilah Dan Ciri Kewalian Menurut Ibn `Arabi

Wali	Bilangan	Peranan	Tempat	Sebab penamaan
Abdāl	7 atau 40	Menjaga 7 iqlim	-	Mempunyai pengganti jika musafir
Autād	4	Menjaga 4 mata angin	-	-
Imāmān	2	Pembantu dan pengganti Qutb	-	-
Nujabā’	8	-	-	-
Nuqabā’	12	-	-	-
Qutb\Qutb al-Ghauth	-\1	-\Ketua semuanya	-	-
Ruqabā’	-	-	-	-

a. *Abdāl*

Kalimah *Abdāl* berasal daripada *wazan ba-da-la* yang bermaksud ganti. Manakala *Abdāl* bermaksud satu kaum daripada segala orang salih yang sentiasa ada di dunia. Jika mati salah seorang daripada mereka Allah akan mendatangkan penganti (al-Rāzī, 1973). Terdapat berberapa hadith yang menjelaskan tentang bilangan *Abdāl*. Setiap satu bilangan berbeza antara satu sama lain. Bilangan *Abdāl* dalam hadith diriwayatkan ialah 30, 40, 60, dan 80. Pendapat bahawa bilangan mereka ialah 70 orang datang daripada sebuah *athār* daripada al-Ḥasan al-Baṣri. *Athar* tersebut ialah :

عَنْ الحَسَنِ البَصْري قَالَ لَنْ تَخْلُوا الأَرْضَ مِنْ سَبْعِينَ صِدّيْقًا وهم الأَبْدَالُ. لَا يَهْلك مِنْهُم رَجُلٌ إلا أَخْلَفَ الله مَكَانَه مِثْلَهُ أَرْبَعُوْن بِالشَّام وثَلاثُونَ مِنْ سائر الأَرضِيْنَ.

Maksudnya : Daripada al-Ḥasan al-Baṣri, dia telah berkata : bumi ini tidak akan sunyi daripada tujuh puluh orang yang benar, dan mereka ialah abdāl. Tidaklah mati salah seorang daripada mereka melainkan Allah akan mengantikan tempatnya dengan yang serupa dengannya. Bilangan mereka empat puluh di Sham dan tiga puluh di segenap pelusuk bumi.

Dikeluarkan oleh Ibn `Asākir dalam Tarikhnya.

Daripada *athar* ini mempunyai 3 maklumat. Pertama bilangan *Abdāl* ialah 70. Kedua Allah akan mengantikan mereka sekiranya mati. Ketiga daripada 70 *Abdāl* hanya 40 berada di Shām manakala baki 30 berada di segenap pelusuk bumi. Menurut al-Yāfi`i, Para Arifin berpendapat bahawa bilangan *Abdāl* ialah 30, 14, dan 7. Tambah beliau lagi pendapat yang mengatakan *Abdāl* ialah 7 itu sahih (al-Suyūṭi, 2005). Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ali, tempat *Abdāl* hanya berada di Shām. Ḥadith ini bertepatan dengan pendapat Shaykh al-Faṭānī :

عَنْ علي قَال الأَبدَال بالشَّام

Maksudnya : Daripada Ali, dia telah berkata : Abdāl itu berada di Sham.

Dikeluarkan oleh Ibn `Asākir dalam Tarikhnya.

Berkenaan sebab penamaan *Abdāl*, pendapat Shaykh al-Faṭāni mempunyai persamaan sepertimana yang telah dinukilkan oleh al-Suyūṭi (2005) di dalam kitabnya :

فَائدةٌ فِي كتَاب كِفَايَةِ المعْتَقِيْدِ لليَافِعيْ قيْل إِنَّما سُمِّيَ الأَبْدَال أَبْدالاً لِأَنَّهم إذَا غَابُوا
تَبَدَّل فِيْ مَكَانِهِم صُوَرٌ رُوحَانِية تُخَالِفُهُم

> *Maksudnya : Faidah di dalam kitab Kifāyah al-Mu`taqīd bagi al-Yāfi`i : dikatakan sesungguhnya dinamakan abdāl itu abdāl kerana jika mereka tiada, akan digantikan pada tempat mereka ṣūrah rūḥāniyyah yang menggantikan mereka.*

b. *Autād*

Kalimah *Autād* berasal daripada *wazan wa-ta-da*. Daripada *wazan* ini terhasillah perkataan *mufrad* bagi *Autād* iaitu *wa-ti-dun* atau *wa-ta-dun* (al-Rāzi, 1973). Ia membawa maksud turus, tompang atau pasak (al-Marbawi, 1354h). Makna ini sesuai dengan kedudukan *Autād* yang disebut sebagai pasak bumi. Melalui mereka Allah menjaga, memelihara serta mengukuhkan bumi ini. Al-Yāfi`i menjelaskan bahawa bilangan *Autād* ialah 4. Satu di Yamān, satu di Shām, satu di Timur, dan satu di Barat (al-Suyūṭi, 2005). Ini bermaksud mereka berada pada 4 penjuru mata angin kerana Yamān mewakili arah Selatan manakala Shām mewakili arah Utara. Disebabkan mereka berada pada arah empat mata angin, maka Allah memberikan penjagaan pada empat arah tersebut kerana Allah menjadikan mereka sebagai tempat tilikan (al-Kāshānī, 1992)

c. *Imāmān*

Kalimah *Imāmān* berasal daripada *wazan ʻa-ma-ma*. Daripadanya terhasillah kalimah *al-imām* dan *jama`nya al-ʻaimmah* (al-Rāzi, 1973). *Imāmān* merupakan lafaz *muthannā* yang menunjukkan dua. Ia memberi makna dua pemimpin atau ikutan (al-

Marbawi, 1354h). Permaknaan ini sesuai dengan peranannya sebagai pengganti *Qutb* untuk menjadi pemimpin. Oleh kerana *Imāmān* merujuk kepada dua individu, salah satu daripada keduanya berada di kanan *al-Ghauth* atau *Qutb*. Hal ini kerana sekiranya *al-Qutb* mati, maka dialah yang akan menjadi pengganti (al-Jurjānī, t.t).

Pangkat *Imāmān* merupakan pangkat kedua tertinggi setelah *Qutb*. *Imām* yang berada di sebelah kanan *Qutb* memandang kepada *al-Malakūt* manakala *Imām* yang berada di sebelah kiri *Qutb* pula memandang kepada *al-Mulk* (al-Kāshānī, 1992). Ada pendapat yang mengatakan bahawa *Imām* yang berada disebelah kiri *Quṭb* lebih tinggi kedudukannya berbanding sebelah kanan. Ini kerana, *Imām* sebelah kiri berada lebih dekat dengan hati *Quṭb* (al-Bakri, 2013).

d. *Nujabā'* dan *Nuqabā'*

Menurut Shaykh al-Faṭāni, bilangan *Nujabā'* ialah 40 manakala bilangan *Nuqabā'* ialah 300. Namun menurut al-Yāfi`i, bilangan *Nujabā'* ialah 300 sedangkan *Nuqabā'* pula 40 (al-Suyūṭī, 2005). Kenyataan ini berlawanan dengan pendapat yang dinyatakan oleh Shaykh al-Faṭānī. Pendapat bahawa bilangan *Nuqabā'* ialah 300 sama seperti pendapat al-Kanānī. Namun pada pendapat al-Kanānī, bilangan *Nujabā'* pula ialah 70 (Ibn Asakir, 1995). Pendapat bahawa bilangan *Nujabā'* ialah 300 pula dinukilkan di dalam kitab *Kashf al-Lughāt* (Muhammad al-Tahānawi, 1996).

Nujabā' berasal daripada *wazan na-ja-ba*. Daripadanya terhasillah perkataan *najīb* dengan maksud pengasih yang mana *jama*`nya ialah *Nujabā'*. Manakala *Nuqabā'* pula asalnya daripada *wazan na-qa-ba*. Kalimah *Nuqabā'* merupakan *jama*` bagi *naqīb* yang bermaksud yang sangat mengetahui dan yang memerhati (al-Rāzi, 1973).

Permaknaan *Nujabā'* tersebut sesuai dengan peranannya yang sentiasa menanggung kesusahan manusia. Hal ini kerana mereka dikhususkan dengan sifat belas kasihan yang melimpah serta sifat kerahmatan secara fitrah (al-Jurjāni, t.t). Perbuatan mereka ini memberikan manusia kemudahan dalam urusan kehidupan (Muhammad al-Tahānawi, 1996). Manakala permaknaan *Nuqabā'* pula sesuai dengan peranannya yang melihat dalam segala batin manusia untuk mengeluarkan perkara yang tersembunyi supaya terbukalah hijab daripada segala rahsia yang ada. Oleh kerana itu, mereka juga dikenali dengan nama *al-Bāṭin* (al-Jurjānī, t.t)

e. *Quṭb* atau *Quṭb al-Ghauth*

Qutb bmaksud ketua bagi suatu kaum. ia berasal daripada *fi`il qa-ṭa-ba* yang bermaksud menghimpun. Lafaz *jama*`nya ialah *Aqṭāb* dan *Quṭūb* (al-Marbawi, 1354h). Penakrifan *Quṭb* sebagai ketua bagi suatu kaum sesuai dengan peranannya yang telah disebut oleh Shaykh al-Faṭānī sebagai yang mengarahkan yang lain atau ketua semuanya. *Quṭb* atau *Ghauth* ialah satu istilah tentang seseorang yang merupakan tempat perhatian Allah pada setiap zaman (al-Jurjānī, t.t). Oleh itu keduanya merujuk kepada perkara yang sama yang mempunyai nama yang berbeza.

Kalimah *al-Ghauth* berasal daripada *wazan ghā-tha* yang bermaksud menolong. Manakala *Ghauth* pula bermaksud yang membantu (al-Marbawi, 1354h). Permaknaan *al-Ghauth* sebagai yang membantu sesuai dengan penakrifan *Quṭb* sebagai ketua. Ini kerana *Quṭb al-Ghauth* merupaka ketua bagi segala wali yang membantu urusan kehidupan manusia seperti *Abdāl* dan *Nujabā'*. Selain itu setiap ketua juga berperanan untuk membantu orang bawahannya.

f. *Ruqabā'*

Maklumat yang terperinci tentang dalil *Ruqabā'* tidak ditemui. Namun begitu, merujuk kepada kenyataan Shaykh al-Faṭānī tentang bilangan mereka ialah 12, pengkaji menemui sebuah *athar* yang menjelaskan tentang 12 individu yang sentiasa Allah jadikan sebagai pelindung penduduk bumi semenjak zaman Nabi Nuh (al-Khilāl, 2010). athar tersebut ialah :

> عَنْ زادان قال مَا خَلَتِ الأرضُ بَعْدَ نُوْحٍ مِنْ اثْنَي عَشَرَ فَصَاعِدًا يُدْفَعُ بِهِم عَنْ أَهْلِ الأَرْضِ
>
> *Maksudnya : Daripada Zādān, dia telah berkata : bumi tidak akan sunyi daripada dua belas orang atau lebih yang penduduk bumi ini dipelihara dengan mereka daripada musibah selepas zaman Nabi Nuh.*
>
> Dikeluarkan oleh al-Khilāl dalam *Karāmāt al-Auliyā'*

Menurut Shaykh al-Faṭāni, *Ruqabā'* merupakan mata-mata. Dalam Kamus Dewan Edisi ke-4, mata-mata ditakrifkan sebagai pengintip ataupun polis rahsia. Ia berasal daripada *wazan ra-qa-ba* yang bermaksud menjaga, menunggu dan memelihara (al-Marbawi, 1354h). Perkataan *Ruqabā'* atau *mufrad*nya Raqīb merupakan lafaz *fa`īl* dengan maksud pengawal, penunggu, penjaga yang bersangatan. Pentakrifan ini sesuai dengan makna yang disebut dalam *athar* bahawa mereka memelihara bumi daripada musibah selepas zaman Nabi Nuh.

5.7 KESIMPULAN

Masyarakat Melayu merupakan sebuah masyarakat yang sebati dengan keilmuan taṣawwuf. Hal ini kerana latar belakang kemasukan serta penyebaran islam kepada mereka pada zaman awalnya datang daripada pengaruh Ulama Taṣawwuf. Perkembangan ilmiah yang datang kemudiannya melalui penulisan karya-karya yang

berunsur taṣawwuf telah mengukuhkan lagi kedudukan ilmu taṣawwuf dalam Masyarakat Melayu sehingga kini.

Justeru itu mereka tidak berasa janggal dengan istilah-istilah yang sering digunakan dalam taṣawwuf khususnya istilah tentang kewalian seperti *Abdāl, Autād* dan *Nuqabā'*. Para wali merupakan salah-satu daripada kedudukan yang ada dalam islam selain para nabi dan rasul. Malah Umat Islam mesti mempercayai bahawa adanya kekeramatan para wali sepertimana adanya mukjizat bagi para nabi dan rasul. Hal ini kerana mereka merupakan hamba Allah yang terpilih kerana keperibadian mereka yang baik serta amalan mereka yang menetapi apa yang Allah kehendaki.

Kewujudan para wali bukan hanya disebut oleh Allah dalam Quran. Mereka juga disebut di dalam hadith. Namun begitu tidak semua maklumat tentang mereka disebut secara jelas. Para Ulama Taṣawwuf kemudiannya telah menyusun dan mengeluarkan pendapat tentang mereka dalam kitab sebagai salah satu bentuk pendokumentasian ilmu sepertimana yang terjadi kepada bidang ilmu yang lain seperti naḥu, falak dan fiqh. Kandungan penulisan mereka itu semuanya merupakan hasil istinbat berpandukan dalil-dalil daripada sumber-sumber yang muktabar dalam islam seperti Quran, hadith mahupun athar daripada golongan salaf.

Dalam mendatangkan keterangan tentang pangkat kewalian, Shaykh al-Faṭāni telah merujuk kepada pendapat tokoh-tokoh yang muktabar dalam bidang ilmu taṣawwuf seperti al-Kāshāni dan Ibn al-`Arabi. Kedua-dua tokoh ini sememangnya menjadi rujukan penting kepada generasi selepas mereka. Selain itu, pendapat-pendapat beliau juga diambil daripada Ibn `Asākir, al-Jurjāni dan al-Yāfi`i. Hal ini menunjukan

Shaykh al-Faṭāni melakukan kajian serta penelitian terlebih dahulu sebelum menukilkan sesuatu pendapat.

Inilah bukti keupayaan Ulama Tempatan dalam mengungkapkan ilmu dalam Bahasa Melayu terhadap Bangsanya. Kearifan tempatan bukan hanya dibina dengan meniru budaya luar tetapi melalui sintesis dan analisis mereka. Justeru itu, pangkat-pangkat kewalian bukanlah perkara yang asing dalam islam. Peranan serta kedudukan mereka mempunyai sandaran yang kuat untuk dijadikan dalil. Para ulama telah membina kerangka yang kukuh bagi memantapkan lagi bidang keilmuan taṣawwuf melalui penyusunan rapi terhadap istilah-istilah serta perbahasan yang berkaitan agar ia menjadi seperti bidang-bidang keilmuan yang lain dalam islam .

BAB VI

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 KESIMPULAN

Ketokohan Shaykh al-Faṭāni dalam dunia keilmuan sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Sumbangan beliau dalam perkembangan islam terhadap Masyarakat Melayu sama ada yang berada di Mekah atau di Kepulauan Melayu sangat besar. Biarpun membesar dalam suasana perperangan, beliau tetap memberikan keutamaan terhadap pelajaran dan aktiviti keilmuan. Keturunan serta latar belakang keluarga beliau merupakan salah satu faktor penting yang membentuk keperibadiannya.

Shaykh al-Faṭānī merupakan salah seorang penghubung penting rantaian keilmuan Ulama Melayu. Peranannya dalam memelihara khazanah ilmu dengan pemeliharaan manuskrip-manuskrip silam sangat penting. Ini membuatkan khazanah ini dapat dikenali oleh generasi sekarang. Beliau bukan sahaja menguasai bidang keilmuan yang zahir seperti usuluddin serta fiqh, malah beliau juga merupakan seorang *murshid* dalam *Ṭarīqah Shaṭṭāriyyah* yang telah mencorak perkembangan kerohanian Masyarakat Kepulauan Melayu.

Selain itu karya-karya penulisannya yang meliputi pelbagai bidang serta koleksi fatwa yang pernah dikeluarkan menjadi bukti ketokohan beliau semasa zamannya. Antara bidang penulisan yang beliau ceburi ialah bidang biografi ulama’. Karyanya

yang berjudul *Lujjayn al-Dānī Fi Bayāni Nubdhah Min Manāqib Sayyidi `Abd al-Qādir al-Jaylāni* merupakan sebuah karya terjemahannya terhadap karangan Shaykh Ja`far bin Hassan bin `Abd al-Karīm al-Barzanji. Penterjemahan beliau terhadap karya ini menunjukan keperihatinan beliau terhadap penghasilan bahan bacaan atau rujukan untuk Masyarakat Melayu.

Walaupun tinggal serta menjalankan aktiviti keilmuan di Mekah, penguasaan Bahasa Melayu beliau sangat baik. Hal ini dibuktikan dengan hasil terjemahan beliau yang sesuai untuk dibaca oleh segenap lapisan masyarakat Selain itu, di dalam karya ini, terdapat pemikiran serta kecenderungan beliau yang tersendiri. Pengkaji mendapati beliau menjadikan pemikiran Ibn al-`Arabi serta pengikutnya seperti al-Kāshānī sebagai rujukan utama. Namun beliau tidak hanya menukilkan pandangan yang telah sedia ada. Beliau telah melakukan penilaian terlebih dahulu sebelum memasukkan pandangan tersebut di dalam catatan pinggir *Lujjayn al-Dānī*.

Hal ini menunjukkan ketokohan serta penguasaan beliau dalam bidang ilmu taṣawwuf sesuai dengan kedudukan beliau sebagai seorang *Murshid Ṭarīqah*. Justeru itu, jasa dan ketokohan Shaykh al-Faṭānī perlu sentiasa dikenang oleh generasi baru. Pemanfaatan hasil-hasil penulisan beliau perlu dilakukan agar legasi keilmuan serta pemikiran beliau dapat diteruskan. Kitab *Lujjayn al-Dānī* perlulah diangkat dalam kehidupan Masyarakat Melayu melalui pembacaannya dalam majlis-majlis haul supaya menjadi kebiasaan dan budaya mereka dengan majlis-majlis yang memberikan keberkatan disamping menambahkan pengetahuan mereka terhadap biografi para ulama.

6.2 CADANGAN

Sepanjang melalukan kajian, terdapat berberapa cadangan yang pengkaji dapati sesuai untuk dilakukan oleh para pengkaji yang akan datang. Hal ini berdasarkan faktor keperluan penambahbaikan kajian yang sedia ada seperti kajian ini. Pengkaji ingin mencadangkan kepada pihak pengkaji, khususnya kepada ahli-ahli akademik untuk menjalankan penyelidikan Shaykh al-Faṭānī secara lebih mendalam. Hal ini kerana masih terdapat banyak maklumat baik sumber tempatan mahupun luar negara yang tidak diterokai.

Selain itu, usaha-usaha untuk mentahkik serta mentashih karya-karya beliau sama ada dalam bentuk cetakan mahupun manuskrip perlu dilakukan. Naskah-naskah cetakan dan manuskrip perlu dikumpul untuk pemeliharaan dan kajian. Melalui usaha ini, kita dapat menyebarkan kembali karya tersebut disamping memahami potensi keilmuan yang ada. Koleksi fatwa beliau yang diberi wajah baru boleh dijadikan bahan rujukan Institusi-institusi fatwa di Malaysia. Daripada ini kita dapat mengekalkan kerelevenan kearifan tempatan mengikut zaman.

Analisis pemikiran beliau terhadap sesuatu bidang mahupun itu haruslah dilakukan. Melalui analisis ini, kita juga dapat memahami corak serta budaya tempatan. Hal ini kerana beliau respon beliau terhadap sesuatu isu menunjukkan perkembangan zaman tersebut. Kita akan dapat memahami dengan lebih baik tradisi keilmuan Alam Melayu yang mempunyai ciri keunikan dan keistimewaan tersendiri. Apabila kita menyedari hakikat ini, kita akan berusaha untuk menjaga serta memelihara tradisi ini untuk disambung oleh generasi akan datang.

Para pengkaji perlu mengkaji sumbangan Shaykh al-Faṭānī terhadap perkembangan islam di Kepulauan Melayu. Hal ini kerana beliau merupakan penganti kepada Shaykh Daud al-Faṭānī, seorang tokoh penting Kepulauan Melayu. Secara tidak langsung pasti beliau meneruskan usaha-usaha yang dirintis oleh Shaykh Daud al-Faṭānī. Pengajaran beliau di Masjid Al-Ḥarām tentunya telah dihadiri oleh segenap lapisan Masyarakat daripada Kepulauan Melayu. Setelah mereka pulang, pasti ilmu yang didapati akan disebarkan kepada masyarkat tempatan.

Selain itu pengkaji juga ingin mengemukakan cadangan kepada Pihak Universiti; UniSZA khususnya kepada Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Ini sesuai dengan peranan universiti dalam menyokong dan menjalankan aktiviti keilmuan pada peringkat yang tinggi. Pelajar-pelajar perlulah digalakkan untuk melakukan kajian terhadap tokoh-tokoh ulama serta kearifan tempatan. Mereka perlulah diberikan pendedahan sejak peringkat Diploma lagi. Subjek yang berkaitan seperti subjek Kajian Teks Nusantara perlu dibuat penambahbaikan agar ia menjadi lebih komprehensif dan berkesan.

Pihak Universiti dan Fakulti perlu menjemput pakar dalam bidang ini daripada dalam mahupun luar negara seperti Brunei dan Indonesia untuk berkongsi keilmuan dengan para pelajar sebagai salah satu usaha untuk memperkukuhkan lagi bidang kajian tokoh serta kearifan tempatan. Kesimpulannya, melalui cadangan ini, pengkaji berharap pihak yang berkaitan akan memandang serius cadangan yang diutarakan bagi memperbaiki dan menambah baik usaha-usaha sedia ada.

6.3 PENUTUP

Kajian tentang tokoh Ulama Melayu sepatutnya terus dilakukan. Kajian ini hendaklah merangkumi tokoh-tokoh daripada zaman awal perkembangan islam sehinggalah tokoh mutakhir. Hal ini kerana masih banyak lagi tokoh-tokoh yang tidak dikenali oleh masyarakat umum. Sekiranya kajian tentang mereka tidak dijalankan, berkemungkinan maklumat tentang mereka tidak dapat didokumentasi dengan tepat untuk tatapan generasi akan datang. Justeru itu, ia akan menyebabkan berlakunya kekaburan maklumat serta akhirnya tokoh-tokoh ini dilupakan.

Melalui pengkajian ini, rasa bersyukur dan berterima kasih terhadap sumbangan yang telah diberikan oleh mereka dapat dipupuk. Selain itu masyarakat dapat berbangga dengan ketokohan mereka sebagai bukti bahawa masyarakat islam Kepulauan Melayu juga memiliki ulama yang berjasa seperti ulama-ulama daripada dunia luar seperti Tanah Arab. Apabila kesedaran masyarakat semakin meningkat terhadap warisan serta tradisi keilmuan tempatan, akan berlakulah usaha-usaha untuk menjaga karya-karya peninggalan silam atau turath tempatan.

Melalui usaha ini nilai keilmuan masyarakat akan semakin berkembang berasaskan jati diri serta budaya tempatan sepertimana yang telah digagaskan oleh ulama-ulama terdahulu. Kesinambungan ini akan melahirkan generasi yang mampu mendepani cabaran semasa dengan jati diri serta pendirian yang kukuh dalam memartabatkan diri, agama, bangsa dan negara. Hal ini kerana apa yang telah ditinggalkan oleh ulama silam adalah pedoman serta rangka ketamadunan hasil daripada pengamatan serta pemilihan mereka daripada pelbagai sumber untuk disesuaikan dengan masyarakat tempatan.

Justeru, pendedahan serta sokongan perlulah diberikan kepada generasi akan datang dalam proses mereka mengenali kearifan tempatan. Usaha pelbagai pihak seperti pihak universiti khususnya yang berfungsi sebagai wadah tumpuan keilmuan untuk memastikan kajian-kajian yang berkaitan ini dilakukan perlu dipertingkatkan lagi melalui silibus-silibus pelajaran yang sesuai. Diharap melalui universiti tempatan, kajian tentang tokoh ulama serta kearifan tempatan akan bertambah dalam dunia akademik di Malaysia.

RUJUKAN

`Abbas et al., (1999), *al-Ṭabā`ah Fi al-Mamlakati al-`Arabiyyah al-Sa`ūdiyyah*, Riyāḍ : Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah.

`Abbas Kūta Karang et al.,(t.t). *Sirāj al-Ẓalām Fi Ma`rifah al-Sa`ad Wa al-Najs Fi al-Shahr Wa al-Ayyām.* Fatani : Matba`ah Halābī.

`Abd Allah et.al., (1986), *al-Mukhtaṣar Min Kitab Nashri al-Nūr Wa al-Zihar Fi Tarājim Afāḍil Makkah*, Jeddah : `Ālam al-Ma`rifah.

`Abd al-Ghaniy et al., (1998), *7 Wali Melayu*, Kuala Lumpur : MAHBOOK Publication.

Abu Hanifah. (2015). 'Antara Air Mata dan SimPati: perjuangan Pelaiar Melayu di Kaherah (untuk Menubuhknn Rumah Melayu, 1920-an Hingga 1960-an' dalam Jurnal Purba. No. 34 2015, h. 112 – 128. Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia.

Ahmad Fathy al-Fatani et.al., (2002), *Ulama Besar dari Patani*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Fathy. (2011). 'Ulama' Patani di Terengganu: Sejarah dan Peranan (Dari Tuan Hassan Besut hingga Haji Abdul Rahman Pombeng)' dalam Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara. h. 486 - 494 Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Sunawari Long et al., (2016). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ajid Che Kob. (2008). 'Subklasifikasi Dialek Melayu Patani-Kelantan-Terengganu: Satu Analisis Kualitatif' dalam Jurnal Melayu. Vol 3 h. 1-10. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Al-`Ajlūni et al., (t.t), *Kasyf al-Khafā' Wa Muzīl al-'Ilbās*, t.t : Maktabah al-`Ilm al-Ḥadīs.

Al-Asqalani et al., (1301h). *Fatḥ al-Bāri Bi Syarḥ Ṣaḥīh al-Bukhāri*. Bulaq : Matba`ah al-Kubra al-Miriyyah.

Al-Bakri et al., (2013). *Al-Nafaḥat al-Qudsiyyah Fi Sharh Ma`āni al-Tadbirāt al-Ilāhiyyah Fi Iṣlāh al-Mamlakah al-Insāniyyah Libni `Arabi*. Bayrūt : Dār al-Kutub `Ilmiyyah.

Al-Bayḍāwi et al., (2000). *Anwār al-Tanzil Wa Asrār al-Ta'wīl*. Bayrūt : Dār al-Rashīd.

Al-Dhahabi et al., (1990), *Tārikh al-'Islām Wa Wafayāt al-Mashāhir Wa `A'lām Wa Dhaiyluhu*, Bayrūt : Dār al-Kutub al-`Arabiy

Al-Dhahabi et al., (1996), *Siyar 'A`lām al-Nubalā'*, Bayrūt : Mu'assasah al-Risālah

Al-Haythami et al., (t.t). *Majma` al-Zawā'id Wa Manba` al-Fawā'id*. Bayrūṭ : Dār al-Kitab al-`Arabi.

Al-Jurjāni et al., (t.t). *Al-Ta`rifāt*. Singapura-Jeddah : al-Haramay

Al-Kalābādhi et al., (1994), al-Ta`arruf Li Madhhabi Ahli al-Taṣawwuf, Kaherah : al-Maktabah al-Khānjī.

Al-Kāshānī et al., (1992). *Mu`jām Iṣṭilāhāt al-Ṣūfiyyah*. Kaherah : Dar al-Manār.

Al-Khilāl et al., (2010). *Karāmāt al-Auliyā'*. Kaherah : Maktabah al-Islāmiah

Al-Mara`shili et.al., (2002), *Mu`jam al-Ma`ājim wa al-Mashīkhāt wa al-Fahāris wa al-Barāmij wa al-Athbāt*, Riyadh : Maktabah al-Rushd

Al-Marbawi et.al., (1354h), *Kamus Idris al-Marbawi*, Kaherah : Matba`ah Muṣṭafa al-Bābi al-Ḥalabi

Al-Najm al-Ghazzi et al., (1995), '*Itqān Ma Yaḥsunu Min al-Akhbār al-Dā'irati `Alā al-Sunu*, Kaherah : al-Fārūq al-Ḥadithah liṭṭabā`ah Wa al-Nashri

Al-Qārī et al., (1986), *al-Asrār al-Marfū`ah Fi Akhbār al-Mauḍū`ah*, Bayrūt : al-Maktab al-Islāmī

Al-Qushāshī et al., (1327h). *al-Simṭ al-Majīd*. Haydarabād : Maṭba`ah Majlis Dā'irah al-Ma`ārif al-Niẓāmiyyah al-Kā'inah

Al-Qustullani et al., (1305h). *Irshād al-Sārī Li Sharh Saḥih al-Bukhāri*. Bulaq : Matba`ah al-Kubra al-Miriyyah

Al-Sanusi et al., (t.t), *Sharh 'Umm al-Barāhin*, Fatani : Matba`ah Bin Halābī

Al-Ṣuyūṭi et al., (2005). *Al-Khabar al-Dāl `Ala Wujūd al-Qutb Wa al-Autād Wa al-Nujabā' Wa al-Abdāl*. Damsyik : Dar al-Bayrūtī.

Al-Suyūṭī et al., (2013), *Tārikh al-Khulafā'*, Jeddah : Dār al-Minhāj Li al-Nashri Wa al-Tauzī`.

Al-Ṭabari et al., (1967), *Tārikh al-Ṭabari*, Mesir : Dār al-Ma`ārif

Al-Taftazani et al., (2015). *Sharah al-Aqāid al-Nasafiyyah*. Karachi : Maktabah al-Bushrā

Al-Wāḥidi et al., (1980). *Al-Wajīz Fi Tafsīr al-Qur'ān al-`Aziz*. Beirut : Dar al-Fikr

Al-Zabīdi et al., (2000), *Taj al-`Arūs Min Jawāhir al-Qāmūs*, Kuwayt : Mu'assasah al-Kuwayt Littaqaddum al-`Ilmi.

Al-Zirikliy et al., (2002), *al-'`Ilām Qāmūs Tarājim Li 'Ashhari al-Rijāl Wa al-Nisā' Mina al-`Arab Wa al-Musta`ribīn Wa al-Mustashriqīn*, Bayrūt : Dār al-`Ilm Lilmallāyī

Ansari Shoreh. (2010). ` A critical study of sufism terminology in kashf al-mahjūb ` dalam KAVOSHNAMEH . Vol 11 No. 20 Spring-Summer 2010 h. 87 - 116. Yazd, Iran : Yazd University.

Ayrat Faikovich Yusupov. (2015). ` Specifics of sufi and islamic terminology use in the poetry of the xixth century ` dalam European Journal of Science and

Theology. Vol 11 No.5 Oktober 2015, h. 275 – 284. Romania : Ecozone publishing house.

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Azyumardi Azra et al., (1994), *Jaringan ulama: Timur Tengah dan kepulauan Nusantara abad XVII dan XVIII : melacak akar-akar pembaruan pemikiran Islam di Indonesia*, Bandung : Penerbit Mizan.

Bradley. (2010). The Social Dynamics of Islamic Revivalism In Southeast Asia : The Rise of Patani School, 1785-1909. Tesis Ijazah Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Wisconsin-Madison.

Buta jawi pincangkan budaya melayu (1999) , 13 Ogos. Utusan Malaysia : http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1999&dt=0813&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=hn_06.htm (25 Oktober 2018).

Che Wan Shamsul. (2012), Mac 25-26. Kerangka awal transliterasi mesin teks jawi pada Batu Bersurat Piagam Terengganu (BBPT). Kertas Kerja yang disampaikan dalam seminar Batu Bersurat Piagam Terengganu. Anjuran Muzium Negeri Terengganu. Kuala Terengganu.

Faktor kekaburan ilmu taṣawwuf di Malaysia (2017) , 27 Julai , Bicara Agama. Utusan Malaysia : http://www.utusan.com.my/rencana/agama/faktor-kekaburan-ilmu-tasawuf-di-malaysia-1.507907 (18 Oktober 2018).

Fauzi et al., (2019). *Asānīd al-Faṭāniyyin Fi Riḥāb al-Balad al-‘Amīn*, Makkah : Dār Muḥāwar Lilnashri Wa al-Tauzi’

Haji Nik Mahmud et al., (1946). *Kitab Pati Rahsia.* Kota Bharu : Percetakan al-Ahliyyah Sendirian Berhad.

Hamdan et al., (2018), *Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Naskhah Melayu Patani*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn `Arabi et al., (t.t). al-Futuḥāt al-Makkiyyah. Mesir : Dar al-Kutub al-`Arabiyyah al-Kubrā.

Ibn al-Ṣalāḥ et al., (2002), *Ma`rifah 'Anwā` Ilmi al-Ḥadīth*, Bayrut : Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Ibn `Asākir et al., (1995). *Tārikh Madinah Dimashq*. Bayrūt : Dār al-Fikr

Ibn Kathīr et al., (1999). *Tafsīr al-Qurān al-`Aẓīm*. Riyāḍ : Dār ṭayyibah Lil Nashri Wa al-Tauzī`.

Ibn Taimiyyah et al., (1985). *al-Fariqāni Bayna 'Auliyā' al-Raḥmān Wa `Auliyā' al-Shayṭān*. Irbid : Maktabah Dār al-Bayān-Maktabah al-Mu'ayyad

'Imād et al., (2008). *Tarjamah al-'Imām 'Aḥmad bin Ḥanbal Wa Qiṣṣatuhu Ma`a al-Musnad Wa Bayān al-Juhūd al-Mabdhūlah Fi Khidmatihi*. Iskandariah : Dār al-'Imān Lilṭab`i Wa al-Nashr Wa al-Tauzī`

Ismail Che Daud et.al., (2001) (2007), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (Jilid 1 dan 2),* Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

Ismail Che Daud. (2004). Mac-April. "Ulama Majhul Negeri Kelantan (bahagian kedua)". Majalah Pengasuh Bil 585 Thn 2004, h. 28.

Janu Murdiyatmoko et al., (2007). *Sosiologi : memahami dan mengkaji masyarakat*. Bandung : Grafindo Media Pratama.

Johni Dimyati et al.,(2013). *Metodologi penelitian pendidikan & aplikasinya pada pendidikan anak diusia dini (PAUD).* Jakarta : Kencana Prenada Media Group.

Kamus Dewan edisi keempat. (2010). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laman sesawang Center of patani studies : https://patanistudies.com/muslim-scholars/abd-al-qadir-b-abd-al-rahman-al-fatani-shaykh-1829-98/ (13 November 2018)

Laman sesawang David Rumsey Map Collection : https://www.davidrumsey.com/luna/servlet/detail/RUMSEY~8~1~20942~530038:Malay-Archipelago-# (2 April 2019)

Laman sesawang milik Jakim, Islam GRID 2.0 Obor yang menyinari Alam: http://ii.islam.gov.my/articles/tasawwuf/tasawwuff.php (27 Oktober 2018).

M.Saerozi. (2007). ‘Pelajaran politik manaqib sufiyah (telaah terhadap kitab al-Lujjayn al-Dānī)’ dalam Jurnal PROFETIKA. Vol 9 No. 2 Julai 2007, h. 142 – 157. Surakarta : Pascasarjana UMS.

Mahmud Sa`id et.al., (2014), *Tasynīf al-Asmā’ bi Syuyūkh al-Ijāzati wa al-Simā`,* Bayrūt: Tanpa Nama Penerbit

Majdi. (1995). Pendahuluan dalam Majdi. Tafsīr al-‘Imām al-Shāfi`ī. h. 4. Bayrūt : Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah

Mariasusai Dhavamony et al., (2010). *Fenomenologi agama*. Yogjakarta : Penerbit Kanisius.

Mohd Affendi dan Hermansyah. (2017). Latar Belakang Ringkas Shaykh `Abbas Kūta Karang dalam Mohd Affendi dan Hermansyah. Kitab Perubatan Melayu al-Raḥmah Fī al-ṭibb Wa al-ḥikmah. h. 1. Kuala Lumpur : Akademi Jawi Malaysia.

Mohd Hazani Mahadi. (2017). Sabtu 23 September. ‘Bagaimanakah Istilah Tercipta?’. Sinar Harian. : http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/oh-bahasaku/bagaimanakah-istilah-tercipta-1.734161 (27 Oktober 2018).

Mohd Zafrullah. (2000). Peranan dan Perkembangan Masyarakat Melayu-Patani di Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

Mohd Zaidi et al., (2012). *Kearifan yang Subur*, Shah Alam : Kurnia Ilham.

________________(2013). *Tuḥfah al-‘Ummah Wa Hiya Marwiyyāt al-Shaykh (Tuan Guru) Haji Hamzah bin Muhammad al-Kalantāni*, Shah Alam : Kurnia Ilham.

Mu`īn al-Dīn Ahmad. (1963). History of The Shattari Silsilah. Tesis Ijazah Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Aligarh.

Muhammad al-Qūnūwi et.al., (2002), *'Aḍwā' `Alā al-Risālah al-Mansūbah 'Ilā al-ḥāfiz al-Dhahabi : al-Naṣīḥah al-Dhahbiyyah Li Ibn Taymiyyah*, Dimashq : Dār al-Ma'mūn Li al-Tūrath.

Muhammad al-Tahānawi et al., (1996). *Mausū`ah Kashhāf iṣṭilāhāt al-Funūn Wa al-`Ulūm*. Bayrūt : Maktabah Lubnān Nāshirūn

Muhammad Arafat. (2013). Be-longing: Fatanis in Makkah and Jawi. Tesis Ijazah Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Havard.

Muhammad Khalil., (t.t), *Silk al-Durar fi `Ayān al-Qarni al-Thāni `Asyar,* Bulaq : Matba`ah al-Miriyyah al-`Āmirah

Norhasmiza Ramli. (2011). Transliterasi dan anotasi kitab al-jawāhir al-saniyyah karangan Shaykh Daud Bin Abdullah al-Faṭāni (/kitab menyatakan hukum nikah). Latihan ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. UniSZA.

Perbaharui kitab lama pikat anak muda (2018), 25 September. Berita Harian : https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/09/477757/perbaharui-kitab-lama-pikat-anak-muda

Redzuan. (2001). 'Masjid Al-Haram dan Peranannya dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu' dalam Jurnal Usuluddin. Jilid 13, h. 65-80. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Rosni Wazir. (2014), Oktober 27-28. Sorotan terhadap perkembangan karya-karya Islam dan hadith di Nusantara. Kertas Kerja yang disampaikan dalam Seminar Serantau Peradaban dan Pemikiran Islam (RECIT 2014). Anjuran Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kuala Lumpur.

Sa`īd Ibrahim et al., (1995). *Huraian Asmā al-Ḥusnā Jalan Menghayati Aqidah Islam*. Kuala Lumpur : Dār al-Ma`rifah.

Siti Nur Hakimah (2012). Transliterasi dan Anotasi Teks Risalah Sharāb al-Muntahī karya Shaykh Ismā`il bin `Abd Allah al-Minangkābawi. Latihan ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. UniSZA.

Syed Zainal dan Annapurani. (2017). ‘Evolusi Morfofonemik Bahasa Melayu Dari Abad Ke-16 Hingga Abad Ke-20’ dalam Jurnal Bahasa. Jilid 17 Bil 2, h. 375-402. Pulau Pinang : Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia.

Ṭarābāyishī et al., (2006), *Mu`jam al-Falāsifah*, Bayrūt : Dār al-Ṭalī`ah Lil ṬAbā`ah Wa al-Nashr

Tawfīq et al., (1945). *Al-Sha`rānī Imām al-Taṣawwuf fi `Aṣrihi,* Kaherah : Dar Ihyā’ al-Kutub al-`Arabiyyah `Isā al-Bābī al-Ḥalabi.

t.p et al., (2015). *Panduan Penulisan Akademik Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,* Kuala Terengganu : Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA.

Wahyu Hidayat et al. (2014). ‘Pengaruh Muhammad Haqqi al-Nazilli (m. 1884) terhadap Amalan Keagamaan Masyarakat Melayu’ dalam Global Journal al-Thaqafah. Jilid 4 Isu 2, h. 113 – 122. Kuala Kangsar : Universiti Sultan Azlan Shah.

Wan Ḥussayn. (1975). al-Da`wah al-Islāmiyyah Fi Janūb Sharqi Asia Mundhu Zuhūruhā Ila al-`Aṣr al-Ḥāḍir. Tesis Ijazah Kedoktoran. Universiti al-Azhār

Wan Mohd Saghir et al.,(2000). *Wawasan pemikiran Islam ulama Asia Tenggara (Jilid. 2).* Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah.

____________________(2004). *Al-Ma`rifah (pelbagai aspek taṣawwuf di Nusantara Jilid 1).* Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah.

____________________ (2017), *Himpunan karya al-`ālim al-`Allamah shaykh `Abd al-Qādir bin `Abd al-Raḥman al-Faṭṭāni : koleksi tuan guru haji wan mohd Saghir `Abd Allah,* Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

____________________ (1989). November. ‘Shaykh `Abd al-Qādir bin `Abd al-Raḥmān al-Faṭāni ’. Majalah Dakwah Bil 152 Thn XIII, h. 24 – 25.

______________________(1989). Ogos. ‘Shaykh `Abd al-Qādir bin `Abd al-Raḥīm Terengganu ’. Majalah Dakwah Bil 149 Thn XII, h.21 – 23.

________________________(1990). Februari. ‘Tuan Guru Haji `Uthmān Bin Haji Senik Mufti Kerajaan Pahang Darul Makmur : Guru Mat Kilau’’. Majalah Dakwah Bil 155 Thn XIII, h. 39 – 42

________________________(1992). Oktober. ‘Tuan Guru Haji Muhmud Bin Muhammad Yusuf Raman-Terengganu Ulama dan penyalin pelbagai manuskrip ’. Majalah Dakwah Bil 185 Thn XV, h. 44 – 47.

________________________(2004). Isnin 16 Ogos. ‘Husein Kedah al-Banjari - Generasi penerus ulama Banjar’. Utusan Malaysia, Bicara Agama : http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0816&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm

________________________(2004). Isnin 18 Oktober. ‘Tuan Minal al-Faṭānī – Karangannya rujukan Ulama Melayu’. Utusan Malaysia, Bicara Agama : http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=1018&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm (11 Januari 2019)

________________________(2004). Isnin 27 September ‘Shaykh Wan `Ali Kutan – Guru para Ulama Melayu’. Utusan Malaysia, Bicara Agama : http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0927&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm (11 Januari 2019)

________________________(2005). Isnin 11 Julai. ‘Shaykh `Abd al-Qādir al-Faṭānī - Khalifah Shaykh Daud al-Faṭānī’. Utusan Malaysia, Bicara Agama : http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0711&pub=utusan_malaysia&sec=bicara_agama&pg=ba_01.htm&arc=hive (25 Oktober 2018).

________________________(2005). Isnin 11 Julai. ‘Shaykh `Abdul Qādir al-Faṭānī - Khalifah Shaykh Daud al-Faṭānī’. Utusan Malaysia, Bicara Agama : http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0711&pub=utusan_malaysia&sec=bicara_agama&pg=ba_01.htm&arc=hive (25 Oktober 2018).

________________________(2005). Isnin 25 April. ‘Shaykh Nik Mat - Hakim Mahkamah Syarie di Mekah’. Utusan Malaysia, Bicara Agama : http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0425&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm

________________________(2005). Isnin 7 Mac ‘Datuk Abdullah Musa - Mufti dan Hakim Besar Johor’. Utusan Malaysia, Bicara Agama : http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0307&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm

________________________(2006). Isnin 3 April ‘Haji Wan Muhammad Al-Kalantani Mufti Kelantan yang ke-IV’. Utusan Malaysia, Bicara Agama : ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0403&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm

________________________(2007). Isnin 7 Mei. ‘Faqīh `Ali al-Malibari moyang `ulama dan raja-raja melayu ’. Utusan Malaysia, Bicara Agama : http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0507&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm&arc=hive (13 November 2018).

________________________(2008). Isnin 12 Mei ‘Shaykh Ahmad al-F'aṭānī’. Utusan Malaysia, Bicara Agama : http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0512&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm

________________________(2008). Isnin 28 Januari. ‘Salasilah Shaykh Daud `Abd Allah al-Faṭānī’. Utusan Malaysia, Bicara Agama : http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0128&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm (13 November 2018).

________________________(2008). Isnin 9 Jun ‘Gelaran tertinggi diterima Syeikh Ahmad al-Fathani’. Utusan Malaysia, Bicara Agama : http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0609&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm

Wilkinson et al., *A Malay-English Dictionary*. Singapura : Kelly and Walsh Limited.

Yāqūt et al., (1993), *Mu`jam al-Buldān*, Bayrūt : Dar Ṣādir

Zarrūq et al., (t.t), *Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*, Mesir : Al-Azhār

LAMPIRAN

Lampiran A : Manuskrip Tentang Masalah Feqah

Manuskrip ini merupakan koleksi Wan Mohd Saghir yang diterbitkan pada 2017. Frasa tersebut bermula daripada baris ke lapan daripada atas.

Lampiran B : Manuskrip Rauḍ al-Zawāhir

Pada bahagian atas manuskrip tercatat frasa : Fā'idah pada menyatakan khawāṣ setengah daripada batu, dinaqalkan daripada Tadhkirah Ra'īs al-`Ulamā' Daud al-'Anṭākī raḥimahu Allah ta`āla `alayhi.

Lampiran C : Manuskrip Tentang Zakat

Pada bahagian atas manuskrip ini tercatat frasa : Hādhā al-Taqrīr Shaykh `Abd al-Qādīr Mekah.  Manakala pada bahagian akhir pula mencatatkan frasa : Katabahu `Abd al-Qādīr Ibn `Abd al-Raḥmān Faṭānī

Lampiran D : Manuskrip Tentang Zikir Roh

Pada permulaan manuskrip ini tercatat frasa : ...Maka adalah orang Negeri Jāwī bahawa berkirim surat ke negeri Mekah kepada Tuan Shaykh `Abd al-Qādīr Bin al-Marḥūm Tuan Haji Wan `Abd al-Raḥman Faṭānī bahawa bertanya serta surat...

يغ ترسورة فد ذات الرحمن الرحيم مك منكال دوافت
اكندي مك دسناله كيتان ڤالوڠ مك كات ڤالوڠ
هندق برلاجر علموايت جادي جوان شاء الله
مڠاجي له اڠكو والله اعلم مك ونت ايت بركات دله
اكو مڠتهوي نية كامو ايت هندق لاجر علمو اداكه
دافت اتوتيا دان شاء الله تعالى دافت برلا
جار وله كامو اكن دي قال مولانا وشيخنا
الشيخ عبد القادر بن المرحوم الشيخ
عبد الرحمن الفطاني كان
الله له ولمن يكن
معنا ثاني

Lampiran E : Teks Kitab Membuka Pal

Nama Shaykh al-Faṭānī tercatat pada baris ke lima daripada bawah.

Lampiran F : Bahagian Hadapan Manuskrip Fāl al-Quran

Manuskrip ini berada dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dengan nombor panggilan MS 515(1)

Lampiran G : Bahagian Akhir Manuskrip Fāl al-Quran

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله الهادي الموفق ، والصلاة والسلام على سيدنا محمد الفاتح لجميع الخير ، القائل بأن العلماء ورثة الأنبياء ، وعلى آله وأصحابه الذين هم كالنجوم فبأيهم اقتديتم اهتديتم ، ومن تبعهم بإحسان من العلماء سلفهم وخلفهم الذين جاءوا من بعدهم يقولون ربنا اغفر لنا ولإخواننا الذين سبقونا بالإيمان ولا تجعل في قلوبنا غلا للذين آمنوا ربنا إنك رؤوف رحيم .

أما بعد .

فقد سألني من حضر وواظب على درسي في الحرم المكي ، إجازة مباركة فيما سمع مني وفيما كنت قرأته عليهم من الكتب الدينية ، فأعلمتهم أني أهل لذلك ، مع أني لست من أهل هذا الميدان ، ولكن حسن الظن منهم اضطرني أن أكتب لهم هذه السطور بمثابة التوقيع وشهادة لما حصلوا من فضل الله علي وعليهم راجيا من المولى الكريم أن يوفقني وإياهم لما فيه رضاه ، وأن يكتبني وإياهم على دينه الحق متمسكين بعروة الوثقى غير ضالين ولا مبدلين ولا مغيرين .

وهذه إجازة خاصة لما سبق ذكره ، وعامة لما يصح لهم من العلوم والفنون والكتب الدينية ، بما قد أجازني جميع مشايخي وأساتذتي رحمهم الله تعالى رحمة واسعة كاملة ، منهم الفاضل العالم المصري المحدث الشيخ محمد عربي أدام الله فضله ، والفاضل العالم النحوي الشيخ محمد أمين الكتبي أدام الله فضله ، والفاضل العالم الزاهد الشيخ عمر الداغستاني رحمه الله ، والفاضل العالم الفقيه الشيخ محمد فطاني رحمه الله ـ شاكرا لما من الله علي ، طالبا من جوده وكرمه الحسنى والزيادة .

وممن حضر وواظب على درسي المذكور ـ الأستاذ حمزة بن محمد ....

[illegible] كلنتن . أعانه الله على [illegible] فقد أجزت له تلك الإجازة المذكورة خصوصا في [illegible] البخاري

موصيا له أن يجعل شعاره التقوى وفرضه نصحا للمسلمين والإسلام وأن لا ينساني بدعاء الخير في جميع دعواته الصالحة . ربنا لا تزغ قلوبنا بعد إذ هديتنا وهب لنا من لدنك رحمة إنك أنت الوهاب . ربنا وهيئ لنا من أمرنا رشدا ، وصلى الله على سيدنا محمد خاتم الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه وسلم تسليما كثيرا دائما أبدا آمين .

تحريرا في ١٦ صفر ١٣٧٧ هـ .

كتبه الراجي إلى عفو ربه العلي .

[illegible]

Lampiran H : Dokumen Ijazah Shaykh `Abd al-Rahim bin Idris al-Kalantani kepada Shaykh Hamzah bin Muhammad al-Kalantani bertarikh 16 Safar 1377

تحفة الأمة

الحمد لله رب العالـمين و الصلاة و السلام على سيدنا محمد و على آله و صحبه أجمعين .

أما بعد فيقول العبد الفقير الحاج حمزة بن محمد بوكيت تانه سليسينج فاسير فوتيه كلنتان مليسيا . قد التمس مني الأخ أمير الهشام ابن أفندي ....

الإجازة على عادة السلف الصالح بعد ما علم / علمت أني أحد الطلاب بالـمسجد الحرام مكة الـمكرمة و بدار العلوم الدينية بمكة الـمكرمة و بالـمشايخ الأعلام منهم العلامة الشيخ السيد محمد أمين الكتبي و الشيخ عبد الرحيم بن الـمفتي إدريس و علم الدين الشيخ محمد ياسين بن عيسى الفاداني بدار العلوم و الشيخ زكريا بن عبد الله بيلا بالصولتية و غيرهم من الأساتذة فأجزته/فأجزتها و إن كنت لست أهلا لذلك مثل ما أجازني مشايخي الأئمة الأعلام الـمذكورة

هذا و أوصي نفسي و إياه / إياها بتقوى الله في السر و العلن و أن لا ينساني / تنساني من صالح دعواته / دعواتها في خلواته / خلواتها و جلواته / جلواتها و سلام على سيد الـمرسلين و الحمد لله رب العالـمين

المجيز:

الحج حمزة بن محمد الكلنتاني

بتاريخ ٢٨ شعبان سنة ١٤٣٧ هـ

الموافق ٤ جون عام ٢٠١٦ م

3

Lampiran I : Dokumen Ijazah Shaykh Hamzah bin Muhammad al-Kalantani kepada Pengkaji bertarikh 28 Sya`ban 1437

اللجين الداني في نبذة من مناقب القطب
الرباني سيدنا الشيخ عبد القادر
الجيلاني قدس الله سره تأليف
سيدنا ومولانا السيد
جعفر بن السيد حسن
البرزنجي الحسيني
نفعنا الله به
في الدارين
آمين

Lampiran J : Manuskrip Daripada Koleksi Leipzig University Library

Tajuk ini boleh diterjemahkan sebagai Petikan yang mendekatkan tentang sebahagian daripada kelebihab Qutb al-Rabbāni Sayyidinā al-Shaykh `Abd al-Qādir al-Jaylāni